

**Jilid I
Bil. 81**



**Hari Selasa
9hb Disember, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8881]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—

Jadual—

Kepala B. 32 [Ruangan 8900]

Kepala B. 33, B. 34, B. 35, B. 36, B. 37, B. 38 dan B. 39 [Ruangan 8945]

Kepala B. 43, B. 44 dan B. 45 [Ruangan 8987]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—

Kepala P. 32 [Ruangan 8900]

Kepala P. 33, P. 34, P. 35, P. 38 dan P. 39 [Ruangan 8945]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 8899]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 9hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., DATUK SRI PADUKA RAJA (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- ” TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- ” TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- ” PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- ” TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- ” TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- Yang Berhormat DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K., K.M.N. (Kuala Selangor).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- Yang Berhormat** DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- ” TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri, dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- ” Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat** Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- ” Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- ” Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- ” Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- ” TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- ” TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.S.D.K., A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tauran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TENGGU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGGU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

BUKAN WARGANEGARA TINGGAL KEKAL DI MALAYSIA

1. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan yang akan diambil bagi menentukan yang bukan warganegara Malaysia yang bermastautin di negeri ini secara tinggal kekal, "stay permit" "social visits" dan lain-lain itu tidak terdiri dari anasir-anasir anti-nasional pengedar-pengedar dadah, perompak-perompak atau puak-puak pelampau dari satu-satu negeri lain.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, semua permohonan daripada warganegara asing untuk melawat, bekerja, berniaga atau belajar ataupun untuk tinggal tetap di negara ini adalah ditapis oleh pihak keselamatan dengan teliti untuk menentukan seseorang itu tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak diingini sebelum ia dikeluarkan satu-satu pas atau permit.

Jika didapati seseorang yang telah dibenarkan melawat atau tinggal di negeri ini melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti yang tidak diingini, tindakan mahkamah akan diambil terhadapnya dan seterusnya pas atau perमितnya akan dibatalkan dan ia akan diusir dari negeri ini, namanya akan dimasukkan ke dalam Senarai Hitam dan ia tidak akan dibenarkan masuk ke negara ini lagi. Kita tidak mempunyai peruntukan undang-undang yang cukup untuk menghadapi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PENDUDUK MALAYSIA BANTU PENGGANAS KOMINIS

2. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

adakah benar ada segulungan penduduk-penduduk Malaysia telah memberi makanan serta lain-lain bahan kepada pengganas-pengganas kominis, kiranya benar nyatakan:

- (a) orang-orang yang telah didapati memberi pertolongan kepada pengganas-pengganas kominis, di negeri mana didapati dan dari keturunan bangsa apa;
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka ini jika sudah ada bukti-bukti yang nyata; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa mereka telah mendapat nikmat di negara ini dan kini pula hendak membuat ancaman kepada negara yang didudukinya dan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memansuhkan orang-orang seperti ini dengan secepat mungkin.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, memang benar terdapat segolongan penduduk-penduduk negara ini yang memberi pertolongan kepada pengganas-pengganas kominis tetapi oleh kerana soalan ini menyentuh soal keselamatan, saya anggap tidaklah sesuai untuk diterangkan dengan lebih lanjut mengenainya. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa penyokong-penyokong pengganas-pengganas ini telah diberkas dan ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.

Memandangkan ancaman keselamatan yang dihadapi, saya anggap langkah-langkah yang telah dijalankan amat sesuai sekali.

NELAYAN ASING MASUK PERAIRAN MALAYSIA—BILANGAN DITANGKAP

3. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan nelayan-nelayan asing yang telah ditangkap kerana memasuki perairan Malaysia secara haram dalam tempoh enam bulan yang pertama tahun 1975 dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, 21 orang nelayan asing telah ditangkap dalam 6 bulan pertama, 1975. Mereka telah didakwa kerana menangkap ikan tanpa lesen dan didenda oleh mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Taufeck.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Haji Mohd. Taufeck bin O. K. K. Haji Asneh tidak hadir).

AHLI-AHLI KUALA LUMPUR STOCK EXCHANGE—SAHAM PERCUMA

5. Tuan Patrick Anek Uren (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian:

- (a) adakah beliau sedar bahawa ada setengah Syarikat Awam telah memberi saham-saham percuma kepada setengah ahli-ahli Kuala Lumpur Stock Exchange untuk mendaftarkan syarikat-syarikat mereka. Jika sedar, tindakan apakah beliau bercadang untuk mengambil terhadap syarikat yang berkenaan dan ahli-ahli di Stock Exchange yang berkenaan supaya melindungi hak-hak orang ramai; dan
- (b) apakah langkah mencegah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelak Pengarah-pengarah Syarikat-syarikat Awam dari menipu orang ramai.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya tidak sedar terdapatnya kes-kes di mana syarikat-syarikat awam telah memberi share-share percuma kepada ahli-ahli Kuala Lumpur Stock Exchange untuk mendaftarkan syarikat-syarikat mereka. Tidak ada apa-apa aduan yang diterima oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengenai perkara ini.
- (b) Ada undang-undang yang cukup untuk melindungi kepentingan orang ramai dan juga untuk mencegah pengarah-pengarah syarikat daripada melakukan perbuatan menipu. Mereka yang terlibat di dalam amalan yang curang boleh didakwa di bawah "Penal Code" atau Akta Syarikat 1965.

PEGAWAI-PEGAWAI FAMA DAERAH—MODAL PUSINGAN

6. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar

Bandar menyatakan samada Kementerian beliau dapat menambah lagi peruntukan modal pusingan yang diberi kepada Pegawai-pegawai FAMA Daerah untuk membolehkan mereka menjalankan usaha membeli hasil luar bandar lebih pesat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, jawabnya adalah dapat. Jumlah wang pusingan yang diberi kepada mereka pada satu-satu masa bergantung kepada jumlah urusniaga yang dijalankan oleh mereka. Walau bagaimanapun, mereka boleh meminta wang pusingan tambahan pada bila-bila masa jika wang pusingan yang diberikan itu tidak mencukupi.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menempatkan segera Pegawai-pegawai FAMA di seluruh daerah yang sepatutnya Pegawai-pegawai FAMA itu bertugas kerana didapati banyak tempat sekarang ini kadang-kadang seorang Pegawai FAMA terpaksa bertugas di 4 buah daerah seperti di Kuala Kerai. Jadi, adakah pihak Kementerian hendak menjalankan tindakan segera

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, ini memang menjadi hasrat Kementerian dan ini adalah bergantung kepada keadaan kewangan. Jika keadaan kewangan mengizinkan kita akan menempatkan pegawai-pegawai yang berkenaan.

ANTI-FAHAM KOMINIS—PENERANGAN

7. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa langkah-langkah penerangan anti-faham kominis tidak begitu giat dijalankan sekarang; dan samada beliau sedar bahawa langkah-langkah seperti itu tidak mencukupi dalam menghadapi keganasan kominis seperti pada masa sekarang.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, segala rancangan dan kegiatan sebaran am

yang diselenggarakan oleh Kementerian Penerangan adalah berjalan dengan cukup licin. Semua rancangan dan kegiatan ini adalah berasas kepada prinsip demokrasi dan berpandukan kepada prinsip-prinsip Rukunegara. Seperti Ahli Yang Berhormat boleh maklum ini bukanlah bererti kita tidak cuba meninggikan mutu kegiatan kita dari masa ke semasa.

Kementerian Penerangan khususnya Jabatan Penerangan dengan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain telah mengadakan kursus-kursus sibus, majlis-majlis penerangan keselamatan, ceramah-ceramah agama dan syarahan-syarahan untuk semua golongan masyarakat termasuk kursus-kursus yang dijalankan di Pusat-pusat Pengajian, pertubuhan-pertubuhan belia dan sebagainya. Kegiatan-kegiatan ini adalah bertujuan untuk menanamkan fahaman demokrasi dan kesedaran corak hidup ke Malaysia di kalangan rakyat di seluruh negara. Kementerian Penerangan sentiasa memberi penerangan melalui Radio, TV dan Jabatan Penerangan kepada rakyat untuk menanamkan semangat cintakan negara serta mendedahkan kepada mereka niat jahat golongan-golongan antinasional yang cuba hendak mengganggu ketenteraman dan keamanan negara. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kerajaan dalam menentang anasir-anasir anti-nasional ini mendapat sokongan daripada orang ramai.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi salah satu daripada alat yang paling ampuh untuk menentang fahaman komunis ialah siaran-siaran berbentuk agama, khususnya Agama Islam. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk mempergiatkan lagi penyiaran itu supaya nilai-nilai Islam seperti "social justice" dalam Islam, hukum-hukum ekonomi dalam Islam, kerjasama dalam Islam dan sebagainya supaya dapat difahami oleh semua rakyat dimerata pelusuk tanahair ini mengerti nilai Islam dengan harapan supaya apakala manusia itu betul-betul faham tentang Islam, maka mereka tidak akan menganuti fahaman komunis.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah nyatakan dalam ucapan saya waktu membentangkan Perbekalan bagi Kementerian saya, perkara ini sedang dikaji supaya dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).

INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

9. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh sebab ada beberapa banyak murid-murid kelulusan Sijil Pelajaran Tinggi yang tidak dapat memasuki Universiti-universiti kita, adakah beliau bercadang hendak menimbang mengadakan lagi sebuah Institusi Pelajaran Tinggi menitik-beratkan kepada sains dan teknologi supaya diserapkan mereka dan tiadalah mereka merasai terkecewa. Jika tidak, apakah langkah-langkah beliau bercadang hendak ambil bagi mengatasi masaalah ini.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidak. Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkan sebuah lagi Institusi Pelajaran Tinggi.
- (b) Sekarang terdapat lima buah universiti yang ditubuhkan di negara ini di samping lain-lain pusat pengajian tinggi seperti Institut Teknologi MARA, Politeknik Ungku Omar dan Kolej Tunku Abdul Rahman. Selain dari Universiti Malaya, universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi tersebut sedang di dalam proses perkembangannya. Dengan ini bilangan pelajar-pelajar yang diambil masuk setiap tahun akan juga ditambah selaras dengan perkembangan itu.
- (c) Kelulusan HSC tidak bermakna bahawa ia mesti diikuti dengan pelajaran di institusi pelajaran tinggi. Kelulusan ini juga melayakkan seseorang itu mendapat pekerjaan tetap. Peluang mencapai kemajuan melalui kenaikan pangkat waktu bekerja masih ada. Kegagalan memasuki institusi pelajaran tinggi selepas HSC tidak seharusnya dianggap sebagai satu halangan untuk mencapai kejayaan dan kehidupan sempurna. Akhirnya, saya ingin menegaskan tidak ada negara di dunia ini yang memberi pelajaran peringkat tinggi kepada semua yang layak dari segi akademik mendapatnya. Jika

semua yang layak masuk ke universiti kelulusan daripada universiti akan berlebihan dan akan tidak berharga lagi.

KOPERASI PELADANG

10. Tuan Shamusddin bin Din (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan kemajuan-kemajuan yang dicapai dalam usaha penubuhan Koperasi Peladang di seluruh Negara, dan hasil-hasil permulaan yang telah dinikmati dari usaha tersebut.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah sebutkan di dalam Dewan ini pada 24hb November, 1975 sewaktu menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Julau, matlamat Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ialah menubuhkan sebanyak 210 buah Koperasi Peladang dalam 210 buah kawasan kemajuan peladang menjelang tahun 1980 dengan cara menyatukan Persatuan-persatuan Peladang dengan Syarikat-syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian. Setakat ini sebanyak 163 buah Koperasi Peladang telahpun ditubuhkan. Tujuan matlamat utama di dalam menggembeling tenaga petani-petani di dalam koperasi-koperasi adalah merupakan satu proses penting di dalam memodenkan sektor pertanian. Dengan adanya sebuah koperasi Peladang dalam satu-satu kawasan peladang dan dipusatkan pula kepada Pusat-pusat Kemajuan Peladang maka segala bantuan yang diperlukan oleh petani-petani di sesebuah kawasan itu dapat disalurkan secara integrasi oleh segala ajensi-ajensi di luar yang ada hubungannya dengan kegiatan-kegiatannya melalui pusat-pusat kemajuan yang berkenaan. Kemudahan-kemudahan ini termasuklah mengadakan input-input pertanian dan juga trektor, alat-alat yang lain seperti baja, benih-benih, kredit dan juga latihan-latihan perkembangan. Dengan adanya tenaga yang digembelingkan sedemikian ini dapatlah petani-petani dibantu ke arah berdikari dalam memasarkan hasil-hasil pertanian dan juga mengambil bahagian di dalam perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat

Timbalan Menteri, berapa banyakkah bantuan kejenteraan ladang yang telah dikeluarkan kepada petani-petani melalui pusat-pusat Lembaga ataupun Pusat-pusat Persatuan Peladang?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya menerangkan serba ringkas bantuan berkenaan dengan trektor empat roda sebanyak 41 buah, trektor dua roda 14 buah, lori 17 buah, pick-up van 11 buah, motobot 3 buah, Land Rover 8 buah yang harganya berjumlah sebanyak \$1.9 juta. Sementara modal pusingan berjumlah \$5.4 juta.

Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar berapa banyak Pusat-pusat Kemajuan Peladang yang telah dibina dan di negeri-negeri mana?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Pusat-pusat Kemajuan Peladang yang telah dibina iaitu di Perlis 10 buah, Kedah 30 buah, Pulau Pinang 7 buah, Perak 26 buah, Selangor 10 buah, Negeri Sembilan 9 buah, Melaka 5 buah, Johor 15 buah dan Kelantan 21 buah.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu jumlah peratus mengikut Negeri-negeri yang menyertai gerakan Koperasi Peladang di Semenanjung Malaysia?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Prtua, mengikut peratus petani-petani yang menyertai Koperasi Peladang adalah seperti berikut:

Trengganu	36%
Johor	33%
Pahang	32%
Kelantan	31%
Perlis	30%
Negri Sembilan	28%
Kedah	26%
Selangor	25%
Pulau Pinang	22%
Perak	21%
Melaka	19%

JEMAAH HAJI

11. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan:

- bilangan rakyat negara ini yang telah memohon untuk menunaikan fardhu haji tahun ini;
- daripada bilangan ini berapa ramai yang dibenarkan pergi; dan
- bilangan yang ditolak dan mengapa.

Mnteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua,

- Bilangan rakyat negara ini yang telah memohon (mendaftar diri) untuk menunaikan fardhu Haji tahun ini ialah seramai 18,109 orang.
- Semuanya telah dibenarkan pergi. Akan tetapi seperti keadaan pada tiap-tiap tahun, daripada jumlah yang telah mendaftar untuk naik haji, ada yang di antara mereka yang menarik diri atas kadar antara 10% hingga 15%.

Pada tahun ini daripada 18,109 orang yang berdaftar itu, seramai kira-kira 16,500 orang telah dikeluarkan Pasport Haji untuk pergi ke Tanah Suci samada dengan Kapal Laut atau Kapal Udara. Bakinya sejumlah kira-kira 1,609 orang iaitu atas kadar 9% sahaja. Mereka telah menarik diri daripada menunaikan fardhu Haji atas sebab-sebab kematian, keuzuran, kekurangan wang, kesibukan urusan kehidupan dan sebagainya.

- Tidak ada yang ditolak.

Tuan Abdul Jalal bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk memudahkan jemaah-jemaah haji pada masa yang akan datang dan juga pada penghantar-penghantarnya, adakah Kerajaan menerusi Tabung Haji akan mengadakan penerbangan langsung dari kawasan-kawasan di Semenanjung Malaysia ini juga Sabah dan Sarawak, misalnya, dari Lapanganterbang Senai, Johor, Kota Bharu, Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu pada masa yang akan datang, dan jika ada, bila akan dimulakan?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini lain sedikit tetapi ada juga kaitannya. Kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab tidak ada halangan.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang seperti ini memang telah ada dalam perhatian Tabung Haji sendiri tetapi buat masa ini tidak dapat dilaksanakan oleh beberapa sebab. Sebab yang pertama ialah keadaan padang atau lapanganterbang di tempat-tempat yang tersebut itu masih belum sesuai lagi untuk digunakan bagi kapalterbang-kapalterbang yang besar. Sebab yang kedua ialah penentuan bagi orang yang hendak menunaikan haji dengan kapalterbang mengikut kawasan atau negeri belum dapat ditentukan dengan cara yang lebih teratur. Apabila kedua-dua sebab ini dapat diatasi pada masa yang akan datang ada kemungkinan bahawa niat untuk membawa jemaah-jemaah haji daripada tempat-tempat yang tertentu bukan sahaja daripada Kuala Lumpur itu dapat dilaksanakan.

PEKERJA-PEKERJA L.L.N.

12. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan bilangan pekerja-pekerja L.L.N. yang membaiki kerosakan letrik di tiap-tiap kawasan.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pekerja-pekerja L.L.N. yang ditugaskan membaiki kerosakan letrik di tiap-tiap kawasan adalah seperti berikut:

<i>Kawasan</i>	<i>Daerah</i>	<i>Bilangan Pekerja</i>	
Selatan ...	Johor Bahru	...	173
	Kluang	...	35
	Batu Pahat	...	37
	Muar	...	28
	Melaka	...	112
	Seremban	...	104
Tengah ...	Kuala Lumpur (Utara)	...	241
	Kuala Lumpur (Selatan)	...	220
	Petaling Jaya	...	55
	Stesyen Luar (Kajang, Rawang, Tanjong Malim, Kuala Kubu)	...	119

<i>Kawasan</i>	<i>Daerah</i>	<i>Bilangan Pekerja</i>
Timur ...	Temerloh ...	65
	Raub ...	128
	Kuantan ...	85
	Trengganu ...	88
	Kota Bharu ...	80
Utara ...	Alor Star ...	70
	Butterworth ...	147
	Taiping ...	47
	Ipoh ...	190
	Telok Anson ...	34

Bilangan pekerja-pekerja yang disenaraikan di atas, selain dari menjalankan kerja-kerja membaiki kerosakan pada waktu kerja biasa juga ditugaskan mengikut jadual, berjaga sedia untuk membaiki kerosakan selepas waktu kerja biasa.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, daripada penerangan Menteri berkenaan, adakah beliau bercadang hendak menambah bilangan pekerja membaiki kerosakan di kawasan Wilayah Persekutuan memandangkan rungutan orang ramai pada hari ini apabila berlaku kerosakan pihak L.L.N. lambat datang membaiki kerosakan kerana kekurangan tenaga pekerja?

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dikaji dari semasa ke semasa dan sekiranya perlu tentulah bilangan itu akan ditambahkan.

PENGANGGURAN AKIBAT EKONOMI MELESET

13. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menerangkan keadaan pengangguran yang ujud sekarang terutama sekali di kalangan perusahaan-perusahaan yang mengalami akibat teruk kerana kemelesetan seperti perusahaan-perusahaan letronik, kain-kainan dan kayu-kayan dan samada langkah-langkah telahpun diambil untuk memberi pekerjaan di lain-lain bidang untuk mereka yang telah hilang pekerjaan mereka.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat-maklumat yang diterima oleh Kementerian saya bagi tempoh Ogos, 1974 hingga Oktober, 1975, sejumlah 10,379 pekerja telah diberhentikan kerja (retrenched) di Semenanjung Malaysia.

Dalam perusahaan eletronik, sejumlah 2,648 pekerja-pekerja telah diberhentikan kerja (retrenched) dari bulan Ogos, 1974 hingga 30-10-75 di Semenanjung Malaysia.

Walau bagaimanapun, dalam perusahaan kain di Semenanjung Malaysia, jumlah pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja (retrenched) ialah 408 orang.

Dalam perusahaan kayu-kayan di Semenanjung Malaysia pula, sejumlah 1,525 pekerja telah diberhentikan kerja (retrenched). Di Sarawak hingga akhir bulan Disember, 1974 6,078 pekerja telah diberhentikan kerja dalam perusahaan kayu-kayan dan di Sabah jumlahnya ialah 3,290 bagi tempoh yang sama.

Perkhidmatan Pekerjaan di Kementerian ini adalah terlibat dengan aktifnya bagi membantu penganggur-penganggur termasuk pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja (retrenched) untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Ada kalanya pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Pekerjaan ini pergi ke tempat-tempat perusahaan yang mana pemberhentian kerja (retrenchment) telah berlaku untuk mendaftar pekerja-pekerja yang terlibat bagi mendapatkan pekerjaan yang lain. Sebahagian besar pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja (retrenched) telah dipanggil balik dan ada yang telah mendapat pekerjaan-pekerjaan yang lain oleh kerana keadaan ekonomi yang telah beransur pulih.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Di awal tahun ini Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan hendak membuat satu undang-undang bagi mewajibkan majikan-majikan membayar pembayaran retrenchment kepada pekerja-pekerja yang dibuang kerja. Adakah Kementerian Buruh telah meneruskan ikhtiar ini atau telah menukar sikap?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya umumkan ialah Kementerian saya akan mengkaji perkara ini dan keadaan sekarang ialah perkara ini

Kementerian saya sedang berunding dengan kedua-dua pihak yang berkenaan iaitu Pertubuhan dan MTUC.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa masa yang diambil oleh Kementerian Buruh hampir satu tahun untuk mengkaji perkara ini dan barangkali kita tidak tahu berapa tahun lagi akan diambil tidak akan menolong pekerja-pekerja yang menderita akibat pemberhentian atau pembuangan kerja. Bolehkah Kementerian membuat tindakan atau kajian segera untuk membolehkan pekerja-pekerja yang terlibat dapat bantuan segera?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kami dari Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat kami telah cuba seberapa boleh menjalankan segala pertimbangan dengan segera dan kedua-dua pihak yang berkenaan iaitu pertubuhan majikan dan MTUC sedar keadaan ini dan berpuas hati atas keadaan sekarang.

RISDA—PENYELEWENGAN BANTUAN \$10 JUTA

14. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat ini samada tangkapan telah dibuat ke atas penyelewengan \$10 juta bantuan tanaman semula getah RISDA Perak, jika tidak nyatakan sebab-sebab kelambatan di dalam mengambil tindakan. Samada beliau bercadang untuk mendedahkan lagi lain-lain hal RISDA di lain negeri.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 12hb November, 1975 dan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Kepong pada 8hb Julai, 1975.

HOSPITAL LADY TEMPLER, KUALA LUMPUR—AMBIL ALIH OLEH KERAJAAN

15. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerianya akan menimbang

memperbesarkan lagi dan menukarkan Hospital Lady Templer di Jalan Cheras, Kuala Lumpur kepada Hospital Kerajaan dengan tujuan mengadakan kemudahan-kemudahan perubatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk tempatan yang semakin bertambah serta meringankan keadaan kesesakan di Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang bersedia menimbangkan cadangan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi sekiranya perkara ini berbangkit. Bagaimanapun, Hospital Lady Templer ini adalah sebuah hospital perendirian dan Jumaah Pengurus Hospital tersebut tidak lagi pernah membangkitkan soal yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Kebetulan, soalan yang seakan-akan serupa telah pernah dibangkitkan dalam Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 15hb Mei, 1972.

MARKAS BRIGED POLIS HUTAN— PEMINDAHAN

16. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan telah berpuashati dengan keadaan kawalan keselamatan di bangunan-bangunan dan Jabatan-jabatan Kerajaan setakat hari ini, jika tidak, apakah langkah-langkah yang diambil untuk membaiki lagi keadaan kawalan tersebut; dan
- (b) memandangkan keadaan kedudukan Markas Briged Polis Hutan di Jalan Pekeliling tidak selamat, adakah pihak Kerajaan hendak memindahkan ke tempat lain. Dan adakah lain-lain markas Polis yang berkeadaan sama yang akan dipindahkan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang seakan-akan ini telah saya jawab pada 10hb November, 1975. Tidaklah benar kedudukan Markas Briged Polis Hutan di Jalan Pekeliling itu tidak selamat dengan kawalan-kawalan yang ada. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa Markas ini tidak ada kelengkapan dan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya, maka rancangan telahpun dibuat

untuk membina sebuah kompleks Pasukan Keselamatan di Cheras. Tanah untuk tapak bangunan itu telahpun diperolehi dan plan bangunan telahpun disediakan. Pembinaan bangunan ini akan dimulakan tidak lama lagi dan apabila bangunan ini telah siap kelak, yunit-yunit Pasukan Polis Hutan yang ditempatkan di Jalan Pekeliling sekarang ini akan dipindahkan ke markas yang baru itu.

MAJLIS BANDARAN KOTA SETAR— PERBELANJAAN TAMBAHAN

17. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan tertubuhnya Majlis Bandaran Kota Setar yang bercantum bagi menggantikan Majlis Bandaran Alor Setar yang meliputi kawasan yang lebih luas, adakah kemungkinan untuk memberi perbelanjaan tambahan khas kepada Majlis Bandaran Kota Setar yang bercantum supaya membolehkan Majlis itu memberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada orang-orang yang tinggal dalam kawasan yang luas itu. Jika tidak, apakah tujuan mengujudkan Majlis yang bercantum itu.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, memanglah sudah menjadi satu hasrat Kerajaan untuk memberi bantuan-bantuan kewangan kepada sesebuah penguasa tempatan yang telah distruktur semula untuk membolehkan penguasa tempatan itu memberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada penduduk-penduduknya, terutama sekali di dalam kawasan-kawasan yang baharu sahaja dimasukkan di bawah bidangnya. Kerajaan Pusat baru-baru ini telah melantik satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk mengkaji dan membuat sokongan-sokongan berkenaan dengan pembahagian sumber-sumber hasil Negara kepada penguasa-penguasa tempatan mengikut peranan penguasa tempatan yang baharu sebagai satu penguasa tempatan yang bertanggungjawab untuk membangunkan kawasan mereka itu dalam kontrek pembangunan negara. Jawatankuasa ini mungkin dapat mengemukakan pengakuan-pengakuannya pada awal tahun hadapan.

KEPONG BARU/TAMAN KEPONG/ DESA JAYA—BEKALAN AIR

18. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar penghuni-penghuni di Kepong Baru, Taman Kepong dan Desa Jaya mengalami kesulitan untuk mendapatkan bekalan air, dan nyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang sama telah saya berikan dalam Dewan ini ketika menjawab soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari Selayang pada 27hb Oktober, 1975.

LESEN SENJATAPI

19. Tuan Mohd. Zahari bin Awang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan lesen-lesen senjatapi yang dikeluarkan mengikut kaum seperti berikut:

- (a) Melayu;
- (b) China;
- (c) India; dan
- (d) lain-lain.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah menjadi amalan Kementerian ini untuk memaklumkan bilangan lesen-lesen senjatapi yang dikeluarkan mengikut kelas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senjatapi-senjatapi telah dikeluarkan dan dilesenkan setakat ini ialah 58,235 pucuk.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada di antara pemilik-pemilik senjatapi itu mempunyai dua atau tiga lesen senjatapi, misalnya revolver, shot-gun dan sebagainya. Memandangkan kepada keadaan keselamatan pada masa sekarang ini adakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik mereka yang mempunyai lebih daripada satu lesen senjatapi sebagaimana yang saya katakan tadi.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya selalu menerima pengaduan selama ini tetapi ada dua tiga kes yang saya minta kepada setiap orang yang bertanya itu supaya memberikan nama-nama mereka, tetapi mereka tidak dapat memberikan nama. Jikalau Ahli Yang Berhormat dapat memberikan kepada saya nama orang-orang yang memiliki sampai 4 pucuk senjata ini saya sedia menerimanya.

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN DI SABAH

20. Tuan James Stephen Tibok (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatukan bilakah pembinaan bangunan Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan Kota Klias, Gadong, Weston, Pekan Beaufort dan Menumbok akan dimulakan.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, kerja menyediakan tapak Sekolah Menengah Kebangsaan Weston telah mencapai peringkat terakhir dan kerja pembinaan bangunan sekolah baharu itu akan dimulakan pada awal tahun hadapan—1976.

Cadangan untuk membina 2 buah sekolah menengah Kerajaan yang berasrama bagi Daerah Beaufort di Gadong dan Limbawang masing-masing telahpun dimasukkan dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga (1976-1980).

Memandangkan bilangan murid-murid yang terlalu kecil di Kota Klias dan Menumbok, Kerajaan tidak dapat menimbangkan pembinaan sebuah sekolah menengah yang berasingan di tempat-tempat itu. Saya rasa sekolah menengah Kerajaan di Kuala Penyu yang sekarang sedang dibina dan juga pembinaan dua sekolah-sekolah menengah berasrama yang dicadangkan di Gadong dan di Limbawang akan dapat menampung murid-murid dari kawasan-kawasan Menumbok, Kota Klias dan juga Pekan Beaufort.

(*Jawapan kepada Soalan No. 4 dan No. 8 adalah seperti di bawah ini*):

BULAN PUASA—KELEPASAN

4. Tuan Haji Mohd. Taufeck bin O. K. K. Haji Asneh minta Menteri Pelajaran menyatukan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pemikiran murid-murid beragama Islam yang

berpuasa pada bulan Ramadhan adalah terganggu disebabkan mereka lapar, sedangkan murid-murid bukan Islam sentiasa sihat seperti biasa;

- (b) samada ini akan menyebabkan kepincangan di kalangan murid-murid; dan
(c) jika ya, kenapa tidak diberi kelepaan semasa Bulan Puasa.

Dr Mahathir bin Mohamad:

(a) Saya sedar bahawa amalan puasa menyebabkan orang yang berpuasa itu menanggung perasaan lapar, tetapi saya tidak fikir amalan itu hingga menyebabkan terganggu fikiran murid-murid Islam yang belajar. Berdasarkan pada pendapat umum adalah dipercayai bahawa pemikiran seseorang itu akan mengalami gangguan sementara pada masa ia mula-mula berpuasa. Gangguan sementara ini dengan sendirinya akan hilang dan seterusnya akan menjadi kebiasaan kepada mereka yang mengerjakan amalan itu.

(b) Setakat ini tidak ada apa-apa pun bukti yang menunjukkan kepincangan di kalangan murid-murid Islam adalah disebabkan oleh amalan puasa itu.

(c) Dari segi ajaran agama Islam, seseorang itu hendaklah meneruskan apa sahaja tugas-tugas hariannya pada bulan puasa itu dan tidak sebaliknya. Dengan demikian, selain daripada mengerjakan suruhan agama, pusat dapat menanamkan semangat berdisiplin pada diri mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup. Oleh itu, saya tidak dapat menimbangkan sama sekali supaya murid-murid sekolah diberi kelepaan pada puasa.

PERINTAH BERKURUNG DI BUTTERWORTH BUKIT MERTAJAM/NIBONG TEBAL

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi sebab-sebab untuk penganan perintah berkurung dari pukul dua belas tengah malam hingga lima pagi di Butterworth, Bukit Mertajam dan

Nibong Tebal sejak 13hb September ini; dan samada beliau sedar penganan perintah berkurang dengan sebab-sebab yang tidak memuaskan itu hanya akan melemahkan kepercayaan orang ramai terhadap Kerajaan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Perintah berkurang mulai dari 15-9-75 di kawasan-kawasan dalam Daerah-daerah Butterworth, Bukit Mertajam dan Nibong Tebal dikuatkuasakan demi kepentingan menjalankan operasi Pasukan Keselamatan.
- (b) Kawasan-kawasan di bandar-bandar tidak terlibat dan penduduk-penduduk yang ramai tidak menghadapi apa-apa kesukaran.

Penduduk-penduduk di luar bandar tersebut yang terlibat hanya sedikit sahaja bilangannya terdiri dari penoreh getah, pembalok kayu dan pekerja kampung yang tidak menjalankan pekerjaan masing-masing di waktu malam semasa perintah berkurang berjalan kuatkuasa.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.30 malam.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (8hb Disember, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini saya harap kita akan dapat selesaikan dua Kementerian, iaitu Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebagaimana saya telah menetapkan pada hari-hari yang lalu setiap seorang Ahli Yang Berhormat yang bercakap minta tolong pendek-pendekkan dan tidak boleh lebih daripada 10 minit seorang. Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyambung ucapan beliau yang telah dimulakan pada petang semalam.

Kepala B. 32 (Jadual)—

Kepala P. 32 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.05 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya akan menyambung semula ucapan saya pada petang semalam. Semasa membelanjakan peruntukan yang diberi kepada Kementerian saya, Kementerian ini sentiasa membuat kawalan yang rapi di samping mempertingkatkan kecekapan pentadbiran dengan penggunaan tenaga manusia yang berkesan untuk mendapatkan faedah yang optima dari punca kewangan, alat-alat fizikal dan tenaga terlatih yang terhad.

Tuan Pengerusi, strategi rancangan kesihatan pada masa ini dirangkakan bagi meningkatkan taraf kesihatan individu dan negara keseluruhannya supaya ianya dapat memenuhi kehendak-kehendak pembangunan ekonomi negara dan kemajuan sosial yang berterusan. Tujuan utama rancangan kesihatan ialah:

- (i) untuk mengembangkan perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian kepada kawasan-kawasan yang baru dibuka dan kawasan-kawasan pendalaman bagi merapatkan jurang perkhidmatan yang tidak seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar;
- (ii) untuk meninggikan nilai perkhidmatan penentuan penyakit dan rawatan melalui kakitangan yang terlatih, perkhidmatan kepakaran dan penyelidikan;
- (iii) untuk mencegah dan mengawal merebaknya penyakit melalui rancangan kawalan dan pembasmian;
- (iv) untuk mempertingkatkan taraf kesihatan seluruh penduduk melalui rancangan-rancangan kebersihan alam sekeliling dan taraf pemakanan yang lebih baik bagi seluruh negara;
- (v) untuk mengemas dan memperluaskan keupayaan pembangunan dan perancangan Kementerian selaras dengan keperluan kesihatan negara yang bertambah.

Peruntukan bagi Perbelanjaan Mengurus

Jumlah yang dipohon bagi Belanja Mengurus akan dibahagikan kepada aktiviti-aktiviti Kementerian saya yang berikut:

(i) Aktiviti Pentadbiran Am	...	\$ 12,400,300
(ii) Aktiviti Perkhidmatan Setor	...	4,608,970
(iii) Aktiviti Perkhidmatan Latihan	...	9,742,000
(iv) Aktiviti Perancang dan Pembangunan	559,000
(v) Aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Awam	89,322,000
(vi) Aktiviti Perkhidmatan Pergigian	...	19,620,700
(vii) Aktiviti Penyelidikan	4,145,030
(viii) Aktiviti Perkhidmatan Rawatan Pesakit	228,434,000
		\$368,832,000

Aktiviti Pentadbiran Am

Aktiviti Pentadbiran Am diperuntukkan sejumlah \$12,400,300. Pertambahan sebanyak 9.0% berbanding dengan peruntukan

1975 yang berjumlah \$11,376,631 adalah bagi keperluan jentera-jentera pentadbiran yang bertambah bilangannya selaras dengan perkembangan pesat perkhidmatan kesihatan. Lebih ramai pegawai-pegawai tadbir ditempatkan di peringkat negeri dan yayasan bagi melicinkan lagi pelaksanaan perkhidmatan ini. Dalam bidang pentadbiran kewangan, Kementerian saya sedang terlibat dengan pelaksanaan secara mendalam Sistem Belanjawan, Perancangan dan Prestasi, satu sistem yang dirangka untuk mencapai hasil yang maksima dari modal yang minima dan untuk menilai kecekapan prestasi satu-satu rancangan dan aktiviti mengikut objektif yang disediakan. Ini melibatkan penubuhan pusat-pusat pentadbiran bagi tujuan mengendalikan perbelanjaan bagi satu-satu perkhidmatan dan dengan ini dijangkakan keperluan kakitangan pentadbiran turut bertambah.

Aktiviti Perkhidmatan Setor

Perkhidmatan Setor, Kimia Ubat dan Perubatan dengan peruntukan sejumlah \$4,608,970 menunjukkan pertambahan sebanyak 8.4% berbanding dengan peruntukan 1975 yang berjumlah \$4,251,730. Penambahan ini disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan kakitangan dan bagi pembelian baru dan penggantian kepada alat-alat yang sangat-sangat diperlukan untuk memproses persediaan-persediaan kimia ubat. Aktiviti ini merupakan satu bahagian yang amat mustahak kerana ianya menolong memberi bantuan yang mencukupi bagi seluruh perkhidmatan lebih-lebih lagi jika sebarang usaha untuk memberi perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian yang berkesan ingin dicapai.

Tuan Pengerusi, bidang tugas dan tanggungjawab telah diperluaskan dari hanya membuat pembelian, penyimpanan dan pembahagian dadah-dadah, bekalan-bekalan perubatan dan alat-alat pembedahan kepada pengeluaran dan analisa-ujian dan pengawalan mutu setengah-setengah dadah dan memberi latihan kepada Pembancuh Ubat.

Tidaklah dapat dinafikan yang bekalan-bekalan perubatan amat sukar sekali untuk dikawal oleh kerana ianya dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor, antaranya wabak penyakit dan malapetaka yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu adalah mustahak untuk mengekalkan sistem perbekalan perubatan yang cekap, kawalan inventori di semua

peringkat dijalankan dengan cermat dan berterusan, dan sistem pengangkutan yang cekap. Ini amat penting supaya pembekalan alat-alat ini dapat segera diedarkan ke seluruh negara bila masa dan di mana keperluan dikehendaki.

Aktiviti Perkhidmatan Latihan

Tuan Pengerusi, Kementerian saya akan terus memberi keutamaan dalam latihan tenaga manusia untuk mengatasi kekurangan tenaga terlatih yang dialami sekarang dan juga untuk memenuhi keperluan yang akan datang. Dalam usaha kita untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, cekap dan berkesan, kakitangan-kakitangan mahir dengan jumlah tertentu dan ditempatkan di tempat yang sewajarnya adalah mustahak. Untuk tujuan ini, Kementerian saya dari semasa ke semasa menilai kembali peralatan dan keupayaan latihan yang ada serta sukatan latihan dan pelajaran, dan memperkuatkan lagi tenaga pengajar dan struktur organisasi perkhidmatan ini. Peruntukan sejumlah \$9,742,000 disediakan di bawah Belanja Mengurus bagi sekolah-sekolah dan pusat-pusat latihan. Peruntukan ini kurang sebanyak 6% daripada peruntukan tahun 1975 iaitu sebanyak \$10,360,300. Ini adalah peruntukan bagi menguruskan latihan sahaja. Elaun latihan yang dibayar kepada pelatih-pelatih di sekolah-sekolah dan pusat-pusat latihan adalah dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pada masa ini Kementerian sedang menjalankan latihan asas bagi 15 kategori kakitangan para-medical dan auxiliaries di 45 pusat latihan di Semenanjung Malaysia. Jururawat merupakan kategori yang terbesar sekali yang dilatih. 6 buah sekolah Latihan (4 di Semenanjung Malaysia dan satu bagi tiap-tiap negeri di Sabah dan Sarawak) menerima 880 pelatih tiap-tiap tahun. Sekolah Latihan Pembantu Hospital di Seremban telah diperbesarkan dan dijangka dapat menerima 180 pelajar tiap-tiap tahun mulai tahun 1976. Sekolah Pembantu Makmal dan Pembantu Makmal Muda yang ditempatkan di Institiut Penyelidikan Perubatan pada masa ini boleh menerima 200 pelajar tiap-tiap tahun. Sekolah Radiotherapi di Hospital Besar, Kuala Lumpur pada masa ini boleh melatih kira-kira 60 pelajar untuk mengambil diploma Persatuan Radiographers. Lebih kurang 150 Merinyu Kesihatan Umum

sedang menjalani kursus di Institiut Kesihatan Umum, Kuala Lumpur. Sekolah Jurupuluh Anggota di Hospital Besar, Kuala Lumpur, mempunyai tempat bagi lebih kurang 20 pelatih. Sekolah Latihan Jururawat Pergigian di Pulau Pinang pada masa ini boleh menerima 45 pelatih jururawat pergigian dan 15 pelatih teknision pergigian setahun. Selain daripada itu 1,400 Pembantu Jururawat sedang dilatih di 20 pusat berbanding dengan 513 dalam tahun 1969. Seramai 70 orang Pembantu Hospital Muda adalah dilatih tiap-tiap tahun di Hospital Bahagia dan Hospital Permai. Latihan-latihan juga dijalankan untuk Pengawas Kesihatan Umum dan Bidan Division II.

Kementerian saya berpendapat bahawa Bidan Division II boleh memainkan peranan yang lebih dalam perkhidmatan kesihatan, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar. Kementerian sekarang sedang menjalankan rancangan latihan selama 6 bulan untuk memberi mereka kemahiran yang lebih dalam kesihatan kanak-kanak, rawatan asas, pelajaran kesihatan, pemakanan dan bidang-bidang lain yang berkaitan untuk menukarkan mereka menjadi Jururawat Desa. Dalam masa yang sama Kementerian saya sedang merangkakan rancangan latihan untuk 2 tahun bagi pelatih-pelatih baru untuk dimasukkan ke dalam Sekim Jururawat Desa. Di bawah rancangan penukaran ini Kementerian saya telah melatih semula 230 bidan dan satu kumpulan lagi seramai 60 orang sedang mengikuti kursus ini.

Latihan asas dalam perkhidmatan juga diberi kepada doktor-doktor dan kakitangan para-perubatan dan auxiliary. Dalam tahun 1975 sejumlah 35 hadiah pelajaran telah diperuntukan kepada pegawai-pegawai perubatan dan pergigian untuk memperbaiki lagi kemahiran klinikal mereka.

Kementerian juga sedang memasukkan latihan-latihan dalam bidang-bidang yang baru. Adalah dicadangkan untuk memulakan satu kursus lanjutan bagi pelajaran kesihatan di Institiut Kesihatan Umum, Kuala Lumpur. Kursus ini yang dirangkakan dengan bantuan WHO adalah untuk siswazah-siswazah yang ingin menumpukan perhatian khas kepada pelajaran kesihatan. Tujuan latihan ini ialah untuk melatih pegawai-pegawai Kesihatan menjadi pegawai pelajaran kesihatan.

Aktiviti Perancang dan Pembangunan

Peruntukan Belanja Mengurus bagi Aktiviti Perancang dan Pembangunan ialah \$559,000. Peruntukan aktiviti ini bagi tahun 1975 ialah \$518,600. Keupayaan Perancang dan Pembangunan Kementerian sedang diperbagai dengan mengemaskan bahagian Perancang dan Pembangunan dengan penambahan kakitangan. Bahagian ini akan menjadi tempat pergantungan utama dalam perancang dan pembangunan kesihatan kebangsaan. Fungsi utama bahagian ini ialah untuk merangkakan rancangan-rancangan pembangunan bagi sektor kesihatan, pengelolaan pelaksanaan projek dan membuat penilaian kekesan program-program.

Aktiviti Kesihatan Awam

Aktiviti Kesihatan Awam diperuntukkan sejumlah \$89,322,000 iaitu penambahan sebanyak 9.5% dari peruntukan 1975 sejumlah \$81,589,700. Jumlah ini merupakan 24% jumlah perbelanjaan mengurus Kementerian keseluruhannya.

Melalui aktiviti ini objektif Kementerian saya dapat dirasai di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan pedalaman dan juga melalui aktiviti ini bidang kawalan perkhidmatan kesihatan juga diperkembangkan. Perkhidmatan Kesihatan Awam diperluaskan melalui pusat-pusat kesihatan besar, pusat-pusat kesihatan kecil, kelinik bidan, hospital-hospital desa, kelinik kesihatan ibu dan kanak-kanak, kelinik bergerak dan anika kelinik.

Objektif rancangan kesihatan awam adalah seperti berikut:

(1) *Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar*

Keseluruhan perkhidmatan ini didasarkan kepada konsep memberi perkhidmatan mencegah dan rawatan yang comprehensive di kawasan-kawasan luar bandar dan kepada kawasan-kawasan dan penduduk-penduduk luar bandar.

(2) *Perkhidmatan Kesihatan Sekolah*

Keutamaan diberi kepada kesihatan sekolah di kawasan-kawasan luar bandar dan tujuannya ialah untuk terlibat seratus peratus sekolah-sekolah luar bandar. Di samping itu pada masa ini perkhidmatan kesihatan sekolah di kawasan-kawasan bandar juga diambil perhatian.

(3) *Perancang Keluarga*

Perkhidmatan Perancang Keluarga sedang disatukan dengan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan sedang memberi rawatan kesihatan kepada keluarga-keluarga secara bersama dengan menggunakan kemudahan kakitangan kesihatan yang sedia ada.

(4) *Kebersihan Sekeliling Luar Bandar*

Projek ini bertujuan meninggikan taraf kesihatan penduduk-penduduk luar bandar dan juga untuk memberi peringkat yang minima kemudahan-kemudahan moden dengan menggunakan bekalan air yang selamat dan cara yang baik dan betul untuk membuang najis manusia atau kekotoran-kekotoran lain.

(5) *Amalan Pemakanan*

Kadar kematian bayi-bayi menunjukkan keluasan jarak kekurangan zat makanan mengikut kalori protin di antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Tujuan rancangan ini ialah bagi mengurangkan jurang yang ada dan seterusnya menghapuskan jurang itu.

(6) *Kawalan Penyakit-penyakit Berjangkit*

Rancangan kawalan atau pembasmian penyakit-penyakit berjangkit seperti malaria, batuk kering, untut, puru, diptheria dan lain-lain telah menghasilkan kekurangan yang cepat penyakit-penyakit ini di kalangan gulungan-gulungan yang tidak bernasib baik di kawasan luar bandar.

Rancangan Basmi Malaria yang dimulakan dalam tahun 1967 di negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia sekarang meliputi seluruh kawasan-kawasan tersebut. Perbelanjaan mengurus bagi rancangan ini dalam tahun 1975 adalah lebih kurang \$14.1 juta dan dalam tahun 1976 ianya dijangka lebih kurang \$17 juta. Penambahan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga DDT dari \$4.14 sen kepada \$8.70 sen segelen. Peruntukan ini digunakan untuk beberapa aktiviti rancangan ini termasuklah penyemburan DDT, operasi mencari penyakit, pengkajian kes-kes malaria, pemungutan data, perkhidmatan makmal dan penyelidikan. Penyemburan DDT merupakan aktiviti pertama dalam rancangan ini. Dalam tahun 1974 sejumlah 918,760 rumah (meliputi penduduk seramai 4,752,565) telah disembur

dengan DDT. Keseluruhannya terdapat jatuhnya bilangan kes-kes malaria yang dilaporkan bagi Negeri-negeri Perlis, Pulau Pinang dan Perak yang mana telah melaksanakan rancangan ini pada peringkat yang lebih awal. Adalah diperhatikan juga bilangan kes malaria telah turun dari 17,543 dalam tahun 1973 kepada 16,621 dalam tahun 1974. Kementerian saya yakin iaitu Rancangan Basmi Malaria akan mencapai tujuannya pada tahun 1982 dan rancangan ini kemudiannya akan diperingkat-peringkatkan dan dipersatukan di bawah aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Awam.

Perkhidmatan Kesihatan Awam di Sabah

Perkhidmatan Kesihatan di Sabah memerlukan perkembangan dan selanjutnya diperkembangkan untuk menampung keperluan kesihatan negeri tersebut. Bilangan yunit-yunit yang memberi perkhidmatan terpaksa ditambah dan perkhidmatan kesihatan akan disusun semula dengan tujuan memperbaiki lagi pengawasan kakitangan kesihatan dan mutu kerja mereka. Negeri ini akan dibahagikan kepada 8 daerah kesihatan, tiap-tiap satu di bawah pengawasan seorang Pegawai Kesihatan sepenuh masa.

Perkhidmatan Kesihatan di Sarawak

Masalah kesihatan di Sarawak keseluruhannya berkaitan dengan kekurangan pemakanan, taraf kesihatan individu dan alam sekeliling yang rendah. Sungguhpun kesihatan luar bandar sepatutnya meliputi 73% penduduk-penduduk luar bandar hanya lebih kurang 14% sahaja yang sebenarnya mendapat perkhidmatan yang cukup. Penyatuan dari segi perubatan untuk rawatan dan pencegahan terpaksa diperkembangkan lagi.

Aktiviti Perkhidmatan Pergigian

Tuan Pengerusi, peruntukan Belanja Mengurus bagi Perkhidmatan Pergigian ialah \$19,620,700 iaitu penambahan sebanyak 9.1% melebihi peruntukan 1975. Tujuan utama perkhidmatan ini ialah:

- (i) untuk memberi tekanan yang lebih kepada rawatan pergigian bagi kanak-kanak pra-sekolah dan sekolah;
- (ii) rawatan yang mencukupi bagi ibu yang sedang mengandung dan yang sedang menyusui anak;
- (iii) rawatan yang cukup bagi kes-kes di hospital termasuk maxilo-facial dan pembedahan mulut.

Di samping rawatan pergigian secara langsung tekanan juga diberi bagi pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit gigi. Di antara langkah-langkah pencegah dan pengawalan ialah:

- (i) rancangan memfloraid air bagi semua bekalan air di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- (ii) memperkembangkan kempen pelajaran kesihatan pergigian supaya orang ramai dapat disampaikan rasa mustahaknya mempunyai kesihatan gigi yang betul.

Aktiviti Penyelidikan

Pusat Penyelidikan Perubatan yang utama ialah Instituti Penyelidikan Perubatan yang bertempat di Kuala Lumpur dengan cawangan-cawangannya di Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Bagi tahun 1975 perbelanjaan mengurus bagi Instituti Penyelidikan Perubatan ini lebih kurang \$3.92 juta dan untuk tahun 1976 angkanya ialah \$4,145,030 iaitu penambahan sebanyak 5.8%. Aktiviti utama Instituti ini ialah dalam lapangan penyelidikan, pengajaran, perkhidmatan pengeluaran vaksin dan makmal penentuan penyakit. Lebih dari 150 projek baru dalam lapangan penyelidikan sedang dijalankan dalam tahun 1975 dan adalah dianggarkan seperti dalam tahun-tahun yang lampau 144 makallah-makallah saintifik akan siap dicetak dalam jurnal-jurnal perubatan di dalam negeri dan juga di peringkat antarabangsa. Bidang penyelidikan yang utama ialah mengenai kesihatan luar bandar, scrub typhus, untut, denggi dan lain-lain.

Aktiviti Rawatan Pesakit

Sejumlah yang terbesar di bawah perbelanjaan Belanja Mengurus iaitu \$228,434,000 diutangkan bagi aktiviti ini. Ini merupakan dua-pertiga anggaran perbelanjaan mengurus Kementerian saya keseluruhannya. Perkhidmatan rawatan pesakit boleh dibahagikan secara kasar kepada perkhidmatan pesakit luar dan pesakit dalam di hospital. Dalam mempelbagaikan perkhidmatan dari kawasan bandar kepada kawasan luar bandar dan dalam percubaan untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara mereka, tekanan yang lebih sedang diberi untuk mengadakan perkhidmatan rawatan pesakit luar. Satu dari akibatnya penubuhan yang banyak jabatan-jabatan pesakit luar ialah rujukan kepada hospital-hospital turut bertambah dan dalam masa yang sama ianya telah melahirkan kesedaran

penduduk-penduduk luar bandar kepada faedah-faedah rawatan perubatan yang moden.

Pada masa ini terdapat keperluan yang bertambah kepada perkhidmatan rawatan pesakit oleh sebab cepatnya penerimaan perubatan moden oleh penduduk-penduduk luar bandar mengakibatkan penambahan yang besar kepada beban-kerja di hospital-hospital terutama sekali hospital-hospital daerah.

Kementerian saya juga telah menjalankan satu rancangan pembaikan yang besar melalui pemberian dan pemodenan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan yang perlu supaya dapat menambahkan mutu rawatan pesakit dalam. Jabatan-jabatan kepakaran yang asas sedang diwujudkan dalam masa yang sama di seluruh negara. Ini amatlah perlu sekali lebih-lebih lagi apabila terdapat perubahan trend penyakit, iaitu penyakit berjangkit sedang berkurangan tetapi di masa yang sama penyakit organik dan trauma telah bertambah. Akibat dari perubahan ini adalah mustahak untuk menyesuaikan pembahagian-pembahagian dalam perkhidmatan supaya mereka dapat bertindak cara berkesan dan dapat menerima perubahan ini walaupun terdapat masalah-masalah dan keadaan-keadaan baru.

Bidang-bidang yang diberi perhatian yang lebih dalam perkhidmatan rawatan pesakit ialah bagi Yunit Rawatan Coronary, perkhidmatan perbidanan, perkhidmatan rawatan kanak-kanak, Yunit Kawalan Rapi dan perkhidmatan rawatan jiwa yang mana akan diperkembangkan ke tempat-tempat lain.

Bagi menampung keperluan yang bertambah dalam perkhidmatan rawatan pesakit, peruntukan yang lebih akan dikenakan bagi mendapatkan katil-katil, alat-alat kepakaran dan penerimaan lebih ramai doktor dan pakar-pakar berkhidmat dengan Kementerian. Dalam tahun 1976 adalah dianggarkan 250 doktor baru akan direkrut dari doktor-doktor pelatih yang sedang menjalani latihan dan ini secara perlahan-lahan akan mengurangkan kadar doktor-penduduk dari 1:4,500 yang ada sekarang kepada 1:2,500 dalam tahun 1990.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Peruntukan Pembangunan

Peruntukan bagi Anggaran Pembangunan untuk tahun 1976 ialah \$92,816,120 berbanding dengan \$71,011,250 bagi tahun 1975. Daripada jumlah ini \$75,619,210 adalah untuk projek-projek pembangunan di Semenanjung Malaysia, \$8,493,010 untuk Negeri Sarawak dan \$8,703,900 untuk Negeri Sabah.

Rancangan Latihan

Daripada jumlah peruntukan yang dikehendaki untuk Semenanjung Malaysia, \$4,900 juta akan dibelanjakan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan latihan kakitangan perubatan (para-medical) iaitu untuk membina 3 sekolah Latihan Jururawat dan Asrama di Ipoh, Kota Bharu dan Melaka, 3 sekolah Jururawat Desa di Johor, Kelantan dan Pahang, 1 sekolah dan Asrama untuk Pembantu Hospital di Seremban dan juga sambungan kepada Sekolah Jururawat Pergigian, Pulau Pinang. Selain daripada itu sebuah Asrama Perubatan Pelatih akan siap dibina di Hospital Daerah, Banting, Negeri Selangor.

Projek Kesihatan Awam

\$9.1 juta diuntukkan bagi projek-projek di bawah Perkhidmatan Kesihatan Awam. Rancangan ini diberi keutamaan yang tinggi dalam Rancangan Malaysia Kedua dan pada tahun 1976, 22 Pusat Kesihatan Besar, 47 Pusat Kesihatan Kecil dan 142 Rumah Bidan dan Klinik yang sedang dibina akan disiapkan. Selain daripada itu 49 buah Rumah Bidan dan Klinik akan diubahsuai untuk dijadikan Klinik Desa. Kementerian saya berhasrat mengukuhkan lagi perkhidmatan kesihatan ke luar bandar dengan menambahkan lagi kakitangan di situ. Untuk menunaikan kehendak ini, 40 buah rumah kediaman untuk jururawat pergigian dan juga 25 buah rumah kediaman untuk pembancuh ubat akan didirikan di dalam Pusat-pusat Kesihatan Besar dan Kecil di seluruh negara pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun-tahun 1971 hingga 1975 peruntukan Perkhidmatan Kesihatan Bandar telah diuntukkan daripada Pecahan-kepala 2 (ii)—Perkhidmatan Kesihatan Bandar. Pada tahun 1976 peruntukan ini akan diasingkan dan ditunjukkan di bawah Pecahan-kepala 3—Memperbaiki Hospital-hospital dan juga Pecahan-kepala 16—Pejabat-pejabat Kesihatan Negeri dan Daerah.

Projek Memperbaiki Hospital-hospital

Kementerian saya akan meneruskan Rancangan Memperbaiki Hospital-hospital dan juga menambah kemudahan-kemudahan di hospital-hospital yang sedia ada. Peruntukan sejumlah \$12.5 juta adalah dikehendaki bagi maksud ini. Sejumlah 94 projek akan disiapkan di seluruh Semenanjung Malaysia di hospital-hospital daerah dan di hospital-hospital besar. Seperti dinyatakan tadi, peruntukan untuk membina poliklinik-poliklinik di bandar sekarang ini ditunjukkan di bawah Pecahan-kepala ini. Sejumlah \$1.5 juta disediakan bagi menyiapkan pembinaan 15 buah poliklinik yang akan dibina di Arau, Simpang Kuala (Alor Star), 2 di bandar Georgetown (Pulau Pinang), 1 di Butterworth, 3 di Ipoh, 4 di Wilayah Persekutuan, 2 di Seremban dan 1 di Tranquerah (Melaka).

Hospital-hospital Baru

Di bawah Pecahan-kepala 4—Hospital-hospital Baru, peruntukan sejumlah \$29,850,100 akan diuntukkan bagi membina hospital-hospital besar baru di Kuala Lumpur, Kelang, Ipoh, Kota Bharu, Kuantan dan Kuala Trengganu dan hospital-hospital daerah di Jerreh (Trengganu), Sitiawan (Perak), Tanah Merah dan Machang di Kelantan, Jerantut, Cameron Highlands dan Maran di Pahang.

Perkhidmatan Penyakit Otak

Lebih dari \$1.8 juta diuntukkan dalam tahun 1976 untuk memperbaiki Perkhidmatan Penyakit Otak di Hospital Permai, Johor Bahru dan Hospital Bahagia, Ulu Kinta dan juga membina beberapa Pusat Rawatan Penyakit Otak di Hospital-hospital Besar dan Hospital-hospital Daerah di Semenanjung Malaysia.

Perkhidmatan Makmal

Pusat Penyelidikan Perubatan (Kompleks IMR) di Kuala Lumpur sedang dibina semula untuk dijadikan pusat yang penting untuk mengkaji secara mendalam penyakit-penyakit yang terdapat di negara ini. Kemajuan pembinaan projek ini telah sampai ke peringkat 60%. Pada tahun hadapan sejumlah \$6 juta diuntukkan bagi menyiapkan projek ini. Selain daripada itu semua makmal di hospital-hospital besar dan daerah akan dinaikkan tarafnya dengan perbelanjaan \$700,000. Sebuah Taman Ular akan dibina di Perlis dengan harga \$190,000 dalam tahun 1976. Projek ini

ialah untuk mengkaji ular-ular bisa, untuk memperolehi bisa-bisa ular dengan tujuan membuat ubat-ubat dan juga sebagai pusat penerangan bagi orang ramai cara-cara mengenal ular bisa.

Perkhidmatan Ubat-ubatan dan Setor Perubatan

Sejumlah \$2 juta diuntukkan bagi membina 2 buah Setor Perubatan Kawasan (Regional Medical Store) satu di Bukit Mertajam dan satu lagi di Kuantan, 2 buah setor perubatan negeri di Ipoh dan di Johor Bahru dan 2 buah Setor Perubatan Hospital. Selain daripada itu, projek yang besar di bawah Pecahan-kepala ini ialah Pusat Pembuat Ubat dan Pusat Kawalan Piawaian Ubat-ubatan di Petaling Jaya.

Asrama dan Rumah-rumah Kakitangan Jabatan

Untuk membolehkan perkhidmatan yang baik diberi kepada pesakit-pesakit adalah perlu dibina asrama-asrama bagi jururawat yang ditempatkan di hospital-hospital besar dan daerah. Peruntukan sejumlah \$2 juta adalah diuntukkan bagi membina 13 buah asrama jururawat dan juga kediaman-kediaman untuk kakitangan yang ada dalam panggilan.

Negeri Sarawak

Pembinaan Hospital Baru di Serian telah dimulakan dan peruntukan sejumlah \$2.3 juta dikehendaki untuk menampung perbelanjaannya. Sebuah hospital baru akan juga dibina di Limbang dan sejumlah \$1.5 juta diuntukkan bagi tahun 1976. Tindakan juga akan diambil untuk membeli tanah bagi hospital-hospital baru di Sibuan dan di Saratok dan \$550,000 diuntukkan bagi perkara ini. Hospital Besar di Kuching akan dijadikan sebuah Hospital Latihan untuk Pegawai Perubatan Pelatih dan sebuah asrama akan didirikan di kawasan Hospital Besar Kuching.

Negeri Sabah

Sejumlah \$8.7 juta diuntukkan bagi Negeri Sabah untuk rancangan-rancangan seperti berikut:

(i) *Rancangan Kesihatan Luar Bandar.*

Lebih daripada \$1.4 juta diuntukkan pada tahun 1976 untuk memperluaskan Perkhidmatan Luar bandar dengan pembinaan 4 buah Pusat Kesihatan Daerah, 41 Pusat-pusat Kesihatan Kemajuan

Kampung-kampung dan 9 buah Dispensari Luar Bandar. Selain daripada itu tindakan juga akan diambil untuk mengadakan Perkhidmatan Radio-Talipon di Dispensari-dispensari Luar Bandar yang terletak di kawasan terpencil. Dengan cara ini Dispensari-dispensari tersebut akan dapat menghubungi hospital-hospital yang berhampiran.

- (ii) Di bawah rancangan binaan hospital-hospital baru, lebih daripada \$2.8 juta diuntukkan untuk membina hospital-hospital baru di Beaufort, Beluran, Tambunan, Kudat dan Kota Belud. Kerja-kerja "piling" telah dimulakan bagi satu projek tambahan besar kepada Hospital Besar, Kota Kinabalu dan pembinaan bangunan hospital bertingkat-tingkat akan dimulakan pada tahun hadapan. Peruntukkan sejumlah \$3 juta adalah dikehendaki untuk projek ini. Di Sandakan, sebuah bangunan tambahan Yunit Bersalin akan dibina dan setengah juta ringgit diuntukkan pada tahun hadapan. Hospital lama di Sandakan juga akan diperbaiki dengan perbelanjaan \$440,000 pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya suka menerangkan secara ringkas kejayaan Kementerian saya dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Dalam pembangunan socio-ekonomi negara keutamaan telah dan sedang diberi bagi perkembangan dan pembangunan perkhidmatan kesihatan yang mencukupi di kawasan-kawasan luar bandar. Tujuan utama ialah untuk meninggikan taraf kesihatan penduduk-penduduk luar bandar supaya mereka dapat memainkan peranan dari segi pengeluaran ekonomi negara. Tujuan ini sedang mencapai hasil dari semasa ke semasa, misalnya, sebagai contoh, dalam tahun 1957 masyarakat bumiputra hanya merupakan 22.4% jumlah dimasukkan di hospital-hospital tetapi dalam tahun 1973 ianya merupakan 39.1% dari jumlah masukan. Jika masyarakat bumiputra dijadikan sebagai petunjuk kawasan luar bandar, bolehlah dikatakan bahawa perkhidmatan rawatan pesakit yang ada sekarang adalah memberi perkhidmatan yang seimbang bagi kedua-dua penduduk bandar dan luar bandar.

Keadaan Kesihatan Secara Umum

Negara kita adalah terselamat dari penyakit-penyakit berjangkit yang besar, walaupun terdapat wabak-wabak demam denggi, kolera, untuk dan sakit mata ianya semua dapat dikawal. Kadar kematian bayi telah dikurangkan dengan banyaknya dari 76 dari 1,000 tahun 1957 kepada 37.9 dari 1,000 tahun 1972 sementara kadar panjang umur telah bertambah. Bilangan katil biasa di seluruh negara telah bertambah dari 14,735 pada tahun 1971 kepada 16,746 dalam tahun 1975 dan dalam masa yang sama terdapat penambahan dalam menggunakan kemudahan-kemudahan hospital. Perkhidmatan kepakaran hospital-hospital telah dikembangkan dengan pesatnya. Dalam tahun 1975 terdapat 220 jabatan kepakaran di Semenanjung Malaysia, 7 di Sarawak dan 10 di Sabah.

Rancangan Kesihatan Awam telah juga berkembang dengan cepat sekali. Penyakit batuk kering yang pada satu ketika dahulu menjadi punca utama kematian sekarang tidak lagi begitu merbahaya hasil dari usaha-usaha Rancangan Kawalan Batuk Kering Kebangsaan. Melalui Rancangan Basmi Malaria kejadian malaria telah berkurangan dengan begitu besar sekali di seluruh negara. Rancangan Mengawal Kusta yang dimulakan dalam tahun 1968 sekarang telah menubuhkan 23 Klinik Kulit di seluruh negara. Rancangan Mengawal Puru yang telah dilancarkan pada tahun 1953 telah dapat mengurangkan bilangan penyakit tersebut dengan banyaknya dan pada masa ini ianya sudah hampir hapus sama sekali. Rancangan Mengawal Untut telah dikembangkan untuk meliputi kesemua kawasan-kawasan penyakit yang diketahui di seluruh negara. Pada masa ini perhatian sedang ditumpu untuk mengembangkan rancangan pemakanan, rancangan kesihatan sekolah, rancangan kesihatan cara-kerja dan rancangan memfloraidkan air.

Kementerian saya juga memberi perhatian yang berat pada masalah pencemaran alam sekeliling dalam berbagai bentuk disebabkan oleh perkembangan perusahaan dan pemusnahan tanah di sebabkan oleh perlombongan dan pematangan hutan.

Tahun 1976 ialah tahun yang ketujuh puluh lima penubuhan Instituti Penyelidikan Perubatan. Di sini saya suka mengucap

tahniah kepada I.M.R. kerana perkhidmatannya yang cemerlang kepada perkhidmatan kesihatan sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1901.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih Kementerian saya kepada beberapa badan antarabangsa terutama sekali WHO, UNICEF dan Bank Dunia yang telah dan sedang memberi bantuan yang banyak bagi projek-projek dan rancangan-rancangan kita dalam bentuk kewangan, biasiswa, penajaan seminar dan mesyuarat-mesyuarat, pembekalan alat-alat dan bekalan-bekalan lain dan perkhidmatan perundingan.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tan Sri Lee Siok Yew: Dalam 5 minit lagi.

Tuan Pengerusi: Tolong pendekkan sedikit.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian saya juga mengeluarkan bantuan kepada organisasi-organisasi sukarela seperti hospital-hospital batuk kering, rumah-rumah kebajikan masyarakat dan badan-badan lain seperti itu. Untuk tahun 1975, \$655,311 telah didermakan kepada organisasi-organisasi ini. Jumlah derma ini adalah dikaji dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi pihak Kementerian saya, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang telah memberi sokongan dan kerjasama yang tidak terhingga kepada kakitangan Kementerian Kesihatan semasa mereka menjalankan tugas-tugas harian.

Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu banyak lagi yang boleh kita jalankan untuk mencapai hasrat kita meninggikan taraf kesihatan terutama sekali di kawasan-kawasan luarbandar dan ini amat bergantung sekali kepada sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh warga negara. Dengan kerjasama tuan-tuan Kementerian saya akan terus melangkah ke hadapan untuk mencapai objektif-objektif dasar ekonomi baru dengan memainkan peranan Kementerian untuk memberi taraf kesihatan yang lebih baik dan bermutu.

Tuan Pengerusi, saya mohon sejumlah \$368,832,000 di bawah Kepala Bekalan B. 32 dan \$92,816,120 di bawah Kepala Bekalan P. 32 dijadikan sebahagian dari Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya buka untuk Perbahasan saya suka memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pada petang ini kita akan membahaskan dua Kementerian iaitu Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kita akan tamatkan mesyuarat kita pada pukul 7.30 malam. Jadi, sesudah kita kaji, kita bahagikan waktunya kepada dua bahagian. Kementerian Kesihatan kita akan tamatkan pada pukul 5.30 petang. Jadi pada pukul 5.10 petang Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh lagi berbahas dan saya minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjawab. Adalah sangat diminta supaya Yang Berhormat Menteri menjawab dalam masa 20 minit sahaja. Demikian juga kita sambungkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kita akan tamatkan perbahasan pada pukul 7.10 malam dan kita minta Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjawab dalam masa 20 minit juga.

4.01 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mencadangkan: Bahawa gaji Menteri Kesihatan dikurangkan sebanyak \$10.

Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris di samping Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi: Walau bagaimanapun, saya mengingatkan masa atau waktu bercakap saya hanya hadkan kepada Yang Berhormat di atas pindaan ini dalam masa 15 minit sahaja. Selepas itu, saya minta Yang Berhormat berhenti daripada bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyentuh mengenai kematian-kematian yang berlaku terhadap bayi-bayi di Rumah Sakit Melaka pada bulan November.

(*Dengan izin*) Babies born fit and well would die a few days later, some bleeding in the mouth, nostrils and rectum, and turning blue-black. I will give some case histories of which probably the Minister himself is not aware.

No. 1, Baby of Zalika binti Ahmad of Kandang, Malacca, who is a Government clerk. After 9½ months of pregnancy, she was admitted to the Malacca Hospital on 23-11-75 and gave birth to a 6 lb. 12 oz. girl on 24th. The baby was placed in the nursery and died on the third day, on 26th November. The parents saw a blue-black patch on her right leg. Cause of death was given as "brain damage due to foetal anoxia or lack of oxygen". Cik Zalika went for regular pre-natal medical check-ups and in fact had check-ups on 14 separate occasions from June 5th to November 20th. Her blood count and pressure was normal.

No. 2, Baby of Zamalia binti Osman of Alai, Malacca. Admitted into the Malacca Hospital on 13-11-75, 2.30 a.m. Baby girl born 2 p.m., died at 2.30 p.m. Although this is a case of premature birth, the father complained about the indifference and rudeness of the nursing staff. He took his wife to the Hospital at 2.30 a.m. and although pleaded for a doctor to be called because his wife was in labour and agony, no doctor came until 10 a.m., i.e. 8 hours later.

No. 3, Infant, Tan Hock Chuan, male, of Ayer Leleh, Malacca. Baby was born on 13-11-75 at 12.45 p.m., 5 lb. 12 oz. Normal birth. The baby was placed by the side of the mother in the maternity ward, which means that the doctor regarded him to be in good health. Discharged on 15-11-75. On 26th November the baby was admitted into the Malacca Hospital at 2 a.m. and died six hours later at 8 a.m. The cause of death was given as "intestinal obstruction" in the death certificate, although the hospital authorities have put the cause of death as "severe dehydration due to gastro-enteritis" or diarrhoea. I want to know why two completely different causes of death are given.

No. 4, Baby of Wong Fook Moy of Kampong Lapan, Malacca.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ini nampaknya membaca sahaja, tidak beralih kepada

Tuan Lim Kit Siang: Iaitu butir-butir, refer to note mengenai masa dan

Tuan Pengerusi: Pandang kepada Tuan Pengerusi sama.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tentu. Baby of Wong Fook Moy of Kampong Lapan, Malacca. Gave birth on 16-11-75 at 9 p.m. and the baby weighed 7 lb. 4 oz. Baby put in nursery. Mother was discharged on 23-11-75, but the baby remained behind at the nursery. Asked by the mother about the condition of the baby, the doctor assured her that the baby would be all right. When the parents visited the baby on 24th they found that the baby had been sent down to the Children's Ward. The baby died on 26th November. The parents found out later that the baby had diarrhoea, which they were never informed.

No. 5, Lim Hong Koon, son of a hawker at Bandar Hilir, Malacca, born 21st November at 3 p.m. by Caesarian operation. This is the second child. The first child, a girl, was also born by Caesarian operation. The doctor advised the parents that a third birth would also be Caesarian and would be dangerous, and advised tying up the tubes to prevent future pregnancies which the parents agreed and was done. The baby was taken home on 23rd November while the mother was discharged on 30th November. The baby refused to take milk, passed motion six or seven times a day, and on 4th of this month at about 5 p.m. was admitted into the Hospital. At about 7 p.m. the mother saw the child's mouth turning black called the nurse who said it was the effect of the light. When pressed, a doctor was called who ordered oxygen to be given. The mother complained that it took the staff about 20 minutes to fix up the oxygen. The baby died at about 8.30 p.m. Apart from the distress of losing his second child, there was also a distress of not having a boy because the tubes have been tied up.

No. 6, Baby, Khoo Chee Chong, boy. This case is particularly tragic because this is the first child of a couple after 12 years of marriage, and which was by Caesarian operation. The mother, Kwa Sien Kim, 33, was admitted on 12-11-75. The baby was born on the same day at 8 a.m. weighing 6 lb 8 oz. The baby was put by the side of the mother which showed he was in good health. The baby was taken home on 15-11-75. On 22nd November admitted to hospital and put on drips. On 23rd the baby was very pale without colour. A nurse said that the jaundice was cured. On 24th put

under oxygen; on 25th died—stomach bloated. On 15-11-75 before the baby was brought home, the baby was examined by the doctor who pronounced him fit and sihat. When asked by the aggrieved mother about the cause of death, the doctor said that there was blood incompatibility and promised that in her future delivery they would be more careful.

It would be noticed, Tuan Pengerusi, that out of these case histories, except for one, all cases involve normal births.

Another striking features is that all the babies who died were born in the period from 12th November to 23rd November, 1975. It is clear that an infection took place during this period which took its toll in such high number of deaths of infants in this period. In fact, there are at least three cases in the Malacca Hospital now, babies born between 15-11-75 and 22-11-75 who are in the Hospital on the critically ill list with the same symptoms and complaints. One was re-admitted 12 days after birth and another 17 days after birth. There was an outbreak of diarrhoea in November, in infection which caused mass infant deaths of those born during this period and I say this is the source to which the cause of all these mass infant deaths must be traced and be found.

The standard of hygiene and the anti-septic measures in the maternity ward of the Malacca Hospital is atrocious. Mothers complained that babies are bathed one after another without any change of bath water. I have also received complaints that feed bottles in the nursery are not sterilised after use and are indiscriminately used for different babies. Cats are also part of the maternity outfit of things.

It is clear that whatever the specific cause of the mass death of infants, what bacteria or virus is responsible, the negligence of the Malacca Hospital administration must bear the whole blame. A public inquiry is urgently needed to go into the full facts and the Government owes the public a full, frank and uncensored full disclosure of the facts, causes and events leading to the mass infant deaths.

I do not want to see another repeat performance of the 1973 Malacca Hospital autoclave deaths where the authorities tried

at first to deny and later to hush up the entire scandalous episode. Even up till today, the Health Ministry has failed to act fairly and responsibly to the victims of the autoclave deaths and to the bereaved families because of hospital negligence and maladministration.

On the 8th May, 1975, the Malacca Coroner, in a Test Case of an inquest into one of the 1973 Malacca Hospital deaths had this to say, and I quote, Tuan Pengerusi, from this Coroner's verdict:

"From the list of deaths for the month of August, 1973 it could be seen that there were 13 deaths as a result of heart and circulatory diseases (which includes renal failure). This is a rather abnormal number of deaths. There was no culture done at random to ensure that all intravenous fluids and A.C.D. solutions prepared was actually safe to be used, even though it was a notorious fact that this should be done. Further, there were facilities to do so, but still not made use of. All the above indicates to my mind one factor only, i.e. lack of proper supervision and proper judgments by the administrative staffs. As such I have to force myself to draw the following conclusion:

Cause of death: Septicaemia

Verdict:

- (i) Negligence by the administrative staff of the Malacca General Hospital.
- (ii) Liability: Open."

There can be no clearer indictment, Tuan Pengerusi, that it was the negligence of the Malacca Hospital that caused the mass deaths by blood poisoning in Malacca in July and August 1973.

I suggest that in view of the clear-cut finding of the Coroner putting the entire blame on the Hospital's negligence not only in this test case, but with regard to all the others, which certainly exceed the figure of 13, the Government should be graceful enough to pay an ex-gratia payment to the families of the victims, which should cover not only compensation for loss of life, but also an adequate quantum to provide for the dependants of the victims. The Government should not stand on any narrow ground of technicality or legality on this matter and should therefore gracefully do this.

From the 1973 and 1975 Malacca Hospital deaths, it is clear that there is an appallingly poor leadership in the administrative level in the Ministry of Health. Top Ministry officials, from the Director-General of Medical Services downwards, instead of globe-trotting and attending to international conferences, would do better and benefit the people more if they tour the hospitals and make sure that there is a minimum standard of competence and efficiency.

Another cause intimately related to the sharp drop of administrative competence and therefore, consequent increase in negligence and unnecessary deaths, is the deplorable system of promotion based on grounds other than merit. Such promotion system not only demoralises the entire administration and services and undermines competence and efficiency, but it is also the main cause for the departure from the medical and health services of dedicated and committed professional officers.

I believe that the Malacca Hospital is no better or no worse to other hospitals in Malaysia, which means that in other hospitals, such unnecessary and negligent deaths also occur. The only difference is that in Malacca, we in the DAP managed to prevent them from being hushed up.

The substance of this Motion, therefore, does not concern the Malacca Hospital alone, but all hospitals throughout the country. Parliament is entitled to an assurance—and I can assure the Honourable Minister opposite that this is no laughing matter but is a serious matter—that there would be a public inquiry into the 1975 Malacca Hospital deaths which would permit a full disclosure of the facts and causes of the infant deaths. If the Minister can order the holding of such a public inquiry, I am prepared to withdraw this Motion as I have nothing against him personally. What I am interested to see is that there should be a full public disclosure of the facts and that effective measures are taken to ensure that there is no repetition and recurrence of these unnecessary deaths, that there is no negligence and that the standard of efficiency and proper hospital administration are maintained.

4.10 *ptg.*

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong

usul yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi, saya rasa usul ini adalah sangat penting sekali sebab keadaan di Hospital Besar Melaka sekarang teruk, sebab banyak bayi-bayi yang baru lahir telah mati dalam bulan November tahun ini. Jikalau pihak Kerajaan tidak mengambil tindakan yang tegas atau konkrit, maka keadaan di Hospital Besar Melaka dan di lain-lain hospital juga mungkin akan berlaku keadaan seperti yang telah berlaku di Hospital Melaka itu. Saya berharap Kerajaan membuat suatu public enquiry untuk menyasat perkara mengenai kematian di Hospital Melaka supaya public confidence boleh dipulihkan semula. Ini sangat penting sebab kita tahu dalam tahun 1973 perkara demikian ada berlaku juga di Hospital Besar Melaka dan juga satu public enquiry telah dibuat dan kita telah dapat baca dan dapat dengar tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyebutkan tentang coroner's judgment dan coroner's report. Perkara ini telah berlaku di Hospital Melaka oleh kerana pentadbiran atau administrasi di hospital tersebut tidak sesuai dan tidak memuaskan. Oleh sebab itu, saya menyokong penuh Usul dari rakan saya dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan membuat satu public enquiry.

4.16 *ptg.*

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya bangun membantah Usul yang dikemukakan ini dan saya berasa sangat kesal bahawa Usul ini dibentangkan dalam Dewan di mana umum telah sungguh mempercayai akan usaha-usaha baik dan kecekapan Kementerian Kesihatan menjalankan aktiviti-aktiviti untuk menjaga kesihatan rakyat dalam negara.

Statistik telah menunjukkan bahawa Kementerian Kesihatan sungguh-sungguh telah berjaya dan telah membuat kemajuan yang begitu pesat dari satu masa ke semasa, dan baru sebentar tadi kita dengar beberapa banyak lagi aktiviti, kemajuan dan perubahan moden yang akan dimajukan oleh Kementerian ini. Kalaulah dibawa kepada dasar atau pokok masalah di Hospital Melaka, maka di tempat saya baru-baru ini ada satu kejadian yang lebih kurang serupa, tetapi pada pendapat saya dan saya telah menyasat perkara itu kebanyakan kejadian-kejadian yang dikesalkan oleh rakyat umum adalah kesalahan

rakyat sendiri yang tidak mematuhi atau mengikuti nasihat doktor atau pegawai kesihatan di tempat itu yang telah diberikan kepada pesakit itu sendiri.

Di tempat saya ada kejadian seorang isteri yang sedang mengandung, dalam masa mengandung pergi mengambil rawatan dan pemeriksaan di klinik dan beliau sentiasa diberitahu dan di peringkat akhir diberitahu bahawa kehamilannya itu adalah complicated maka mustahak dan mesti si ibu itu bersalin di hospital. Dan kepada suaminya pun diberitahu akan seriusnya kes itu. Tetapi kerana kepercayaan biasa hendakkan bersalin di rumah, dia bersalin di rumah, membantah dan tidak menurut langsung nasihat doktor. Akhirnya, masa bersalin ibu itu telah melahirkan dua orang anak kembar. Di antara dua orang anak itu seorang selamat dan seorang telah mati dan si ibu tadi telah kehilangan darah yang banyak, maka barulah dia sedar akan bahaya itu dan dikejarkan ke hospital dan sementara doktor datang untuk merawat atau memberi pertolongan cemas dan sebagainya, tetapi ajalnya telah sampai dia pun mati. Saya dapat surat petition dan saya sudah kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri

Tuan Lim Kit Siang: Usul saya adalah berlainan dan bukan kes kematian di rumah.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang tidak beri jalan. Teruskan.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Dia menyatakan segala-galanya disebabkan kesalahan Pegawai Kesihatan dan pihak hospital. Jadi, itulah keadaannya. Pada umumnya saya sukalah hendak mengambil kesempatan dalam Dewan ini mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan dapat menonjolkan atau mewujudkan satu undang-undang supaya benar-benar dapat memelihara keselamatan nyawa rakyat dan tidak lagi Kementerian menerima tuduhan yang liar supaya kita dapat memberi kepastian iaitu pesakit yang diberikan nasihat, maka dia akan mematuhi-nya dan mesti hadir dan mesti benar-benar

diduduk untuk dirawat di hospital. Saya rasa dengan cara begitu maka tidaklah wujud perbalahan yang ditimbulkan dalam usul yang tersebut.

4.20 ptg.

Tuan R. Rajasingham (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, though I agree fully with the Minister of Health on the projects and expenditure, I must bring to the notice of this House the scandalous state of affairs in the Penang General Hospital. In the case of health, notwithstanding being a Government back-bencher, I have had sufficient and many more complaints. The first is the austerity drive, Sir. The rural hospitals need development and more money has to be spent, but in the Penang General Hospital, it has been brought to my notice that tenders for food, e.g. fresh mutton which costs \$3.85 has been accepted at \$4.85 a kati on tender but Cold Storage mutton costing \$1.85 a kati has been supplied to the hospital. The Auditor's Report would confirm this because the Auditor visited the hospital on five consecutive days to check and found that on all five days, Cold Storage mutton which costs \$1.85 a kati was served to the patients. The same thing went with fish and meat. We do not know who is making the money or who is profiting, whether the man who supplies the items of food is making the money or someone in the administration. This the Minister could best confirm with the Auditor. Subsequently, when the Auditor wanted certain files

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun).*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sedang bercakap, adakah hendak beri peluang?

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. I am not opposed to the Honourable Member talking but may I draw attention to Standing Order 66 (10), whereby an amendment seeking a reduction, which I proposed, should be

disposed of first. I think what the Honourable Member wishes to say could be raised after this amendment has been disposed of.

Tuan Pengerusi: Itu betul, sekarang perbahasan yang ada di hadapan kita ialah perbahasan atas usul pindaan. Jadi kalau Yang Berhormat hendak bercakap, tolong tumpukan kepada pindaan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan R. Rajasingham: As regards the Malacca Hospital, what the Honourable Member for Kota Melaka has said cannot be denied. The same thing has happened in the Penang General Hospital. (*Ketawa*) There was a clear-cut case where even the administration wanted to interfere in a case of an accident of two motorcyclists; blood transfusion was wrongly given—Group “A” was given to the person who was having Group “B” blood and one patient died. I cannot speak further on this matter because it is *sub judice*; it is in the hands of the Deputy Public Prosecutor, Penang who is holding an investigation.

There was a case of death of another woman who worked in the hospital as an ayah

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Adakah Ahli Yang Berhormat itu sokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka?

Tuan Pengerusi: Bagaimanapun Ahli Yang Berhormat, saya tidak suka memanjangkan banyak masa ini. Ahli Yang Berhormat sudah mengambil masa bercakap selama 6 minit, cuma ada 2 minit sahaja lagi. Tujukan ucapan itu kalau sokong atau bangkang di atas usul pindaan ini, bukan mengenai perkara Kementerian Kesihatan—tetapi usul pindaan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Rasiah Rajasingham: Betul, Tuan Pengerusi, saya pun ada bercakap sedikit samada saya sokong ataupun tidak biarlah selepas saya bercakap dahulu.

Tuan Pengerusi: Kalau Ahli Yang Berhormat hendak bercakap perkara lain, Yang Berhormat boleh bercakap dalam masa lain.

Tuan Rasiah Rajasingham: Saya sekarang bercakap atas pindaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dahulu.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat Menteri hendak bercakap dalam pindaan ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Bolehkah Tuan Pengerusi membenarkan saya menjawab kepada segala tuduhan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka? Jika dibenarkan saya boleh menjawabnya dahulu dan apakah fikiran dari pihak Kerajaan. Boleh dibenarkan saya menjawab dalam perkara ini?

Tuan Pengerusi: Boleh, tetapi jangan mengambil masa panjang sangat dalam pindaan ini atau Yang Berhormat boleh juga bercakap kemudian sebab saya hendak undi cepat dalam pindaan ini, kemudian kita masuk semula ke dalam usul asal.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membuat satu tuduhan yang telah disiarkan dalam akhbar pada 3hb Disember bahawa 20 orang bayi yang lahir sihat di Hospital Besar, Melaka telah mati dalam minggu yang bermula November 21, kebanyakannya berdarah di mulut, hidung dan jubur. Ahli Yang Berhormat itu telah menyatakan penyakit ceret telah merebak di kalangan bayi-bayi itu dalam tempoh tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu telah mengirim satu taligram kepada saya pada pagi 3 hari-bulan, hari yang sama dan saya telah memberi arahan kepada Pengarah Perkhidmatan Perubatan Kementerian Kesihatan supaya menjalankan penyiasatan dengan serta-merta.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini sekarang keadaan yang sebenarnya selepas dijalankan penyiasatan sehingga ini.

Kami sedar bahawa dari 21hb November, 1975 bilangan bayi yang mati di bilik rawatan bayi, Hospital Besar, Melaka telah bertambah.

Dalam tempoh ini iaitu dari 21hb November hingga 30hb, 10 orang bayi telah mati, bukan 20 orang.

KEMATIAN BAYI, HOSPITAL BESAR, MELAKA

No.	Tarikh lahir	Kaum	Tarikh Mati	Berat Masa Lahir	Sebab Mati
1.	17-11-1975	... Melayu ...	21-11-1975	... 2 lbs. 1 oz ...	1. Prematurity
2.	16-11-1975	... India ...	22-11-1975	... 4 lbs. ...	1. Prematurity 2. Gastroenteritis 3. Jaundice
3.	20-11-1975	... China ...	23-11-1975	... 4 lbs. 4 oz ...	1. Prematurity
4.	21-11-1975	... Melayu ...	23-11-1975	... 4 lbs. 12 oz ...	1. Prematurity 2. Respiratory Distress Syndrome
5.	19-11-1975	... China ...	23-11-1975	... 3 lbs. 6 oz ...	1. Prematurity 2. Neonatal Jaundice 3. Gastroenteritis
6.	20-11-1975	... China ...	23-11-1975	... 5 lbs. 12 oz ...	1. Neonatal Jaundice 2. Gastroenteritis
7.	20-11-1975	... China ...	24-11-1975	... 5 lbs. 7 oz ...	1. Prematurity 2. Neonatal Jaundice
8.	8-11-1975	... China ...	25-11-1975	... 5 lbs. 12 oz ...	1. Congenital Heart Disease 2. Neonatal Jaundice 3. Gastroenteritis 4. Septicaemia
9.	16-11-1975	... China ...	26-11-1975	... 7 lbs. 4 oz ...	1. Pneumonia 2. Gastroenteritis 3. Jaundice
10.	26-11-1975	... China ...	27-11-1975	... 1 lb. 12 oz ...	1. Prematurity

Penyiasatan awal menunjukkan bahawa 7 daripada 10 kematian adalah disebabkan tidak cukup bulan, dari 1 paun hingga 4½ paun dan hanya 3 orang bayi yang mempunyai berat badan biasa telah mati dalam tempoh itu. Dari 3 orang bayi ini, seorang mengidap penyakit "congenital", seorang lagi mengidap "Respiratory Distress Syndrome" dan yang ketiga "Bronchopneumonia". Cuma seorang bayi saja yang mati.

Tuan Pengerusi: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tan Sri Lee Siok Yew: Panjang sedikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kena cari jalan pendekkan, sebab sekarang Yang Berhormat sudah bercakap 10 minit, tadi sudah sejam Yang Berhormat bercakap.

Tan Sri Siok Yew: Tuan Pengerusi, sebab Yang Berhormat itu telah diberi keterangan

Tuan Pengerusi: Cuba pendekkan sedikit lagi.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya boleh pendekkan sedikit.

Kadar Kematian Bayi dalam negara ini adalah lebih kurang 40 dari tiap-tiap 1,000 yang lahir hidup. Bilangan kelahiran di Negeri Melaka bagi bulan November ialah 623, dan berdasarkan pada Kadar Kematian Bayi maka bilangan kematian bagi bulan ini sepatutnya ialah lebih kurang 24, tetapi kematian sebenarnya adalah 26 iaitu lebih 2 saja dari biasa. Saya juga ingin menyatakan bahawa bilangan bayi yang lahir di Hospital Besar, Melaka telah bertambah dalam masa 3 bulan yang lalu.

Saya pendekkan lagi, saya tidak sebutkan bilangan tiap-tiap bulan daripada Januari hingga November pada tahun ini. Dalam bulan November 36 kelahiran yang tidak cukup bulan telah berlaku dan 16 daripada angka ini telah mati. Kadar kehidupan bayi yang tidak cukup bulan adalah di antara 30%-50% bergantung kepada berat badan bayi-bayi itu.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya telah menyiasat daripada 7 orang bayi yang lahir tidak cukup bulan ada bukti bahawa 4 orang bayi mengidap "gastroenteritis" serta demam

kuning ketika baru lahir, yang menunjukkan kemungkinan jangkitan di bilik rawatan bayi-bayi itu.

Memandangkan kepada keadaan ini Bilik Rawatan Bayi telah ditutup pada 24hb November, 1975 pada pukul 4.00 petang dan 2 bilik rawatan bayi sementara telah dibuka di kawasan lain di Belok Bersalin.

Penyiasatan tentang sumber-sumber jangkitan telah dilakukan dengan serta merta. Contoh-contoh pengkajian kuman telah diambil dari:

- (i) semua kelengkapan untuk membancuh susu, termasuklah botol susu;
- (ii) contoh tahi dari 11 orang bayi;
- (iii) contoh tahi dari semua kakitangan yang bekerja di bilik rawatan bayi;
- (iv) contoh tahi dari semua pesakit dalam wad sebelah bilik bayi;
- (v) contoh tahi dari semua pesakit di Bilik Bersalin yang mengidap penyakit ceret;
- (vi) lantai, dinding dan alat kelengkapan di bilik rawatan bayi.

Keputusan awal dari contoh-contoh ini menunjukkan bahawa alat kelengkapan makanan bayi tidak beracun; akan tetapi ada bukti bahawa kuman telah berjangkit dari lantai dan dinding bilik rawatan bayi itu yang mungkin menjadi sumber jangkitan yang telah menyebabkan "gastroenteritis". Faktor lain yang telah menyebabkan jangkitan ialah kesempatan di Tempat Bersalin dan bilangan pelawat-pelawat yang sangat ramai dan kurangnya tanggungjawab serta kerjasama dari orang ramai dalam menjaga kebersihan hospital.

Merebaknya kuman termasuklah "gastroenteritis" di bilik rawatan bayi boleh terjadi dari semasa ke semasa di bilik-bilik rawatan bayi di hospital-hospital yang paling baik di dunia ini. Akan tetapi apabila sahaja pihak hospital mengesan perkara ini, langkah-langkah pencegahan tersebut di atas telah diambil. Jika penyiasatan lanjut menunjukkan ada bukti kecuai kakitangan hospital, tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, sebagai Menteri Kesihatan dalam Kerajaan yang bertanggungjawab, saya tidak takut mengemukakan sebarang kesilapan atau kekurangan dalam Kementerian saya dan saya telah selalu

berbuat demikian pada masa dahulu baik di Dewan ini mahupun di dalam akhbar. Adalah tugas saya untuk memberitahu Dewan yang mulia ini akan kebenaran dan tidak ada apa-apa yang saya hendak sembunyikan. Selepas berunding dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pihak Kerajaan telah bersetuju untuk mengadakan penyiasatan terbuka dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, inilah jawapan saya dan saya harap Ahli dari Kota Melaka bersetuju satu penyiasatan terbuka akan dijalankan pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya rela tarik balik

Tuan Pengerusi: Saya ingat patut saya tutup. Saya akan minta undi sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata saya rela tarik balik

Tuan Pengerusi: Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya tarik balik usul pindaan saya?

Tuan Pengerusi: Bila saya bercakap, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya, seperti saya terangkan tadi kita sampai pada pukul 5.30, ada masa sampai 5.10 sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat telah mendengar dari kedua-dua belah pihak. Sekarang saya akan kemukakan usul pindaan ini untuk diundi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, mengikut Standing Orders ini, saya menggunakan hak saya menarik balik

Tuan Pengerusi: Saya harap Yang Berhormat duduk, saya hendak kira undi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tarik balik usul pindaan saya.

Tuan Pengerusi: Saya perintah duduk!

Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di hadapan kita ialah usul pindaan kepada peruntukan bagi Kementerian Kesihatan yang dikemukakan oleh Ahli dari Kota Melaka yang berbunyi demikian:

Bahawa wang yang diperuntukkan kepada Kepala B. 32 dalam Perbelanjaan Persekutuan, 1976, Kertas Perintah 35/1975 dikurangkan sebanyak \$10 berkaitan dengan gaji Menteri Kesihatan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta Division.

Tuan Pengerusi: Menurut Peraturan Mesyuarat kita mestilah ada 15 orang Ahli yang bersetuju dengan permintaan itu. Siapa yang bersetuju, sila berdiri. (7 Ahli berdiri).

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

4.40 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, oleh sebab masa suntuk, di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris. Yang pertama, saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini, pada dua tiga bulan yang lalu, kerap kali di dalam Dewan ini mahu pun di luar Dewan ini, ada berita tentang pengambilan doktor-doktor yang dilatih di India, dan perkara ini pun telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat ini.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, the cause of the non-recruitment of the doctors from India I say—and I say it with great seriousness—is the Director-General of the Medical Services. I wish to make it clear that I am not attacking him, but I am a Member of the Malaysian Medical Council and I shall raise this matter again when it meets next.

Now, at the last meeting of the Malaysian Medical Council, it was decided without any dissenting vote but by a unanimous vote, that those doctors who were trained in Colleges which had their products being recruited into our Medical Services should be taken and the Director-General of Medical Services as President of the Medical Council was a party to it; he did not dissent and he agreed with it. Unfortunately, when the doctors went to him, as the Registrar of the Medical Practitioners,

for them to be recruited into the Medical Service, he refused. Then when they appealed to the Minister of Health—and I do not know what the Director-General told the Minister of Health—it took the Minister of Health to ask for the minutes of the Malaysian Medical Council before the Minister of Health in conjunction with his colleague, the Minister for Communications, could go and see the Deputy Prime Minister to get this matter settled. I say this is a very serious matter, Mr Chairman, Sir, because lots of Members of the House, for example, the Member for Sungei Siput and the Member for Telok Kemang, have raised this matter, and I have kept silent all this time. But I cannot in all honesty keep silent now, and I want to ask the Minister of Health—what is he going to do with this blatant defiance of his Director-General of Medical Services?

Now, the other thing that I want to touch on, Mr Chairman, Sir, is in regard to the increase of service that the Minister has announced that he will impose on new recruits into the Medical Service from two years to three years. In all sincerity, I wish to warn the Minister that if he does impose this increase, it will be counter-productive because the young doctors will resent it and they will mark time and as soon as their three years are up, they will just leave the service. Far better be it for the Minister to improve the conditions of the service and then the young doctors of their own accord will remain in the service for many more years, particularly if the Minister improves the service where the young doctors can be given a chance to prepare themselves for the various post-graduate examinations. If he does that, the great bulk of the doctors who think of leaving the service will not leave the service. While we are on the question of doctors leaving the service, the Minister knows that lots of his superscale doctors, the specialists, are leaving the service because they literally have to wait for their colleagues to die before they can step into a dead man's shoes. Why should this be so? He should try and persuade his Ministerial colleagues to increase the superscale posts in the service; otherwise a situation will arise here as in Britain, where the doctors are defying the Government. I must warn the Minister that doctors, like other professional men, are in great demand the world over and our specialists are second to none and they can easily get jobs elsewhere.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Mr Chairman, Sir, while we are on this also, I want to ask the Minister why has he not taken the trouble to see, instead of increasing the length of service of young doctors from two years to three years, why every year quite a number of senior doctors leave at the age of 55. I would want to make an appeal to him that he should try and retain them. The Government has got conditions for re-employing such pensioners and one such chap, who was a colleague of mine in my university days, rang me up and said: "Why don't you get the Minister to offer me a job?" not that he cannot get a job but perhaps he likes the job that he is doing—and at 55, I fancy he has about four or five years more of good service to render to the Government and the Minister should seriously think of offering short-term contracts to those who retire rather than forcing young doctors to stay in the service and then getting frustrated and leaving the service as soon as their time is up.

Mr Chairman, Sir, the Minister or the Government may well be proud of the fact that the Kuala Lumpur Hospital is the biggest in the world now, bigger than Cooks County Hospital, but to many of us who are practising in Kuala Lumpur, the Kuala Lumpur Hospital is an octopus that is almost unmanageable now. I would make an appeal to the Government that instead of adding more buildings to the Hospital Besar, Kuala Lumpur they should spend the money dispersing the medical facilities in and around Kuala Lumpur. This is a very serious matter. Those who go to the General Hospital wander around all over the place and if you are an illiterate man, you can spend half the day looking around just to find out whom to see and if you are given a *surat* you can also spend half-a-day. I have written to patients to go and see certain doctors and they wander around half-a-day and come back and say: "Doctor, apa macam? Saya tidak boleh tengok doctor itu."

Tuan Pengerusi: Get a tourist guide!

Dr Tan Chee Khoon: Perhaps, the Ministry of Health should have a tourist guide to guide people around that huge complex when it is ready, and I would make an appeal that

instead of spending money on making more additions, the money will be far better spent in enlarging the Lady Templer Hospital, for example. Just now in reply to an Oral Question, the Minister stated that the Lady Templer Hospital is a semi-private hospital. But the Government does give a subsidy to this Hospital, and I believe that there has been talk about the Government taking it over and using it as a General Hospital for the southern part of the town. We can improve that to make it popular and take off part of the load from the General Hospital.

Finally, Mr Chairman, Sir, the question of Director-General's post will be up, I believe, next year because the present Director-General will be 55 next year. I would hope that the Minister and the Cabinet would consider the filling of this post very carefully. The person who should succeed the present Director-General should be a person who must command the respect of his colleagues both in the service and outside the service as well. It is no use, Sir, pulling a chap who is fairly junior and putting him there and hoping that he can command the respects of his colleagues both in the service and outside the service. As you all know, these days the Director-General is the one who attends the international conferences and if he is not a person who is a top-notch in his field, then he will make a very poor impression of Malaysia at international conferences. If a wrong choice is made, I venture to predict that the Minister will lose more senior officers from the service.

4.52 ptg.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit di bawah Kepala B. 32, Kepala-kecil 1100, Aktiviti (1) hingga (3), Kalau orang lain bercakap fasal doktor maka saya akan bercakap fasal H.As (Pembantu-pembantu Hospital).

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, ada ura-ura ia-itu Pembantu-pembantu Hospital di seluruh negara akan membuat satu pemogokan besar, kerana ada tuntutan mereka yang tidak dapat dipenuhi oleh pihak Kementerian. Jadi, salah satu tuntutan yang mereka buat ialah supaya H.A. didaftarkan di bawah satu Akta yang akan diluluskan oleh Parlimen ini.

Saya berpendapat bahawa pendaftaran semacam itu ada baiknya, menasabah serta lojik kerana pertamanya setakat ini Pembantu-pembantu Hospital tidak dilindungi oleh undang-undang. Ini juga tidak seperti para jururawat yang ada Akta Jururawatnya dan pihak doktor atau Pegawai-pegawai Kesihatan yang ada undang-undang atau Akta Perubatannya.

Jadi, saya rasa Pembantu Hospital yang ada sekarang ini hanya boleh disifatkan sebagai "generalist" sahaja, tidak profesyenal. Jadi, kalau beginilah keadaannya, maka scope mereka bertugas itu tidak mempunyai satu streamline yang betul-betul dan ini akan di "utilise"kan oleh pegawai-pegawai yang di atas mereka—Pegawai-pegawai Perubatan.

Di samping itu sebab yang kedua harus kita daftarkan pihak Pembantu-pembantu Hospital ialah oleh kerana sekarang ini kita dapati bahawa kalau mengikut rekod ada 76 buah pusat-pusat kesihatan yang besar di samping 254 buah semua sekali pusat-pusat kesihatan kecil di seluruh negara. Kebanyakan daripada 254 buah pusat-pusat kesihatan kecil ini kita dapati tidak ada ramai pegawai-pegawai perubatan yang bertanggungjawab untuk menjaga pusat tersebut. Jadi, ini terserahlah kepada Pembantu-pembantu Hospital itu untuk menjaga pusat-pusat berkenaan. Jadi kalau sekiranya dalam menjalankan tugas, seorang Pembantu Hospital yang menjaga pusat-pusat kesihatan kecil itu didapati ada insiden-insiden yang berbangkit kematian umpamanya, adalah menjadi satu penganiayaan kepada Pembantu-pembantu Hospital itu untuk menjawab apa-apa court case. Kalaupun ada arahan Pegawai Perubatan sekalipun kadang-kadang berlaku bahawa apakala memasuki mahkamah pihak Pegawai-pegawai Perubatan sendiri tidak akan bertanggungjawab penuh untuk membela Pembantu Hospital itu kerana mereka tidak melihat sendiri.

Jadi, mengkaji hal-hal seumpama ini maka eloklah kita daftarkan Hospital Assistants ini supaya mereka sama taraf dengan pegawai-pegawai profesyenal.

Ketiga dengan adanya Akta demikian pihak H.A. dapat dikawal dan dapat pula pihak Kementerian mengawal tentang adanya orang-orang yang tidak berkecukupan menjadi Pembantu Hospital ataupun menjadi tukang-tukang jual ubat di kampung-kampung. Ini

banyak berlaku di dalam masyarakat kita di Malaysia.

Tuan Pengerusi, masalah besar yang dihadapi oleh negara kita sekarang ini ialah tidak berkecukupan Doktor, Pegawai-pegawai Kesihatan. Jadi, dengan cara kita mendaftarkan Pegawai-pegawai H.A. ini di bawah satu bentuk Akta Parlimen, maka ada peruntukan yang dapat kita lakukan. Pembantu Hospital yang mempunyai kelayakan penuh, telah mendapat latihan teori dan praktikal yang baik. Umpamanya, pihak Universiti Malaya atau Medical Colleges di mana-mana boleh menyerapkan mereka supaya dapat mereka mengikuti Ijazah berdasar kepada pengalaman praktikal yang mereka ada dan "qualification" mestilah dikecualikan sebagaimana syarat-syarat minima yang diperuntukkan oleh universiti berkenaan. Dan untuk mengatasi ini semua, saya rasa elok pihak Kementerian ini mengambil di antara 30-50 orang H.A. setahun dipilih daripada Pembantu-pembantu Hospital itu masuk ke universiti-universiti dengan biasiswa pihak Kementerian sendiri. Sebab dengan cara ini saya rasa matlamat kita untuk memberi seorang doktor kepada 2,500 orang penduduk sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Selain daripada itu pula, masalah persaraan Pembantu-pembantu Hospital. Kalau sekiranya kita tidak ada suatu akta untuk melindungi mereka, Pembantu Hospital yang akan bersara kelak hasil daripada pengalaman mereka berpuluh-puluh tahun, pengorbanan yang begitu banyak terhadap negara siang dan malam selama 24 jam tidak dapat pengiktirafan Kerajaan. Jadi, apalah salahnya kalau pihak doktor dan pihak Pegawai-pegawai Profesyenal dapat membuka klinik-klinik dan gedung-gedung ubat sendiri dengan mendapat gaji yang lumayan, maka elok rasanya Pembantu Hospital ini juga diberi pengiktirafan supaya selepas daripada mereka bertugas itu diberi kesempatan kepada mereka membuka klinik-klinik kecil di kampung-kampung umpamanya, gudang-gudang ubat supaya dengan ini pihak rakyat jelata yang ada di luar-luar bandar tidak susah pergi ke kedai-kedai untuk mencari seorang doktor atau klinik. Jadi, saya rasa perkara ini haruslah dipertimbangkan dengan baik oleh pihak Kementerian.

Selain daripada itu, saya rasa tentulah sekali dalam perjumpaan antara NUHA (National Union of Hospital Assistants) baru-baru ini saya dapat tahu bahawa memang ada jawapan-jawapan yang tegas daripada pihak Kementerian yang tidak mahu mengiktiraf mereka dan tidak mahu mendaftarkan H.As dengan berbagai-bagai alasan. Saya bimbang, pihak Kementerian yang pegawai-pegawainya sendiri terdiri daripada doktor akan ada perasaan (sentiment) competition kepada H.As ini dan begitu jugalah boleh jadi Medical Council Malaysia yang barangkali tidak mahu menyokong perjuangan pihak H.As ini.

Jadi, saya minta pihak Kementerian supaya berhati-hati benar di dalam tuntutan mereka ini sebab mungkin kalau sekiranya berlaku pemogokan besar-besaran di Malaysia, saya rasa orang yang terlibat secara keseluruhannya ialah rakyat jelata yang ada di luar-luar bandar.

4.59 *ptg.*

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang):

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B. 32, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (5) muka surat 231 dan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita di atas usaha-usaha beliau mentadbirkan Kementerian beliau sebagai satu perkhidmatan yang sungguh-sungguh baik kepada penduduk-penduduk negara kita. Saya sendiri tahu Yang Berhormat Menteri adalah penuh simpati dan penuh bersefahaman di atas masalah-masalah yang mungkin kita hadapi dalam perkembangan perkhidmatan kita dan beberapa masalah yang kita hadapi mengenai kekurangan kakitangan, kemudahan dan lain-lain.

Untuk ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Saya ingin menyentuh empat perkara.

(1) *Perkhidmatan di Hospital*

Perkhidmatan Hospital memaklumkan kematian seseorang patient kepada next-of-kin atau saudara-mara simati itu dalam masa yang singkat. Sudah terjadi beberapa kali, bukan satu atau dua kali, patients yang dimasukkan ke hospital telah meninggal tetapi dalam satu minggu pun saudara-mara simati

itu tidak diberitahu. Cuma bila saudara-mara melawat hospital untuk menengok patient itu barulah diberitahu, dia sudah meninggal dan mayatnya di simpan di mortuary. Mungkin Yang Berhormat Menteri akan minta saya memberi makluman di atas satu-satu kes, tetapi apa yang saya katakan ialah kes-kes seperti ini adalah secara umum pada ketika ini dan ada beberapa kes telahpun dilaporkan dalam newspapers. Oleh sebab ini adalah satu perkara yang penting dan jika saudara-mara itu tidak diberitahu sesudah 2-3 hari pun, saya fikir perkara ini adalah sangat dikesalkan. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat siasat dan kaji sistem perhubungan yang kita ada untuk memaklumkan kematian seorang patient kepada saudara-maranya dalam masa yang secepat mungkin melalui network Polis atau network yang lain. Pada masa ini jika mayat itu telah dipindahkan ke mortuary tidak sesiapa pun yang bertanggungjawab untuk memberitahu atas kematian itu kepada saudara-maranya. Apabila kematian terjadi di dalam ward itu, saya fikir kakitangan dalam ward dan doktor-doktor dikehendaki mengambil usaha-usaha untuk memberi maklumat. Tetapi bila mayat itu dipindahkan ke mortuary orang yang bertanggungjawab tidak ditentukan dan channel of communication dengan saudara-mara itu tidak berapa baik atau jelas. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian.

(2) *Mortuary Service*

(*Dengan izin*) The second matter, Mr Chairman, is concerning the mortuaries in the hospitals. I think the situation today at our mortuaries is a highly unsatisfactory one. There are the usual bureaucratic procedures to be followed in respect of claiming of bodies, the transport of the bodies outside the mortuaries and the arrangements to get these bodies to people's houses and to the cemeteries and so on, as a result we now have a fairly lucrative industry which is flourishing around our mortuaries, very often linked up with staff who work in the hospitals. These people, both the staff and I believe the representatives of undertakers and people who have hearses and so on, exploit rather voraciously the desperation of the unfortunate relatives of a dead person. I know of cases where people have been charged fortunes in order to get these services, in order to get the body removed from the hospital mortuary to a person's

home which is very traditional in our custom among all the races in Malaysia. I think we have too many people hanging around the mortuary, both staff and non-staff, pressing various services on to these unfortunate people in their desperate and sad moments and these people have often very little choice in respect of these things. I am particularly concerned with the families of very poor people who are made to suffer these pains of having to pay vast amounts and suffer various other tortures and so on.

Primarily I think the need here is to provide in every hospital in our country a hearse which can be used to transport dead bodies to the various homes of persons and so on. It may be suggested by the Honourable Minister that some of these services can be provided by community associations or religious associations and so on, but I know that we do provide a hearse now in many hospitals for a section of our population. I do not see any reason why we cannot extend this service to all sections of our population, particularly where it is the poor who are now suffering the consequences of the lack of hearses for these matters. Even where the community or religious associations are able to find the money and buy a hearse, they are often occupied in transporting bodies from homes to cemeteries and it is very difficult to get a hearse to get a body from the hospital mortuary to a home. In the absence of such a service, I think the poor are being made to suffer and they are being made to pay considerable amounts of money to voracious people who hang around the mortuaries. I hope the Honourable Minister would be able to look into this matter and extend the provision of a hearse to all hospitals to cater for all sections of the people who do visit our hospitals. I think it should become an integral part of the hospital services that we provide.

(3) *Dormitories in Hospitals*

The third matter that I would like to raise concerning the services we provide in the hospitals is a matter which is causing great anxiety to many people, particularly rural people who now visit our hospitals. It is customary, and I do not think we can for a long time eradicate this practice, for parents, or the mother or father, or a near relative, to accompany a patient from a distant kampung, a new village or an estate, to the

hospital. I know that if the patient happens to be very young, the mother could also be admitted to the hospital—but in most other cases where the patient is older, very ill, the relatives would still like to stay around so that they can visit instead of having to go back many miles and return every day during visiting hours. I hope that we can envisage a project in every hospital whereby we provide some dormitory space for visiting relatives such as this. I know that there are certain groups which now provide this service attached to some hospitals, and I hope that this can become an integral part of hospital planning where there is dormitory space provided for visiting relatives who cannot be accommodated in wards because wards are crammed enough as they are. These relatives, even for a payment of a very small fee, can be provided wholesome accommodation, sleeping space and some washing facilities, which is all they require to cope with the requirements of the desperate situation that they are in.

(4) *Ambulance Services*

I also hope that the Honourable Minister and his Ministry would be able to go into the ambulance services that are attached to our hospitals. I know, Sir, that last week when a patient was being transferred from the General Hospital, Seremban, to the General Hospital, Kuala Lumpur that ambulance, which I am told, very often broke down three or four times during a trip, had its doors flung open twice during the journey without even the driver being aware of it. The doors flung open not because they were not secured properly but because they were mechanically defective and I shudder to think what would have happened if the patient himself was not aware of it. I think that there are many ambulances in our country which are in this state of mechanical disrepair. I hope we can improve the service of providing ambulances and also that these ambulances service can be fitted with qualified attendants—nursing staff or hospital assistants or such like—when they go on an SOS call in an emergency, accident and so on, particularly accidents and heart cases. As it is, in too many cases, in these critical moments in which experienced hands, trained hands, could have saved a patient's life or could have improved the situation before the patient got to the hospital, they were just not available to accompany the

ambulance and as a result we have had very painful situations. I hope that it can be made a part of the ambulance service, that it is compulsory for trained and experienced staff to accompany the ambulance when it gets out on an emergency call.

5.10 *ptg.*

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab, saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Kementerian saya berkaitan dengan Belanjawan bagi tahun 1976 yang akan datang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka menjawab sedikit sepatah dua kata kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Beliau telah mengatakan tentang pengambilan doktor-doktor daripada Fakulti Perubatan di India yang telah terganggu oleh kerana satu keputusan telah dibuatkan oleh Medical Council dengan unanimous.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pengambilan doktor-doktor daripada ini, yang sebenarnya telah dibuat keputusan ini oleh Medical Council apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga yang sebenar saya telah bertemu dengan sebilangan dari doktor-doktor yang telah lepas latihan dari Fakulti Perubatan daripada India apabila mereka balik ke negara kita ini meminta kerja dan berkhidmat di hospital Kerajaan, tetapi malangnya mereka telah menunggu dengan masa yang panjang. Dengan siasatan-siasatan saya sendiri pengambilan tindakan oleh saya dengan melihat minit-minit mesyuarat yang diambil oleh Medical Council serta juga saya telah berunding dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai ijazah-ijazah perubatan daripada universiti-universiti India itu telahpun diselesaikan dan pada hari ini adalah 50 orang sedang menunggu for posting to the various hospitals to do their housemanship. Tuan Pengerusi, soal ini telah diselesaikan dan juga the places for doing housemanship in the hospitals di negara ini telah dapat ditambah daripada 280 tempat kepada 413 tempat. Jadi tidak lama lagi apa yang saya sebutkan di dalam Dewan ini dalam dua tiga hari yang lalu semua doktor yang berijazah daripada Fakulti Perubatan India ini akan dapat posting dalam bulan ini.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, with regard to the proposals made by me to extend the present two-year compulsory medical service for qualified doctors in hospitals to three years, this question is still under consideration by the Government. For the next five years we are going to implement more projects in the rural areas and we have to extend the medical and health services to those rural areas which have been neglected by us for a long time. It is time for the Government to implement the policy and give priority to the rural areas so that the rural people could also enjoy modern medical and health services.

Kementerian ini tidak mencukupi bilangan doktor yang mahir atau pakar dalam apa rancangan yang dikehendaki atau hasrat-hasrat daripada negara kita ini tidak boleh dilaksanakan. Dengan itu satu cadangan telah dibangkitkan dan cadangan ini telah disokong kuat oleh Malaysian Medical Association dan saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu saya percaya beliau sebagai seorang Ahli M.M.A. akan menyokong kuat Persatuan beliau sendiri dengan itu juga, Tuan Pengerusi, berbagai-bagai kemudahan akan diberi kepada doktor-doktor kita. Misalnya seperti apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong to increase the number of the super-scale posts in the Ministry in order that the experienced doctors will continue to serve in the hospitals. This has been done, but, as a matter of fact, it takes time to do it.

Pada tahun 1971, semua bilangan super-scale posts di hospital-hospital adalah 150 akan tetapi pada hari ini superscale posts in the hospitals are more than, jikalau tidak silap saya, 350 posts. This means that the number of superscale posts has been increased by more than 100%. At the moment we are continuing to look into this matter and we hope that in the near future more superscale posts will be created. I cannot deny, Tuan Pengerusi, that there are doctors who have attained the ages of 45 or 47 but who are still holding Superscale "G" or "F" posts. As a matter of fact, a good number of doctors told me personally that they are not happy with the promotion exercise. I personally, as the Minister responsible, would like to look into this matter myself and I would like to see that the experienced doctors would continue to serve us, because we need their services. We need the experienced doctors to continue to serve the Government despite the fact that

we have young doctors coming in at the rate of 250 or 300 a year. But the number of experienced doctors who resigned from the Government Service from 1st January this year to 30th October this year is 125. I feel that this is a very serious matter and we would try to do what we can to retain them by providing opportunities particularly for the capable and young eligible doctors to do their post-graduate courses both locally and overseas. This is being done. Also, the "no pay leave" for the young doctors to do their post-graduate courses has been increased from six months to one year. But, unfortunately, a good number of scholarships awarded by the Government have not been taken up by the eligible candidates because they have to sign a longer period of bond—of seven years. That is the reason why many of the young doctors who want to do post-graduate courses overseas feel reluctant to accept these scholarships from the Government and instead of it they prefer to do it by themselves. Because of this reason, we do not want to loose them, and so we increased the period of "no pay leave" from six months to one year to enable the young doctors to do the post-graduate courses overseas, so that when they finish their courses, they will come back and continue to serve us. Now, we are also looking into other facilities that can be provided for the young doctors to do the post-graduate courses. These are the things that we are looking into and I say "thank you very much" to Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah membangkitkan soal ini dan yang sebenarnya soal ini telah diambil perhatian oleh Kementerian saya dan kita akan mengkaji apakah incentive yang baik dan boleh diberikan kepada doktor-doktor yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan.

Berkaitan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong berhubung dengan DG (Director-General of Medical Services) ini memanglah satu pandangan yang baik dan Kerajaan kita akan mengambil perhatian tentang soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai ada menyebutkan berkaitan dengan pendaftaran Hospital Assistant yang dicadangkan oleh Persatuan Pembantu Hospital di negara kita. Soal ini telahpun diambil perhatian dan juga sedang dikaji oleh Kementerian saya dan kita berharap tidak lama lagi satu Akta Pendaftaran Pembantu Hospital seperti

Akta Pendaftaran Jururawat yang diadakan di negeri ini akan dikemukakan kepada Kerajaan dan jikalau dipersetujui oleh Kerajaan maka Akta ini akan dikemukakan kepada Parlimen untuk dipersetujukan oleh Dewan yang mulia ini.

Berkaitan dengan cadangan Hospital Assistant selepas berkhidmat di hospital boleh membuka keliniknya sendiri dan sebagainya, ini adalah satu masalah yang berkait dengan berbagai-bagai sebab. Jikalau kita membenarkan Pembantu Hospital ini apabila bersara kelak boleh membuka satu klinik dan menjadi sebagai doktor, maka bagaimanakah taraf perubatan negeri ini boleh dijamin? Ini saya khuatir.

Berkaitan dengan memberi peluang kepada Hospital Assistant untuk masuk ke universiti atau ke Fakulti Perubatan di universiti, ini adalah satu soalan yang berkaitan dengan the basic qualifications for admission into the university oleh kerana seorang calon yang mengambil pelajaran perubatan memang berkehendakkan satu kelayakan yang perlu. Jikalau ada di antara Hospital Assistant itu yang mempunyai kelulusan dan basic qualifications yang membolehkan mereka itu masuk ke Medical Faculty, maka itu terpulanglah kepada Medical Faculty itu untuk memberikan pertimbangan tetapi jikalau tidak mempunyai kelayakan-kelayakan yang sesuai maka barangkali mereka itu tidak mendapat peluang masuk ke universiti.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan satu soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang, beliau mengatakan hospital patut mengadakan sebuah kereta mayat atau hearse. Soalan ini bukanlah satu soal yang senang oleh kerana jikalau kita mengadakan sebuah kereta mayat atau hearse di tiap-tiap hospital maka perbelanjaannya akan bertambah. Pada masa ini pertubuhan sukarela seperti Majlis Ugama Islam dan sebagainya ada memberikan kereta mayat atau hearse kepada hospital-hospital seperti Hospital Besar Kuala Lumpur. Pertubuhan Islam ada memberikan sebuah kereta hearse untuk mengambil mayat orang-orang Islam. Jadi saya berharap jikalau ada pertubuhan seperti Buddhist Association dan pertubuhan sukarela yang lain yang boleh mendermakan sebuah kereta hearse kepada hospital supaya kereta hearse ini boleh dijadikan sebuah hearse dan sebagainya maka sumbangan itu sangatlah dialu-alukan oleh Kementerian saya.

Berkaitan dengan ambulances yang sentiasa rosak waktu mengambil pesakit dan yang bertugas dari satu tempat ke satu tempat, ini adalah benar. Kementerian saya sedang mengkaji apakah langkah yang sesuai yang boleh diambil supaya tiap-tiap buah ambulance itu berada dalam keadaan perfect condition. Perkara ini sedang dikaji dan kita harap improvements can be made in the near future.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyebutkan berkenaan dengan mortuary di hospital tidak berapa sesuai kerana orang-orang yang datang untuk mengambil mayat atau mahukan pertolongan diminta membuat pembayaran wang daripada next-of-kin atau dipaksa membayar wang. Ini memang benar. Akan tetapi pada masa sekarang ini kita tidak boleh menahan sesiapaupun berniaga (keranda-keranda) atau memberikan pertolongan kepada relations of the deceased. Kementerian ini cannot stop businessmen to do so at the moment.

Inilah jawapan yang ringkas daripada saya dan sekiranya ada soalan-soalan yang lain yang tidak dijawab dengan sepenuhnya saya minta maaf dan apa-apa yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$368,832,000 untuk Kepala B. 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$92,816,120 untuk Kepala P. 32 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Tuan Pengerusi: Sekarang sampailah kita kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan Kepala B. 34 hingga B. 39 dan Kepala P. 34, P. 35, P. 38 dan P. 39 untuk Kementerianya.

Kepala B. 33, B. 34, B. 35, B. 36, B. 37, B. 38 dan B. 39 (Jadual)—

Kepala P. 34 P. 35, P. 38 dan P. 39 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

5.30 ptg.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran

Belanja Mengurus dan Pembangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tahun 1976 di bawah Kepala Bekalan B. 33, B. 34, B. 35, B. 36, B. 37, B. 38 dan B. 39 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Anggaran ini di bawah Kepala-kepala yang tersebut di atas adalah seperti berikut:

B. 33—\$22,330,000 untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

B. 34—\$331,937,000 untuk Polis Di Raja Malaysia.

B. 35—\$10,152,700 untuk Jabatan Imigresen.

B. 36—\$600,000 untuk Pendaftaran Pertubuhan.

B. 37—\$8,411,500 untuk Pendaftaran Negara.

B. 38—\$23,942,210 untuk Jabatan Penjara dan

B. 39—\$6,132,100 untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Jumlah Anggaran Belanja Mengurus bagi semua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah sebanyak \$403,505,510 bagi tahun 1976 dibandingkan dengan \$363,882,141 yang diluluskan untuk tahun 1975 iaitu bertambah sebanyak \$39,623,369 atau 10.8% sahaja. Pada amnya pertambahan perbelanjaan itu disebabkan daripada (a) kenaikan gaji tahunan (tidak termasuk bayaran bonus) dan (b) kenaikan harga barang-barang.

Beberapa jabatan di bawah jagaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memerlukan perkembangan yang lebih besar dalam tahun 1976 terutama sekali Jabatan Polis Di Raja Malaysia. Anggaran Belanja Mengurus 1976 bagi Jabatan Polis Di Raja Malaysia mencerminkan dayausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membesarkan anggota polis dan juga melengkapkan dengan alat kelengkapan yang lebih sesuai lagi. Dengan ini sukalah saya menegaskan bahawa perbelanjaan yang diuntukkan bagi tahun 1976 mungkin tidak sekali-kali mencukupi untuk memenuhi matlamat-matlamat ini dan saya jangka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah pasti akan memohon peruntukan tambahan dalam persidangan yang akan datang.

Kepala B. 33 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Jumlah peruntukan yang diminta untuk Ibu Pejabat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Ibu Pejabat Kementerian termasuk Bahagian-bahagian di bawahnya bagi tahun 1976 ialah sebanyak \$22,330,000 dibandingkan dengan \$21,235,275 bagi tahun 1975 iaitu tambahan sebanyak \$1,044,725 atau sebanyak 4.9% sahaja. Adalah diyakinkan bahawa beban-beban kerja akan meningkat demi keperluan keselamatan yang berkisar dari dua segi iaitu:

- (i) membesarkan anggota-anggota RELA sehingga menjadi 500,000 ahli; dan
- (ii) bagi menambahkan kawasan-kawasan di beberapa negeri di bawah Peraturan-peraturan Pendaftaran Penghuni.

Kepala B. 34 Polis Di Raja Malaysia

Sejumlah \$331,937,000 telah diperuntukan ke dalam anggaran mengurus bagi tahun 1976. Ini menunjukkan tambahan sebanyak \$35,416,800 atau 11.94% lebih daripada peruntukan yang telah diluluskan untuk tahun 1975 akibat dari pembesaran Pasukan Senoi Pra'aq dan penubuhan Yunit Tindakan Khas.

Sebanyak \$32 juta telah diuntukkan bagi membeli alat kelengkapan dibandingkan dengan \$13.6 juta untuk tahun 1975. Peruntukan yang melambung ini di antaranya adalah disebabkan bahawa peruntukan alat kelengkapan yang dahulunya ditunjukkan di bawah Anggaran Pembangunan, sekarang ini dipindahkan di bawah Anggaran Mengurus mulai tahun 1976 dan selain daripada pembesaran pasukan Polis pada keseluruhannya.

Sebahagian besar daripada peruntukan ini akan dibelanjakan untuk membeli senjata-senjata baru yang berharga \$7.1 juta serta kenderaan baru dan juga penggantian berjumlah \$10.5 juta. Daripada bekalan kenderaan ini sejumlah \$1.6 juta adalah untuk pembelian kereta-kereta bagi Pasukan Senoi Pra'aq yang telah diluluskan pembesaran dan sebanyak \$6½ juta lagi untuk Yunit Tindakan Khas.

B. 35 Jabatan Imigresen

Jabatan Imigresen memerlukan sejumlah \$10,152,700 untuk Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1976 berbanding dengan sebanyak \$9,565,800 yang diluluskan untuk tahun 1975. Pertambahan adalah sebanyak \$586,000 atau 6.14% sahaja.

Sebahagian besar tambahan ini terdiri daripada kenaikan gaji dan perbelanjaan perjalanan dan pembekalan bagi mempergiatkan lagi tugas-tugas Yunit Penguatkuasa yang diperlukan demi kepentingan dan keselamatan negara bagi mengawasi mereka yang melanggar perbekalan undang-undang Imigresen—misalnya, tinggal di negara ini lebih dari tempoh yang dibenarkan, bekerja tanpa izin yang boleh merosakkan peluang kerja bagi warganegara, kemasukan orang-orang asing secara haram dan lain-lain.

B. 36 Pendaftaran Pertubuhan

Peruntukan yang dipohon bagi tahun 1976 ialah sebanyak \$600,000 dibandingkan dengan sebanyak \$571,720 untuk tahun yang lepas. Kenaikan belanja ialah sebanyak \$28,280 atau 4.9% sahaja dan ini amnya untuk menemui pembayaran kenaikan gaji tahunan.

B. 37 Pendaftaran Negara

Sejumlah \$8,411,500 telah dianggarkan untuk perbelanjaan mengurus tahun 1976 dibandingkan dengan sebanyak \$8,533,700 yang dibekalkan pada tahun 1975 iaitu berkurangan sebanyak \$122,200. Kekurangan ini disebabkan daripada pemasukan seramai 84 orang kakitangan sementara kerana perbekalan untuk Gerakan "OPEX" iaitu Gerakan Penukaran Kad Pengenalan di Sabah tidak perlu diadakan lagi bagi tahun 1976. Selain daripada itu, peruntukan tidak juga diadakan untuk pembelian kad-kad pengenalan kosong pada tahun 1976 oleh kerana kad-kad itu telah dibeli pada tahun 1975 berharga \$195,000 dijangka akan menampung keperluan sehingga tahun 1978.

B. 38 Penjara

Jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1976 untuk Jabatan Penjara ialah sebanyak \$23,939,000 dibandingkan dengan \$22,189,050 yang diluluskan untuk tahun 1975. Anggaran perbelanjaan telah naik sebanyak \$1,749,950 atau 7.9%.

Peruntukan yang lebih diperlukan sebab—

- (a) Kenaikan gaji tahunan;
- (b) Kenaikan harga catuan-catuan makanan, banduan-banduan dan bahan-bahan dan barang-barang untuk perusahaan banduan-banduan;

- (c) Pembelian tambahan bahan-bahan, alat-alat jentera untuk meluaskan perusahaan penjara.

B. 39 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

Jumlah perbelanjaan mengurus yang dianggarkan untuk tahun 1976 bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ialah sebanyak \$6,132,100 dibandingkan dengan \$5,215,896 untuk tahun 1975. Ini bermakna perbelanjaan akan berlebih sebanyak \$916,204 atau 17.6%.

Kelebihan ini disebabkan oleh tambahan sebanyak \$360,500 bagi mempergiatkan lagi aktiviti pelajaran supaya banyak lagi kanak-kanak Orang Asli dapat dimasukkan ke dalam sekolah rendah dan menengah; dan seterusnya sebanyak \$123,490 untuk aktiviti perubatan dan sebanyak \$300,520 untuk memperkuatkan lagi segala aspek perubatan dan perhubungan jabatan dan lain-lain lagi.

Anggaran Pembangunan Tahun 1976

Bagi Anggaran Pembangunan Tahun 1976, peruntukan-peruntukan seperti berikut telah dimasukkan:

- P. 34—\$71,500,000 untuk Polis Di Raja Malaysia.
 P. 35—\$1,470,030 untuk Jabatan Imigresen.
 P. 38—\$6,380,080 untuk Jabatan Penjara dan
 P. 39—\$2,400,000 untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Jumlah Anggaran Pembangunan bagi semua jabatan di bawah jagaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah sebanyak \$81,750,050 dibandingkan dengan \$81,350,571 menunjukkan tambahan sebanyak \$399,479 sahaja.

Bagi Pasukan Polis Di Raja Malaysia sebanyak \$65.8 juta telah dimasukkan untuk Balai-balai Polis dan Rumah-rumah Polis, \$2.9 juta untuk berbagai-bagai Pejabat Pentadbiran dan \$100,000 untuk Pasukan Polis Anjing. Jumlah peruntukan sebanyak \$71,500,000 ditumpukan untuk menemui pembayaran kemajuan bagi skim-skim yang sedang dimajukan dan tidak dapat disiapkan pada 31hb Disember, 1975.

Bagi Jabatan Imigresen sebanyak \$1,470,030 telah dianggarkan untuk tahun

1976 bagi melaksanakan tiga projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, iaitu yang pertama, Pejabat Imigresen Pelabuhan Kelang; yang kedua, Rumah-rumah Pangsa Johor Bahru dan yang akhir Komplek Imigresen Changloon.

Begitu juga untuk Jabatan Penjara, di mana sejumlah \$6,380,020 telah dianggarkan. Sebanyak \$4.5 juta telah diuntukkan bagi Penjara Pusat Kajang bagi menggantikan Penjara Pudu; sebanyak \$880,000 untuk bangunan-bangunan tambahan dan memperbaiki Penjara Taiping dan Pengkalan Chepa serta juga di Sekolah Henry Gurney Telok Mas; dan sebanyak \$1 juta untuk membina Penjara Miri di Sarawak.

Bagi Jabatan Orang Asli sebanyak \$2.4 juta sahaja diperlukan. Jabatan ini telah membuka beberapa kawasan baru untuk rancangan pertanian jangka panjang, dan projek perumahan membina sekolah, asrama, kelinik serta rumah-rumah kediaman untuk Orang Asli di pendalaman hutan di Semenanjung Malaysia. Bagi tahun 1976 Jabatan ini akan menambahkan usahanya selaras dengan dasar Kerajaan untuk memaju dan meninggikan lagi taraf hidup Orang-orang Asli supaya hasrat Kerajaan untuk menyatupadukan masyarakat berbilang bangsa di negara ini dapat disegerakan supaya mereka tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir komunis. Sebanyak \$1.2 juta telah dimasukkan untuk projek-projek ekonomi seperti tanaman getah, kelapa sawit, kelapa dan dusun buah-buahan. Sebanyak \$1.2 juta juga diuntukkan bagi perkhidmatan sosial iaitu untuk membina sekolah, asrama dan kelinik.

Tuan Pengerusi, demikianlah saya mengusulkan.

5.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mencadangkan, bahawa gaji untuk Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dikurangkan sebanyak \$10.

Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada kuasa yang sangat luas untuk mempertahankan keselamatan negara dan peranan ini khasnya sangat

mustahak dalam masa ini ketika negara sedang menghadapi tambahan kegiatan-kegiatan gerila-gerila kominis baikpun dalam bandar atau di luar bandar tetapi kita nampak banyak salah-gunaan kuasa ini dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menafikan hak-hak asasi rakyat Malaysia dan mengurangkan kepercayaan orang umum kepada sistem demokratik dan mempertunjukkan satu inspirasi kepada perjuangannya kegiatan-kegiatan gerila kominis.

(*Dengan izin*) For instance, Tuan Pengerusi, the Government claims that the communists cannot win in Malaysia because there is democracy in Malaysia. When the Honourable Prime Minister returned from his visit to Australia and New Zealand, he said Malaysian students who demonstrated there should come back here and hold public rallies to air their views but, in actual fact, public rallies have been banned by the Honourable the Minister of Home Affairs since the last General Elections, except when there are by-elections.

The Minister has great powers under the Internal Security Act, and many are arrested and detained, not because they are guilty of subversion, violence or activities which would cause racial disharmony or dangers to national security, but because they are the political opponents and critics of the powers that be.

Datuk James Wong's detention is the most glaring instance of a patriot who was detained under the Internal Security Act, not because he had sought to overthrow the Government by unlawful means, but on trumped-up charges to remove a political opponent of the Chief Minister of Sarawak from the active political arena. This is a gross abuse of power, and I shall deal with this case at some length to show why I am asking for this salary cut.

Datuk James Wong was arrested by several Police officers from Kuala Lumpur at his Kuching home on 30th October, 1974. He was informed by the Police that he was arrested pursuant to Regulation 7 (1) of the Preservation of Public Security (Detention) Regulations or P.P.S.R.

He was brought to Kuala Lumpur for detention. On December 28th, 1974, a Detention Order, signed by the Federal Secretary of Sarawak, Engku Ibrahim bin Ngah, was

served on him and on 3rd January, 1975 Datuk James Wong was removed from Taiping Prison, to Kamunting Detention Camp, Perak.

On the 10th of March, the High Court of Borneo issued a writ of *habeas corpus* for the release of Datuk James Wong on the ground that his detention was unlawful.

Immediately after his release, he was re-arrested outside the Kuching High Court under the Internal Security Act, 1960, and flown back to Kuala Lumpur on the same day.

An Order of Detention, dated 10th day of March, 1975, pursuant to Section 8 of the Internal Security Act was served on him on the same day, together with the grounds of detention and Allegations of Fact.

The grounds on which the detention order was made read and I quote:

"That you, Datuk James Wong Kim Min, have since 1974, acted in a manner prejudicial to the security of Malaysia in that you have actively, knowingly and willingly collaborated and assisted a foreign power in its claim over Limbang."

The Allegations of Fact, signed by the Deputy Minister of Home Affairs in the name and on behalf of the Minister of Home Affairs, read;

"Allegations of Fact: That you, Datuk James Wong Kim Min had, during a meeting with the agent of a foreign power in May 1974, agreed to receive the aid of that foreign power to enable you to discredit (which you did) the existing Government of Sarawak and to replace it with a government formed by you and you also agreed that the government so formed by you would arrange for the secession of Limbang to that foreign power; and you further agreed with the said agent of the foreign power to receive assistance from that foreign power to accomplish the aforesaid purposes."

On April 5, 1975, Tuan Pengerusi, Datuk James Wong wrote to the Minister of Home Affairs from the Kamunting Detention Camp, asking for particulars of the allegations for his detention.

Datuk James Wong wrote and I quote:

"I regret to have to inform you that the grounds and the allegation of facts

supplied to me are vague, inadequate and insufficient for me to make adequate representation before the Advisory Committee before whom I would like to make objections against my detention under the Detention Order aforesaid.

“I humbly submit that to be able to make a proper and adequate representation before the Advisory Committee, I should have the following particulars:

- (a) the name of the agent who allegedly met me in May 1974;
- (b) The date and place of the alleged meeting;
- (c) The Foreign Power concerned;
- (d) The form of aid or assistance which I have allegedly agreed to receive.”

The Ministry, in a letter dated 17th April, 1975, signed by Encik Mohd. Khairi bin Haji Wan Ali bagi pihak Ketua Setiausaha, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, replied, and I quote:

“Segala butir-butir yang dipinta, sebagaimana yang terdapat di dalam surat tuan itu, adalah butir-butir yang tuan sendiri sedia maklum.”

This is a very dangerous precedent for the arbitrary arrest of critics and dissenters, for all that the Government need do is to put up trumped-up charges, and when asked to give particulars of the allegations, state the accused should know the details himself. This makes a complete mockery of the Rule of Law that a person should be informed of the charges preferred against him.

During the Advisory Board meeting of Datuk James Wong's appeal, it was said that the “agent of the foreign power” was Seri Begawan, Brunei, and the time of the meeting was 10.00 p.m. in the month of May, 1974 and that he had received \$4 million from the Seri Begawan of Brunei. However, two crucial particulars were never supplied, namely the exact date of the alleged meeting and the place thereof.

On 6th May, at Taiping, Datuk James Wong made a sworn Affidavit—and I have a copy of the sworn Affidavit here—in which he made four points among others:

- (i) he did not received a single cent from the Seri Begawan of Brunei;

- (ii) that he did not know the Seri Begawan of Brunei personally, and that his last meeting with him was in or about 1965 when he was the Deputy Chief Minister of Sarawak and had accompanied the present Honourable Prime Minister, Tun Haji Abdul Razak, on an official visit to the Sultanate of Brunei;

- (iii) that he had not met the Seri Begawan since 1965 and had never corresponded with him;

- (iv) that he was never in Brunei at 10.00 p.m. on any day in May, 1974.

These statements are made by Datuk James Wong on oath, and he could be charged with perjury if the Government has proof, as stated by the Honourable Deputy Minister of Home Affairs in reply to an Oral Question on 6-11-1975 “bahawa penahanan Datuk James Wong adalah atas asas dan bukti-bukti yang cukup.”

That the Government has not charged Datuk James Wong with perjury is proof that the Government cannot disprove the veracity of Datuk James Wong's affidavit, which means that the Government's allegations of facts for the detention of Datuk James Wong are merely fictional and have no relation with facts.

Datuk James Wong's detention is, therefore, not motivated by any threat that he posed to national security, but by the threat he and his party, the SNAP, posed to the Sarawak Barisan Nasional.

This cannot be condoned and must be condemned as a naked, arbitrary exercise of power, and it is for this reason that I move that the salary of the responsible Minister concerned be cut by \$10.

The Minister should uphold fairness and justice and order the immediate and unconditional release of Datuk James Wong, against whom the Ministry could not proffer a single evidence to back up its allegation of facts while, on the contrary, in the absence of specific allegations on the Government, Datuk James Wong had adduced overwhelming evidence in his affidavit on oath that he did not and could not have met the Seri Begawan of Brunei and received \$4 million in agreeing to secede Limbang to Brunei.

I will conclude, Tuan Pengerusi, with the following quotations from the Affidavit made by Datuk James Wong, and I quote:

"I do not want to see Limbang, a place where my late parents are now buried and where I was born and I had lived for many years, being taken away from Sarawak and Malaysia by any foreign power including Brunei or any persons therein.

In none of my speeches both in Parliament or in the Council Negri and outside these Houses, have I advocated the annexation of Limbang by any foreign power.

I am one of those persons who supported the formation of Malaysia at its very early stages. I have done my best from 1961 to 1963 to bring Sarawak including Limbang into the Federation of Malaysia."

For his part, in helping to form Malaysia, he was conferred the Datukship and the Malaysia Commemorative Medal (Silver).

Finally, he said, and I quote:

"Although I am now in detention, my views on this point have not changed an iota. I maintain, and I would fight with all my heart and strength to ensure that Limbang shall always remain part and parcel of Sarawak and of the Federation of Malaysia."

I hope the Honourable Minister of Home Affairs can see to it that the powers that are conferred on him are exercised fairly and justly and not allowed to be misused as they have been misused in the case of Datuk James Wong's arrest and detention. Thank you very much.

Tuan Pengerusi: Masalah di hadapan Ahli Yang Berhormat sekalian ialah satu usul pindaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang berbunyi demikian:

Bahawa wang yang diperuntukkan bagi Kepala B. 33 dalam Belanjawan Persekutuan 1976 Kertas Perintah 35/1975 dikurangkan sebanyak \$10 berkaitan dengan gaji Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Perbahasan dibuka.

5.51 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya bangun menentang usul yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka yang hendak memotong \$10 gaji Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kalau kita dengar daripada apa yang dicakapkan oleh Wakil dari Kota Melaka tadi semata-mata marah kepada Yang Berhormat Menteri itu atau marah kepada Kementerian, kerana menangkap orang-orang yang ber-subahat dengan musuh-musuh negara, menangkap orang-orang yang mengancam keselamatan negara, menangkap orang-orang yang hendak membuat huru-hara dalam negeri, adakah patut kita menyokong orang-orang yang ber-subahat kerana hendak memusnahkan negara kita? Adakah tidak adil kita menangkap atau menahan orang-orang yang cuba hendak mengancam keselamatan negara? Adakah tidak adil kita menyimpan orang-orang ini dalam penjara sampai disiasat dengan lebih halus daripada satu masa ke satu masa? Apa yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri itu ialah satu kewajipan kepada negara dan ini patut diberi kepujian yang tinggi yang menyebabkan musuh-musuh itu diperangkap lebih dahulu daripada negara kita hancur. Kewajipan yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri itu sungguh tepat dengan kewajibannya dan patut seluruh rakyat bersukacita, kerana dengan tindakan-tindakan yang adil, tindakan-tindakan yang tepat dengan masanya itu banyak hal-hal keselamatan negara kita ini terselamat, rakyat terselamat, dan semua perkara-perkara yang dibuat oleh orang-orang yang hendak mengancam negara kita dapat ditahan. Ini satu kewajipan yang sudah sepatutnya. Adakah dengan kerana menjalankan kewajipan ini, maka kita kata Menteri Keselamatan Dalam Negeri itu tidak adil, kejam ataupun tidak mengikut undang-undang?

Wakil dari Kota Melaka itu bercakap dengan emosi yang seolah-olahnya menyokong musuh-musuh negara, menyokong kepada orang yang mengkhianati negara. Dewan yang mulia ini patut memberi perhatian yang berat kepada seorang yang duduk dalam Dewan ini dengan memberi sokongan kepada orang-orang yang hendak mengkhianati negara kita. Dengan sebab itu, sekali lagi saya berkata bahawa apa yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri itu ialah satu kewajipan yang sangat baik, sehingga hari ini kita boleh melihat gerila-gerila komunis yang cuba

hendak membuat haru-hara dalam bandar dapat ditahan walaupun ada seorang dua pegawai-pegawai Polis kita mati. Itu adat kita bertentang dengan musuh, ada masanya ditembaknya kita dahulu, ada masanya kita menambak musuh dahulu. Tetapi ini bukanlah menyebabkan satu kecuaiian dan dengan kecekapan pihak Polis, maka beberapa banyak lagi orang-orang yang cuba bersubahat itu dapat ditangkap dan dapat disiasat yang menyebabkan bahawa penjahat-penjahat itu sudah kita dengar ada dalam tahanan Polis. Ini merupakan satu kecekapan. Adakah dengan kecekapan Polis yang seumpama ini maka Wakil dari Kota Melaka itu tidak puashati dengan Polis menjalankan tanggungjawab ini? Oleh sebab itu, sekali lagi saya bercakap bahawa saya menentang keras usul yang didatangkan oleh Wakil dari Kota Melaka dan sepatutnya peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini lebih banyak untuk menentang musuh-musuh negara kita.

Apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat itu melibatkan James Wong, kita tahu siapa dia James Wong. Orang Sarawak lebih tahu. Di tatkala orang negeri lain ataupun musuh kita sedang hendak mengancam negara kita, maka kita beri bantuan, maka kita beri pandangan, maka kita menjalankan aktiviti yang boleh melibatkan diri kita menyebelah kepada musuh. Orang ini patut bukan sahaja ditahan tetapi diberi hukuman yang paling keras seperti juga yang kita telah beri kepada orang lain yang cuba hendak menentang negara kita masa dharurat dahulu, dan bukan dia seorang yang kita hukum, lebih banyak lagi, kita harap Kementerian Dalam Negeri bukan setakat itu sahaja—bukan setakat James Wong—tetapi siasat lagi anasir-anasir kominis yang ada di dalam bandar kita, yang ada di sekeliling kita ini yang patut ditangkap lebih dahulu sebelum negara kita hancur dan sebelum kita semua hancur dalam negeri ini.

5.55 *ptg.*

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu): Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Kuat sedikit bercakap Yang Berhormat, tidak berapa dengar.

Tuan Patrick Anek Uren: Di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, Datuk James Wong ialah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak, Timbalan Ketua Parti Kebangsaan Sarawak, seorang bekas Ahli Parlimen dan Ketua Pembangkan di Dewan ini pada satu masa dahulu, seorang yang dikenali ramai sebagai seorang yang bertanggungjawab kepada rakyat di negara dan berusaha memajukan konsep Malaysia pada awal mula Malaysia dahulu. Datuk James Wong ini yang ada banyak pertolongannya kepada rakyat Sarawak dibuktikan dengan bantuan beliau kepada badan-badan tertentu yang bersikap untuk memudahkan kepentingan rakyat sekarang masih dalam tahanan di Kem Kamunting, Taiping, Perak. Beliau telah dituduhkan, antara lain-lainnya, telah membuat perhubungan dengan Seri Begawan, Sultan Brunei untuk mendapatkan bantuan dan beliau dituduhkan sudah berjanji hendak serahkan tanah Limbang ke bawah pentadbiran Brunei. Beliau telah dituduhkan akan menerima bantuan matawang sebanyak \$4 juta.

Tuan Pengerusi, saya huraikan di atas supaya kita dapat melihat latar-belakang dan kelayakan Datuk James Wong sebagai seorang yang setanding di segi budi bahasa, perhubungan antaranya dengan rakyat tanpa mengira kaum dan seorang yang kaya hasil daripada

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya rasa Usul pindaan ini telah saya bacakan tadi. Jadi Yang Berhormat nampaknya membawa hujah fasal seorang ahli kena tangkap. Saya minta Ahli Yang Berhormat menuju kepada sebab-sebab, maka pindaan berkaitan dengan gaji Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini.

Tuan Patrick Anek Uren: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tetapi saya senaraikan seperti apa yang telah saya kata tadi untuk memberi pandangan siapa Datuk James Wong ini. Ini sudah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari sebelah sana bahawa beliau disifatkan sebagai satu musuh negara.

Tuan Pengerusi, saya bukan seolah-olah hendak memuji satu orang warganegara, tetapi apa yang patut disebutkan itu saya akan sebutkan di sini mengenai Datuk James Wong

sebagai seorang yang sekarang menderita di bawah tahanan oleh tindakan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya ingin membuktikan bagaimana Datuk James Wong ini telah berusaha kepada kepentingan negara dan kita dapat lihat daripada ucapan beliau selama 18 tahun di Dewan Undangan Negeri Sarawak dan 4 tahun di Dewan ini bahawa beliau mementingkan berat kepentingan rakyat dan negara. Kita dapat buktikan antara ucapan beliau di kedua-dua Dewan maupun Dewan Undangan Negeri atau pun Dewan Parlimen, bahawa terdapat beliau telah menyeru kepada Kerajaan untuk mengalih, menukar dan jika perlu mengubah sikapnya yang tidak sesuai dan tidak bertujuan untuk demi kepentingan dan keperluan negara.

Daripada Allegation of Facts kita dapati bahawa tuduhan-tuduhan itu dengan tidak ada buktinya dan dengan begitu sahaja beliau ditahan, ini telah mengakibatkan bahawa rakyat Sarawak boleh membuat tuduhan balik iaitu bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri itu diambil kesempatan oleh Kerajaan dan menggunakan Akta ini terhadap sesiapa sahaja yang tidak memasuki kumpulan pemerintah. Yang kedua, Akta ini digunakan untuk menahan Datuk James Wong boleh jadi dianggap dapat memberhentikan kegiatan dan usahanya bagi parti SNAP. Yang Ketiga, tahanan ini jadi salah satu daripada political strategy dan Datuk James Wong is made a scapegoat of that strategy.

(Dengan izin) From the substantive allegation of facts which state that Datuk James Wong has discredited the existing Government of Sarawak and to replace it by a government formed by him cannot but unmask the motive behind his detention. Datuk James Wong is found guilty because he differs with the Government on approach, because he points out the mistakes, the sin of omission and the sin of commission of the Government, because he does his duty as a representative elected by the people. His detention points to the hypocrisy of our system of Government which under its process should allow room for dissent.

Saya disuruh sebagai ahli parti SNAP membuat kenyataan di sini bahawa Datuk James Wong it hanya seorang ahli parti. If his detention is to cripple SNAP—because I find there is no other reason for his detention—surely that is the wrong way to go about it, Tuan Pengerusi. SNAP by itself and through

Datuk James Wong before has brought to light and articulated the plight of the poor in the rural areas which are acutely suffering from want of care and understanding caused by the continued neglect of Government which strives on the concept of “divide and rule”. It exposed a deteriorating situation which poses a danger and that this situation is real. You can detain one Datuk James Wong, two, or three or four Datuk James Wongs but by that detention you have not and will not accomplish anything. The situation gets worse. It shall continue to show its ugly head. In short, SNAP is a party based on policy, collective, not on Datuk James Wong.

Tuan Pengerusi, saya akan terus mencabar apa-apa kegiatan dan tindakan atau gulungan mahu pun pihak yang cuba merusakan keadilan masyarakat. We will continue to fight to uphold the principle of the Rule of Law to build Sarawak sebuah negeri yang sudah merdeka di bawah Malaysia dan di manamana suasana yang baik untuk semua penduduknya bebas menjalankan usaha mencari kehidupan yang teratur.

The people of Sarawak cannot be and should not be ruled dengan dikecualikan pihak golongan kaum yang berbagai-bagai di negeri itu. Saya percaya bahawa hanya satu sikap

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

Tuan Patrick Anek Uren: . . . yang dapat iaitu sikap menarik kerjasama dan hubungan yang rapat antara rakyat dan Kerajaan sahaja yang dapat mengatur negeri.

Lastly, I want to state that the detention or the release of Datuk James Wong will not add or minus what SNAP hopes to achieve for the people of Sarawak and we hope that the Minister of Home Affairs who is responsible for justice will not be a willing instrument for anyone who in his pursuits of the glory of power seeks to destroy the law using the Minister.

6.05 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya masuk di dalam Dewan in dengan perasaan barangkali dapat melihat satu performance oleh Ketua Pembangkang dan rasanya barangkali banyak yang hendak dituduh tentang kecuaiannya dan salah itu dan ini yang telah dilakukan oleh

sahabat saya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, akan tetapi saya terperanjat kerana apa yang saya dapat dengar itu seakan-akan bukan tuduhan, akan tetapi satu defence atau helah untuk mempertahankan sesuatu. Pendeknya, macam kita hendak menyaksikan satu permainan yang akan dijalankan oleh seekor singa, akhirnya dapat melihat satu lakunan yang dibuat untuk kita melihat oleh seekor tikus. Begitulah perbandingannya.

Saya biasa dan selalu sahaja tegur, apa yang tidak kena dengan beraninya walaupun saya tidak sama duduk di sebelah sana, saya duduk di sebelah sini. Saya rasa kalau sedap tegur tolonglah sama-sama tegur. Akan tetapi yang ditegur itu kerana Menteri buat kerja yang diberi kepadanya, tugas menahankan orang yang dianggap merbahaya kepada keselamatan negeri. Ini tidak menjadi soal. Kalau hendak diterima usul seperti ini tiap-tiap hari, tiap-tiap seorang Menteri patut bukan sahaja Kerajaan telah potong 5% gaji mereka, dipotong \$10 tiap-tiap hari mereka duduk di sini kerana mereka menjalankan kerja mereka seperti biasa. Kita semua tahu undang-undang yang telah dijalankan, dan kita juga faham usul yang dibangkitkan tadi berkaitan dengan seorang, orang itu pun ada lawyer-lawyernya, ada pergi ke mahkamah adakan writ of habeas corpus dan macam-macam. Pendeknya, kalau hendak jalankan boleh jalankan terus, pergi ke mahkamah sebab undang-undang ada. Akan tetapi di sini cuma mengambil kesempatan untuk membangkitkan perkara ini demi kepentingan parti semata-mata bukannya kepentingan keselamatan negara, bukannya kepentingan keadilan, tetapi kepentingan parti semata-mata kerana parti mereka itu sudah susut—sudah kurang sokongan dan sudah kalah. Jadi, mereka mesti cari satu sebab kenapa kalah. Kalau sebab ketua ditangkap kerana kononnya tidak berasas boleh jadi propaganda. Akhirnya, barangkali beliau akan tarik balik usulnya, sebagaimana beliau cuba tarik balik usulnya tadi. Mereka cari peluang (opportunity) untuk membuat propaganda, untuk membuat satu pertahanan tentang seorang pemimpin parti yang sudah dituduh. Jadi dengan sebab itu, saya rasa pada kita yang sudah mahir dan tahu permainan ini dan juga orang-orang di luar Dewan ini yang tahu

permainan politik, tahu sebaik-baiknya bahawa ini bukan satu tuduhan yang dikemukakan untuk kita mempertimbangkan sama-sama, akan tetapi satu helah untuk menegakkan benang basah, untuk menegakkan kedudukan sesuatu parti dan satu-satu golongan orang yang memang tidak dapat ditegakkan.

Kalau sekiranya orang itu membuat atau tidak buat sesuatu, kami di sini tidak ada keterangan yang secukupnya. Kita tidak boleh adilkkan di sini kalau hendak jadikan tempat ini sebagai tempat keadilan. Undang-undang tertentu ada. Kita serah sahaja kepada undang-undang, turut Rukun Negara, ketuhanan undang-undang (rule of law). Kita ikut sahaja peraturan undang-undang itu. Kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri tidak buat itu dan tidak buat ini, bolehlah kita sama-sama tegur, tetapi saya tidak lihat satu pun yang telah diusulkan setakat ini yang boleh menegakkan orang yang barangkali tidak senang tentang Menteri buat itu buat ini, saya hendak sebutkan kemudian masa membahaskan perkara menutup surat-khabar—itu lain. Kalau soal itu dibangkitkan, saya juga suka hendak soal sedikit, tetapi setakat yang telah dikemukakan sekarang kita tolak sahaja—usul yang tidak bermakna ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya mengemukakan untuk undian usul pindaan ini saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan hendak menjawab? Silakan.

6.10 ptg.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Pengerusi, nampaknya Yang Berhormat dari Kota Melaka semenjak dilantik menjadi Ketua Pembangkang dan mendapat tambahan elaun sebanyak \$1,000 ini cuba hendak memotong gaji orang, macam beliau nampaknya iri hati. (Ketawa).

Kalau pada tahun sudah hanya seorang Menteri sahaja beliau kemukakan iaitu Menteri Kesihatan supaya dipotong gaji tinggal \$10, pada tahun ini dua orang Menteri sekaligus. Nampaknya, mengganas benar beliau. Dan saya percaya tahun depan, tidak silap ramalan saya, mungkin seorang Menteri lagi, iaitu Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru akan kena. Ini boleh kita saksikan dan boleh jadi juga seorang dua Menteri yang lain.

Tuan Pengerusi, pada anggapan saya pada mula-mula tadi, dan sebelum saya masuk ke dalam Dewan ini juga, usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini tentulah menyentuh soal-soal yang penting mengenai keselamatan negara, terutama sekali dalam soal kematian banyak pegawai-pegawai Polis dari bangsa China yang mempunyai pengalaman, dan baru-baru ini CPO Perak dan lain-lain perkara, tetapi rupa-rupanya ramalan saya salah. Yang dibawanya, usul tidak percaya ini hanya kerana satu orang sahaja iaitu Datuk James Wong yang telah ditahan.

Jadi, seolah-olahnya Datuk James Wong ini melebihi daripada segi keselamatan negara kita dan melebihi segala-gala yang lebih penting mengenai ancaman musuh-musuh negara kita pada masa ini. Dan dari sini juga saya dapat mengukur bahawa apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hari ini secara tidak langsung diakui sebagai cekap dan berkebolehan oleh Yang Berhormat itu, kerana beliau tidak mengusik sedikit pun hal-hal yang berkenaan dengan ancaman komunis dan juga ancaman daripada anti-nasional dalam negara kita ini.

Saya tidaklah ingin hendak mengulas satu persatu daripada apa yang diucapkannya tetapi hanya satu dua perkara yang saya petek bahawa Datuk James Wong menafikan dia telah menerima satu sen pun daripada Seri Begawan. Mungkin akuan ini benar. Akan tetapi siapa tahu kalau dia telah menerima wang daripada ejen-ejen yang lain dan tidak menerima daripada Seri Begawan mungkin betul, tetapi tidak dapat kita menafikan dan tidak siapa yang tahu dia telah menerima daripada ejen yang lain.

Begitu juga pandangan Yang Berhormat dari Bau-Lundu sebentar tadi. Rupanya berkeliling kepada Datuk James Wong juga, tidak pada orang lain.

Yang sebenarnya, Kerajaan dan Barisan Nasional tidak bimbang sama sekali dan tidak ada hubungan politik sama sekali terhadap penangkapan Datuk James Wong ini. Kerana kalau ada hubungan dengan politik ataupun pihak Barisan Nasional takut dengan Datuk James Wong, kenapa Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri membiarkan dulu selepas pilihanraya baru ditahan, tidak sebelum pilihanraya? Padahal Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh berbuat demikian. Ini satu perkara.

Dan selain daripada itu, Tuan Pengerusi, yang pernah kita dengar menjadi punca ilham kepada Parti DAP ialah Kerajaan di seberang Selat Teberau. Kerajaan seberang Selat Teberau seperti negara kita ini juga mempunyai Akta Keselamatan Dalam Negeri dan ada orang-orang yang ditahan telah 15 tahun lamanya tidak dilepaskan. Saya menasihatkan beliau pergi bertanya dengan Kerajaan atau pemimpin negara itu kenapa Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak ditarik balik.

Kita hanya sebagai sebuah negara dan Menteri yang bertugas, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan gagal dalam tanggungjawabnya kalau beliau tidak menjalankan tugas demi kepentingan bangsa dan negara kita. Beliau akan gagal dalam menjalankan tugasnya itu kerana keselamatan rakyat dan keselamatan negara lebih penting daripada segala-galanya, ini diakui oleh semua orang malah Parti Pembangkang juga mengakui keselamatan negara ini lebih penting dan tidak mementingkan untuk satu dua orang.

Jadi, dengan alasan yang pendek ini, saya rasa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Kota Melaka tidak lebih daripada hanya satu usul yang merupakan kegagalan atau putus harapan daripadanya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul pindaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini untuk diputuskan iaitu berbunyi demikian:

Bahawa wang yang diperuntukan bagi Kepala B. 33 dalam Belanjawan Persekutuan 1976, Kertas Perintah No. 35 Tahun 1975 dikurangkan sebanyak \$10 berkenaan dengan gaji Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

6.15 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada Kepala B. 37.

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa?

Tuan Lee Lam Thye: Muka surat 273, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) Pendaftaran Kewarganegaraan.

Tuan Pengerusi, atas perkara ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada suasana tidak puas hati mengenai cara yang mana permohonan kewarganegaraan secara kemasukan diproses oleh Kementeriannya.

Tuan Pengerusi, suasana tidak puas hati ini beriktu oleh sebab kelewatan daripada pegawai-pegawai Kementerian untuk mengkaji atau memproses permohonan tersebut sebelum perkara itu disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk suatu keputusan.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah Borang "G" atau dengan cara kemasukan bukan sahaja dikehendaki menunggu keputusan permohonan mereka dalam masa beberapa bulan tetapi sehingga beberapa tahun. Kebanyakan pemohon-pemohon ini telah menunggu tiga hingga empat tahun tetapi belum mendapat tahu kedudukan permohonan mereka samada diluluskan atau ditolak.

Oleh yang demikian, saya ingin menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membetulkan keadaan ini.

Saya suka menyatakan di sini bahawa kebanyakan pemohon-pemohon ini tidak ada tempat lain yang hendak mereka pergi melainkan hidup dan mati di negara ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan permohonan Sijil Kerakyatan di bawah Undang-undang Pendaftaran seperti di bawah Borang "A" "C" dan "E". Saya juga berharap Jabatan Pendaftaran Negara akan mencari jalan untuk mempercepatkan kelulusan permohonan tersebut.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin bercakap sedikit di bawah Aktiviti (3) mengenai Pendaftaran Beranak, Mati, Perkahwinan dan Anak Angkat.

Tuan Pengerusi, mengenai permohonan untuk membetulkan butir-butir di dalam Sijil Beranak, saya ingin mencadangkan sesuatu kelonggaran ke atas syarat yang ada mengenai kelulusan permohonan untuk membetulkan. Banyak daripada jenis-jenis pemohon ini memerlukan Sijil-sijil Beranak bagi memohon Sijil Kerakyatan. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan patut

menolong menentukan bahawa kesilapan-kesilapan dan keganjilan di dalam Surat-surat Beranak itu tidak menghalang permohonan Kerakyatan.

Mengenai permohonan-permohonan pendaftaran lewat adalah sangat penting Jabatan Pendaftaran Negara mengambil sikap yang liberal dan longgar dalam menguruskan permohonan-permohonan ini. Sekiranya Jabatan ini mengambil sikap yang ketat ini akan menimbulkan banyak kesusahan kepada mereka untuk membetulkan Sijil-sijil Beranak mereka. Kebanyakan pemohon-pemohon ini telah dilahirkan semasa penjajahan Jepun dan mereka telah hilang Surat-surat Beranak mereka dan tidak dapat dicari bagi tujuan memohon Kerakyatan, mereka dipaksa memohon pendaftaran lewat mengenai kelahiran mereka. Dengan ini saya berharap Jabatan ini akan bersikap liberal dan longgar supaya boleh membantu orang yang berkenaan membetulkan Sijil-sijil Beranak mereka.

Berkenaan dengan Aktiviti (2)—Pendaftaran Negara, saya ingin berucap sedikit mengenai Kad Pengenalan. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pemegang Kad Pengenalan yang berwarna coklat. Saya ada menerima banyak sungutan mengenai kesusahan yang dihadapi oleh mereka apabila mereka memohon menukar Kad Pengenalan atau I.C. biru. Di sini saya berharap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersimpati dengan keadaan mereka dan memberi peluang kepada mereka untuk menukar I.C. mereka sekiranya mereka berkelakuan baik dan tidak ada melakukan apa-apa kesalahan dalam masa tiga tahun.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit lagi mengenai Lembaga Penapis Filem. Lembaga Penapis Filem saya rasa setakat ini masih menjalankan urusannya dengan tidak cekap walaupun kakitangannya telah ditambah. Saya lihat Lembaga itu tidak ada berdialog dengan pihak-pihak pengeluar filem supaya mendapat tahu keadaan jenis perniagaan mereka dan juga untuk memahami kesusahan operasi mereka. Di sini saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat membetulkan keadaan ini dengan menubuhkan satu jawatan-kuasa yang mana pihak-pihak pengeluar filem dapat menyuarakan kesusahan mereka.

6.24 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap di atas Kepala Bekalan 33, Pecahan-kepala 1100. Saya ingin hendak menarik perhatian pihak Kementerian tersebut dalam perkara pembinaan Balai-balai Polis dan rumah-rumah kediaman. Bangunan Ibu Pejabat Polis di daerah Baling masih terbengkalai setelah setahun dahulu apabila kontraktor yang menjalankan kerja pembangunan rancangan itu tidak berkeupayaan di dalam kerja-kerja pengurusannya. Dan dengan sebab itu kerja-kerja yang dibuat seharian di Ibu Pejabat ini akan terjejas kalau kekurangan tempat masih berlaku kerana kelambatan siapnya bangunan baru ini. Baling sebagaimana yang semua rakyat tahu ialah pusat gerakan menentang kominis di Sempadan Malaysia-Thai dan kalau sekiranya keadaan tempat pusat menjalankan gerakan ini tidak sempurna sebagai sepatutnya, maka tentulah keadaan melawan musuh tidak akan dapat dijalankan dengan sempurna.

Kedua, saya ingin bercakap berkenaan Relawan rakyat Malaysia iaitu RELA. Saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini akan bersama-sama saya untuk mengucapkan tahniah kepada ketabahan dan juga taat setia serta kehandalan pihak-pihak RELA menjalankan tugas masing-masing di segenap kampung tanpa senjata yang baik. Jadi saya minta supaya Kerajaan dengan adanya wang yang sekian banyak dapat memberi latihan dan kursus yang sempurna, kepada mereka yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga mereka dalam tugas mengawalkan kampung dan juga dalam tugas menyampaikan rahsia-rahsia pihak musuh kepada Kerajaan. Kita tidak mahu ahli-ahli RELA di segenap kampung-kampung ini dianggap sebagai askar senapang kayu sahaja. Jadi saya berharap kepada pihak Kerajaan akan melengkapkan ahli-ahli RELA ini dengan senjata yang sewajarnya supaya mereka ini di samping memberi perkhidmatan dengan baik akan juga bersemangat disebabkan adanya senjata-senjata yang baik di tangan mereka.

Ketiga, saya ingin bercakap ialah berkenaan dengan penahanan Annuar Ibrahim. Tuan Pengerusi, sebenarnya saya bukan hendak membela Annuar Ibrahim tetapi kepada saya, sebagai seorang Melayu Encik Annuar Ibrahim bukanlah merbahaya sebagaimana anasir-anasir anti-Kerajaan yang lain-lain atau

sebagai ejen-ejen kominis yang ditahan yang sentiasa mempunyai sikap yang mendalam hendak merosakkan Kerajaan. Jadi sudah sampai masanya Annuar Ibrahim ini diberi kebebasan tanpa pembicaraan apa-apa, kerana fahaman-fahaman beliau itu adalah semata-mata fanatik keagamaan dan kebangsaan yang tulin. Penahanan Annuar Ibrahim kalau masih diteruskan akan merosakkan taraf demokrasi yang sangat-sangat dihargai dan dijunjung tinggi oleh konsep Barisan Nasional. Saya percaya Kerajaan ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa akan memikirkan balik untuk membebaskan Annuar Ibrahim ini. Selama ini pihak Yang Berhormat Menteri dan juga Kerajaan sentiasa berikhtiar untuk menjalankan keadilan dan rakyat sangat menaruh kepercayaan di atas segala tenaga dan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai untuk meneruskan tugas-tugas Kementerian sebagai tujuan memberi keadilan dan kesejahteraan rakyat hidup dalam negara ini dengan damai dan mendapat sokongan yang baik daripada seluruh rakyat.

Keempat usul yang dibawa oleh wakil daripada Kota Melaka tadi adalah sangat memalukan iaitu hendak mengurangkan \$10 gaji Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya rasa tidak payah bercakap panjang dalam hal ini, kerana saya percaya rakyat tidak akan bersama menyokong usul tersebut kerana kenyataan telah terbukti bahawa sejak negara ini merdeka dan dengan pelancaran gerakan membasmikan pengganas yang menjadi-jadi dalam negeri ini telah dapat dicapai dengan tidak ada tolok banding dan juga dapat dicapai di rantau Asia ini seperti mana yang telah dibuat oleh negara Malaysia selama ini. Ini ialah hasil pengorbanan yang banyak oleh seluruh kakitangan Kementerian ini daripada Menteri sehingga sampai kepada ahli-ahli Polis yang ada dalam negara ini. Dedikasi dan kerja-kerja yang cemerlang ini tidak siapa pun dapat menafikan melainkan hanya manusia-manusia yang tidak melihat kenyataan sahaja yang menolak apa yang saya katakan ini. Kepada pegawai-pegawai khasnya dan seluruh kakitangan Kementerian ini patut diberi penghormatan kerana kadang-kadang mereka terpaksa bekerja di luar daripada masa yang ditetapkan dan sewaktu mereka berihat di rumah seperti mana pegawai-pegawai yang lain, mereka semata-mata hanya hendak menjunjung keadilan yang telah ditetapkan dalam Dewan yang

mulia iaitu Parlimen. Perubahan-perubahan dalam negara kita di atas segala kepincangan yang dibuat oleh zaman penjajah, zaman-berzaman tentu tidak akan dapat dilaku dengan sekejap masa. Waktu yang panjang tentulah dikehendaki untuk menjalankan kerja-kerja yang banyak ini. Banyak negara-negara di Afrika yang terdahulu mencapai kemerdekaan daripada Malaysia sehingga pada hari ini tidak dapat memecahkan soal dan masalah ketenteraman yang semakin memeningkan, tetapi dalam penyata Bangsa-bangsa Bersatu, maka Malaysia adalah di antara salah satu negara yang utama dalam kecemerlangan di dalam pembangunan negara dan khasnya ketenteraman awam. Oleh itu, saya menyokong sepenuhnya peruntukan Kementerian ini.

6.31 *ptg.*

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Terima kasih, Tuan Pengerusi, untuk memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan di samping itu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini yang telah dapat mengemukakan laporan dan perbelanjaan bagi tahun 1976.

Tuan Pengerusi, di dalam membahaskan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini saya juga seperti rakan-rakan saya menekankan perkara yang penting iaitu mengenai dengan keselamatan kerana telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi keselamatan adalah mengatasi segala-galanya; segala pembangunan, segala pembaharuan dalam semua lapangan tidak ada ertinya kalau keselamatan kita tidak terjamin.

Dalam bahagian ini, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh dalam Kepala B. 33 Pecahan-kepala 1100, Pecahan-kepala 2, 3, 5 dan 6 iaitu berkenaan dengan keselamatan sempadan. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian ini khususnya Pasukan Keselamatan, Pasukan Polis dan Tentera yang telah dapat mengawal keselamatan negara kita walaupun kita tahu ancaman-ancaman adalah serious. Saya sekali lagi menekankan betapa pentingnya keselamatan sempadan kita, terutamanya di antara sempadan antara Malaysia dengan negeri Siam, kerana apa yang menjadi pengalaman kepada kita keselamatan yang mengancam negara kita ini sebahagian besarnya

adalah angkara kominis dan penjahat kominis dan dalam pengalaman kita juga kominis tidak akan berpuas hati dan perjuangan mereka akan diteruskan terhadap negara kita. Ini dalam pengalaman kita semenjak lepas perang dunia yang kedua pada tahun 1948, tahun 1960 dan seterusnya sampai sekarang. Demikian juga dari segi perjuangan kominis samada di barat ataupun di sebelah timur, lepas peperangan dunia yang kedua pada tahun 1945 kominis menguasai Korea Utara, pada tahun 1949 Negera China pada tahun 1954 Vietnam Utara dan baru-baru ini negeri-negeri seperti Kemboja, Vietnam Selatan dan Laos telah masuk ke dalam perangkap kominis. Jadi, apa yang kita hendak pentingkan ialah perjuangan mereka di negara kita dan yang menjadi markas mereka adalah di sempadan. Saya percaya semua pihak sependapat dengan saya, insya Allah, kerana kawalan kita yang begitu rapi dan sebahagian besar daripada penduduk-penduduk kita menganuti agama Islam, kominis tidak akan berjaya dalam perjuangannya di negara kita. Walaupun begitu, mereka berjaya sekurang-kurangnya untuk mengacau-bilaukan negara kita, mengadakan satu keadaan huru-hara dan sebagainya. Oleh itu, saya berharap supaya satu tumpuan utama diberikan kepada keselamatan di sempadan antara Siam dan negara kita. Dalam persidangan-persidangan bersama antara Kerajaan-kerajaan Malaysia dan Thailand (Siam), kita telah mengadakan berbagai-bagai langkah tetapi saya percaya kita tidak hanya menumpukan dari segi keselamatan bahkan dari segi-segi yang lain juga.

Saya menarik perhatian ura-ura hendak menebok Segenting Kra untuk dijadikan terusan. Saya percaya kalau ini kita kemukakan sekali lagi walaupun ini akan memakan belanja yang besar dan kerja yang banyak, tetapi kalau dibuat di antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Thai, mungkin pada suatu masa selain daripada kita dapat membendong kawasan itu hendak dijadikan pusat atau markas untuk penjahat kominis menghuru-harakan negeri kita, banyak lagi keuntungan-keuntungan yang lain dari segi ekonomi, pembangunan dan mengubah pula satu corak perjalanan di sebelah timur ini. Walaupun ini seperti saya katakan tadi memakan belanja yang besar dan terpaksa kita hendak mengadakan penyelidikan yang mendalam tetapi saya percaya kalau perkara-perkara

yang lain yang lebih besar kita boleh jalankan, ini juga kita boleh jalankan dengan cara bersama di antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Thailand.

Dalam bahagian keselamatan juga mengenai dengan keadaan-keadaan penjenayah dan sebagainya, terutamanya berkenaan dengan jenayah bersenjata dan banyak kita dapati senjata-senjata haram diseludupkan ke negara kita, demikian juga mengenai dadah dan lain-lain lagi. Apa yang saya hendak tekankan di sini, walaupun kawalan-kawalan keras kita telah jalankan, tetapi saya nampak pintu-pintu masuk ke negara kita sewaktu orang-orang luar masuk, setahu saya tidak ada kawalan yang begitu rapi. Kalau ada pun misalnya di lapanganterbang Subang, hanya mereka yang hendak meninggalkan lapanganterbang itu, sedangkan sewaktu mereka masuk tidak ada kawalan yang seperti itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada seminit lagi.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Kalau kita tidak jalankan keadaan ini kita tidak akan dapat membendung hal yang saya katakan tadi, bukan sahaja di lapanganterbang Subang bahkan di jalan-jalan lain masuk ke negara kita.

Mengenai dengan Orang-orang Asli, saya suka hendak mencadangkan di sini untuk menyerap mereka ke dalam masyarakat supaya diberi peluang yang lebih untuk mereka menyertai rancangan FELDA. Saya percaya kalau ini dijalankan maka dapatlah kita menyerap Orang-orang Asli, kerana orang-orang Asli ini memang tidak suka bercampur dengan golongan-golongan yang lain, tetapi dengan cara menyertakan mereka ke dalam FELDA ini yang mana berbagai-bagai kemudahan telah disediakan oleh Kerajaan. Kementerian ini hendaklah bekerjasama dengan Kementerian Tanah dan Galian untuk hendak menentukan supaya penyertaan Orang-orang Asli ke dalam rancangan FELDA dapat dijalankan.

6.38 ptg.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (Silam): Tuan Pengerusi, saya juga turut bangun untuk bercakap sedikit di atas permohonan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya hanya hendak

bercakap dengan ringkas sahaja dalam perkara Polis Diraja Malaysia. Yang pertama saya hendak bercakap Kepala B. 34, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3)—Menguatkuasakan Undang-undang dan Perintah.

Tuan Pengerusi, masalah menguatkuasakan undang-undang dalam negeri kita ini adalah perkara wajib. Pada saat-saat akhir ini kita semua telah nampak bagaimana undang-undang yang dikeluarkan oleh Kementerian ini adalah sangat memuaskan hati Kerajaan kerana Kerajaan sentiasa menjawab bahawa undang-undang di negara kita tidak memilih kasih. Kiranya benar dapat dijalankan dengan sepenuhnya maka undang-undang dalam negeri kita ini adalah yang paling baik sekali dalam dunia Malaysia.

Tuan Pengerusi, dalam hal menguatkuasakan undang-undang dan perintah ini saya ingin bercakap berkenaan dengan undang-undang untuk keselamatan di sebelah Sabah terutama sekali di sebelah Semporna iaitu di Pulau Dinawan. Pulau Dinawan ini adalah satu tempat yang perantaraan antara Indonesia, Filipina dan Malaysia. Di pulau inilah orang-orang yang hendak keluar masuk ke negeri kita bersinggah. Apa yang saya dapati tidak ada satu pegawai polis kita diletakkan di sini ataupun balai polis didirikan di situ. Apakah hal keselamatan di Sabah ini hendak dilepaskan begitu sahaja sehingga sesuatu kejadian yang tidak diingini berlaku maka barulah diambil tindakan. Saya harap dapat dibangunkan di Pulau Dinawan ini sebuah balai polis atau pondok polis dengan seberapa segera yang boleh untuk mengelakkan dari kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku bagi masa hadapan.

Yang kedua, mengenai pembinaan Balai Polis di Semporna. Apa yang saya dapati perkara ini sudah berjalan terlampau sangat lama. Pengambilan tanah dan meratakan tanah sahaja memakan masa 5 tahun dan sekarang pula baru hendak diikhtiarkan plan bangunannya. Itulah sebabnya, Tuan Pengerusi, apa yang saya dapati Menteri ini hendaklah membuat lawatan mengejut ke tempat-tempat yang lambat dibangunkan untuk menguatkan undang-undang bukan sahaja di Semenanjung tetapi seluruh Malaysia. Saya harap pembinaan Balai Polis di Semporna ini diambil tindakan yang segera kerana di sana banyak kedatangan orang-orang luar masuk ke negeri Sabah melalui Semporna.

Tuan Pengerusi, mengenai Kepala B. 34, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (5) (a) Kenderaan. Pernah kita dengar di Dewan yang mulia ini mahupun ucapan-ucapan Menteri kita, apa-apa perkara yang digunakan oleh negara kita ini adalah yang termoden sekali. Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi bahawa kenderaan bot-bot ronda Polis yang digunakan di sebelah Sabah adalah yang terdiri bukannya dari yang termoden tetapi yang tertua dan uzur sekali. Kita telah merdeka berbelas tahun tetapi kenderaan bot-bot ronda Polis yang digunakan masih yang itu juga. Kita dapat lihat di masa media bahawa beberapa kali Menteri melancarkan bot-bot Kerajaan atau menempahnya tetapi tidak sebahupun didapati oleh pihak Polis di sebelah Lahat Datu dan Semporna. Pernah terjadi kenderaan bot-bot ronda ini rosak enjinnya dipertengahan jalan yang sedang membuat rondaan, ada pula didapati terbakar enjinnya sedang dalam bertugas juga. Saya dapat tahu sudah beberapa kali dilaporkan perkara ini kepada pihak yang berkenaan tetapi semua laporan itu dibakulsampahkan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, perkara yang anih berlaku tentang kenderaan bot Polis. Ini adalah ditempah di luar dari Malaysia, maka apa-apa kejadian kerosakan terpaksa pula dihantar keluar negeri, sungguhpun harga pembaikan dibuat tetapi kadang-kala adalah lebih mahal daripada harga bot yang asal dan terpaksa juga dihantar. Kita semua tahu bahawa negara kita Malaysia pun ada membuat bot-bot yang sedemikian, apalah salahnya kalau buat masa hadapan ini ditempah di negara kita sendiri atau ada udang di sebalik batu. Kita mendewa-dewakan rakyat supaya menggunakan barang-barang buatan sendiri walhal Kerajaan sendiri berbuat sebaliknya.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh Kepala B. 34, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Rancangan. Apa yang saya hendak cakapkan di sini ialah berkenaan dengan recruit polis di Sabah. Kita semua tahu bahawa perhubungan di Sabah tidaklah seperti di Semenanjung, boleh dihubungi dengan mudah. Di Sabah apabila seseorang itu telah direcruit untuk menjawat jawatan polis di Kota Kinabalu, terpaksa pula orang yang hendak melapurkan diri itu membelanjakan banyak wang, kerana orang-orang yang mendapat jawatan ini kebanyakannya tinggal di pendalaman dan beratus batu

jauhnya dari Kota Kinabalu. Orang-orang ini juga bukannya terdiri daripada yang berada, maka apabila dipanggil untuk melapurkan diri bagi jawatan Polis, terpaksa pula membiayai tambang ke Kota Kinabalu. Saya merayu kepada Kerajaan supaya dibuat peraturan baru bagi orang-orang yang hendak melapurkan diri bagi jawatan Polis ini di Kota Kinabalu hendaklah Kerajaan juga membiayai tambang dan perbelanjaannya, oleh kerana kita hendak menggunakan tenaganya yang berguna kepada negara, tetapi perbelanjaan kenderaan untuk menyampaikan ke Kota Kinabalu takut dibayar. Saya harap buat masa hadapan hendaklah dibereskan perbelanjaan yang saya maksudkan ini.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 1100, Pecahan-kepala (3)—Keselamatan Negeri-negeri. Kita semua membaca suratkhbar pada hari Sabtu yang lepas ini bahawa ada satu surat melayang yang diharamkan oleh Kerajaan. Kita semua angkat topi tentang Kerajaan ambil tindakan yang segera sebelum perkara ini merebak. Apa yang rakyat sangsikan sekarang, mengapa surat-surat melayang yang sebelum ini tidak diambil tindakan sebegitu, cuma surat melayang ini sahaja yang diambil tindakan. Rakyat hendak tahu berkenaan surat melayang yang diharamkan dari simpanan dan pemilikan yang digezetkan oleh Kerajaan kepada siapa yang ditunjukkan dan berkenaan dengan diri siapa. Adakah Kerajaan mengambil tindakan terhadap surat melayang ini hanya untuk melindungi seseorang sahaja tidak termasuk semua? Surat melayang yang dilayangkan oleh orang ramai kiranya benar mengapa pula ditakuti. Saya harap Kerajaan hendaklah bersikap tegas di dalam menjalankan undang-undang kepada rakyatnya.

6.46 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya ingin membahaskan Kepala B. 33, Pecahan-kepala 1100, muka surat 253 dan Kepala B. 34, Pecahan-kepala 1300.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini sangatlah mustahak kepada

keamanan negara kita hari ini dan saya berharap Yang Berhormat Menteri menitikberatkan segala perjalanan-perjalanan Kementerian ini oleh sebab apa yang dilakukan oleh agen-agen kominis hari ini ialah sebagai satu tamparan kepada pihak-pihak Polis kita hari ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kawasan simpanan adalah satu-satunya kawasan di dalam Jajahan Tumpat yang duduknya di sepanjang sempadan Malaysia/Thai yang mana kawasan ini adalah satu-satunya kawasan yang berhadapan dengan negeri Thai dan juga pantainya terbuka ke Laut China Selatan yang begitu luas sekali. Maka dengan sebab itulah masalah keselamatan patutlah diberikan perhatian yang berat kepada kawasan ini memandangkan penyeludupan, pencolekan dan tindakan-tindakan anti-nasional dan juga kominis yang berleluasa di sempadan Malaysia/Thai itu. Oleh itu, memandangkan kepada pergerakan-pergerakan kominis yang kian hari kian bertambah hebat, mustahak sekali masalah keselamatan ini diambil perhatian yang berat. Dengan ini saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya membina sebuah pengkalan merin dan Pengkalan Kubu hendaklah disegerakan. Dengan adanya pengkalan ini dapatlah pihak Polis mengawal pengkalan-pengkalan di sepanjang kawasan itu dan juga membuat patrol yang agak ketat sedikit di laut dan ianya juga akan memberi guna bagi mengawal pencerobohan nelayan-nelayan Thai di Laut China Selatan yang sentiasa mengganggu nelayan-nelayan Malaysia dengan mencuri pukat, merampas, menyamun di Laut China Selatan.

Yunit-yunit RELA di kawasan sempadan perlulah dilengkapi dengan senjata di tiap-tiap yunit. Ini adalah mustahak sekali kerana telah beberapa kali berlaku pencerobohan daripada pihak penjahat yang cuba memecahkan kandang-kandang besar di dalam kawasan ini. Dengan senjata yang dilengkapi kepada Yunit RELA yang ada sekarang ini adalah terlalu sulit bagi mengawal kedudukan yang seperti ini. Balai Polis di kawasan sempadan juga perlu diperkemas seperti Balai Polis Pengkalan Kubor, Balai Polis Kuala Jambu dan Balai Polis Simpangan dan juga perlu ditambahkan anggota-anggota bagi meluaskan tindakan

dan mengawal di kawasan sempadan, selain daripada menyiasat lebih mendalam.

Mengenai dengan hal-hal yang berlaku di kawasan ini adalah mustahak sekali untuk memperkemas lagi kawalan dan memberi keamanan di kawasan sempadan ini supaya akan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada seluruh negeri dan negara.

Pandangan-pandangan ini adalah di atas kesedaran saya dari apa yang saya ketahui perkara-perkara yang sentiasa berlaku dan diharapkan semua pandangan ini akan dapat perhatian yang berat dari pihak Kementerian demi untuk mengawal keselamatan dari apa-apa yang kita rasa dan berkemungkinan benar ancaman yang berlaku di dalam tanah-air kita dan daripada terdedahnya pintu keluar masuk di kawasan sempadan itu.

Tuan Pengerusi, saya amat terkejut membaca akhbar kenyataan pihak Polis Kelantan baru-baru ini yang mengatakan sebanyak 300 buah pengkalan haram di sepanjang perbatasan Kelantan/Thailand. Dengan kenyataan ini tentu daripada pengkalan-pengkalan itu, kegiatan haram akan sentiasa dilancarkan oleh anasir anti-nasional untuk mengancam keselamatan di negara kita. Oleh itu, penambahan anggota Polis mestilah diwujudkan dengan segera untuk mengatasi pencerobohan yang kian bertambah itu.

Tuan Pengerusi, Kerajaan mestilah menambah banyak lagi peruntukan kepada Kementerian ini kerana memandangkan keadaan sekarang ini yang dilakukan oleh agen-agen kominis yang memperhebatkan gerakan mereka tanpa perikemanusiaan untuk mencapai matlamat perjuangan mereka, mereka sanggup melakukan apa sahaja walaupun membunuh manusia yang tidak berdosa. Pada masa ini kominis begitu bermaharajalela, bukan sahaja di kawasan hutan belantara malah di bandar juga terdapat berbagai-bagai jenayah yang berlaku.

Tuan Pengerusi, Pasukan Keselamatan kita hendaklah membuat persediaan menghadapi kemungkinan yang akan berlaku, misalnya, kejadian meletupkan Tugu Kebangsaan, melempar bom di Markas Briged Pasukan Hutan dan membunuh beberapa orang pegawai Polis Cawangan Khas. Pembunuhan anggota-anggota Polis ini bukanlah perkara pertama kali dilakukan. Sudah banyak peristiwa seumpama itu dilakukan oleh agen kominis, dengan tindakan yang mereka telah

lakukan itu tentu sahaja menjadi tandanya kepada kita apakah kita mahu supaya zaman gelap akan berulang lagi?

Tuan Pengerusi, dengan ini saya berpendapat pengambilan recruit baru Pasukan Polis hendaklah dilakukan dengan segera, janganlah hendaknya diambil seperti mana Kerajaan mengambil pegawai-pegawai jabatan yang lain sekiranya diperlukan oleh jabatan-jabatan itu barulah diambil. Untuk pengambilan recruit-recruit baru Pasukan Polis ini akan memakan masa yang panjang. Kita semua tahu untuk mengambil recruit baru itu hendaklah diiklankan dalam akhbar, sudah itu ditapis, kemudian ditemuduga, diadakan peperiksaan doktor dan kemudian baru diadakan training yang mana memakan masa yang panjang, sedangkan negara kita hari ini memerlukan banyak Pasukan Keselamatan. Oleh itu, kalau pengambilan Pasukan keselamatan tidak dapat diatasi kemungkinan berbagai perkara akan berlaku. Oleh sebab itu, saya berharap kepada Kerajaan supaya pengambilan pasukan keselamatan kita akan diadakan untuk dua tahun sekaligus di dalam tahun 1976 kelak dan tidaklah diambil pada tiap-tiap tahun seperti mana yang diamalkan pada hari ini yang akan melemahkan pentadbiran kita. Sebabnya saya katakan begitu pengambilan Pasukan Polis adalah lain daripada pengambilan jawatan-jawatan lain, yang boleh diambil pada tiap-tiap tahun, tetapi sebaliknya untuk menjadi pasukan Polis ini tidak dapat diambil terus dari mana-mana sekolah atau dari mana-mana universiti. Oleh sebab tiap-tiap orang yang hendak menjadi Polis hendaklah diadakan training yang memakan masa yang panjang. Oleh itu, saya harap kepada pihak Perbendaharaan sekiranya pengambilan Polis akan diadakan peruntukan dua tahun dijadikan satu tahun iaitu tahun ini juga hendaklah Perbendaharaan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Dengan keadaan negara kita hari ini tidaklah dikatakan seperti pengambilan jawatan-jawatan lain di hari ini, misalnya, Kerajaan berkehendakkan pada tahun ini doktor sebanyak 500 orang atau guru-guru sebanyak 2,000 orang, ini senang diambil kerana pada tiap-tiap tahun banyak didapati kelulusan seperti itu yang dikeluarkan oleh universiti dan lain-lain. Sebaliknya, Tuan Pengerusi, jika pada tahun ini Kerajaan berkehendakkan 5,000 orang

untuk menjadi Polis, maka ini tidak dapat dilakukan oleh sebab mereka ini hendaklah dilatih terlebih dahulu. Maka dengan ini saya harap kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mengatasi perkara ini demi keselamatan negara kita hari ini. Dengan ini, saya menyokong peruntukan perbelanjaan Kementerian ini.

6.56 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Kepala B. 33—B. 39, kerana Kementerian ini seperti kata pepatah Melayu, “Berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul”.

Dalam keadaan negara ketika ini sudah sewajarnya kita semua memberi kepercayaan yang penuh dan sokongan yang kuat kepada Kementerian ini menjalankan tugas-tugasnya berlandaskan Rukunegara. Tetapi pada hari ini Dewan kita telah bersikap sungguh wajar kerana menolak cadangan yang dikemukakan oleh salah seorang daripada Parti Pembangkang yang hendak menunjukkan gambaran seolah-olah tidak mempunyai kepercayaan kepada petadbiran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebenarnya, kita semua tahu kalau kita berdampingan dengan rakyat, telah banyak perubahan yang berlaku di dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi tidak boleh dihebah-hebahkan untuk pengetahuan orang ramai kerana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memegang kunci keselamatan negara.

Dalam Kepala B. 33 iaitu Bahagian Belanja Mengurus di bawah Pecahan-kepala (4) Penapisan Filem dan Penerbitan. Di sini inginlah saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana di negara kita ini masalah perniagaan dan penayangan filem sangat maju. Jadi, banyaklah negara-negara asing yang mengelurkan filem dan menghantarkan filem itu ke negara kita dan beberapa filem itu telah ditapis dan terpaksa ditolak tetapi mereka boleh merayu balik. Dalam masalah rayuan inilah saya perhatikan bayaran untuk merayu itu terlampau rendah sangat. Jadi untuk menambatkan hasil negara dan juga supaya tidak banyak sangat rayuan itu berulang kali, saya mencadangkan kepada Kementerian

supaya menaikkan harga belanja pihak Kementerian apabila hendak menerima rayauan, bukan setakat yang ada hari ini cuma sebanyak \$50 sahaja. Saya minta juga kepada pihak Kementerian ini mengambil berat sedikit dalam Bahagian Tapisan Filem dan Penerbitan ini, kerana inilah satu saluran yang kalau kita tidak jaga betul-betul akan boleh disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab terutama saya mengingati beberapa buah filem, misalnya, pembunuhan CPO Perak, dan IGP. Filem-filem yang menunjukkan cara-cara membunuh mangsanya di dalam motokar pernah ditayangkan dalam negara kita. Kemudian berlaku betul-betul. Ini telah terbukti, cara-cara yang senang untuk penjenayah hendak menjalankan kerja-kerja mereka dalam negara ini menerusi apa yang mereka lihat di dalam filem. Jadi, saya berharap sangatlah Kementerian mengambil berat dan tegas dalam perkara penapisan filem ini.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, Aktiviti (6) Peperangan Saraf. Saya rasa peruntukan tahun 1975 sebanyak \$150,000 manakala tahun 1976 dikurangkan pula lagi Belanja Mengurus di sini sebanyak \$121,000 sahaja. Saya ingatkan sepatutnya dalam keadaan negara yang begini peruntukan di bahagian ini patut dinaikkan lagi, patut ditambah orang, patut dicari pakar-pakar yang tertentu, kerana jabatan ini walaupun tidak diketahui oleh ramai orang tetapi memainkan peranan yang penting. Setakat ini dalam Jabatan Peperangan Saraf ini telah ada yang berjaya. Saya berharap pihak Kementerian menitikberatkan dua perkara yang saya sebutkan tadi, iaitu penapisan filem dan peperangan saraf ini dipergiatkan untuk faedah negara kita.

Tuan Pengerusi, dalam Kepala Bekalan B. 34, muka surat 426 mengenai masalah Polis. Saya ada dua-tiga perkara yang saya hendak sentuh dari segi pentadbiran, iaitu saya minta supaya sekiranya gaji Polis ini di peringkat-peringkat yang tertentu diperbaiki supaya dapat menarik orang-orang yang berkelayakan memasuki jawatan Polis ini, tidak seperti pada hari ini saya rasa terlalu kurang sangat jawatan-jawatan tertentu. Kita mengharapkan banyak sangat kepada Polis, semuanya hendak dibuat oleh Polis, samada masalah lalu lintas, kalau terjadi banjir, kacau-bilau, perayaan, semuanya Polis, tetapi kalau kita kaji beza tanggungjawab mereka dengan habuan ataupun pembayaran yang mereka terima itu saya

rasa tidak seimbang. Perkara ini saya berharap masalah pentadbiran Polis ini dapat dikaji dan ditambah jawatan-jawatan yang penting dan kenaikan-kenaikan gaji mereka ataupun scheme of service mereka itu diperbaiki.

Perkara yang ketiga dalam bahagian Pencegahan Jenayah. Dalam masalah pencegahan jenayah, muka surat 426, Tuan Pengerusi, adalah naik sedikit sahaja anggarannya kalau dibandingkan dengan tahun 1975 \$17 juta, di sini ada \$18 juta. Saya harap dalam kenaikan ini dapatlah pihak Polis membeli alat-alat moden, bukan sahaja dari segi senjata, tetapi alat-alat perhubungan moden bagi pihak Polis supaya bukan sahaja menggunakan talipon, misalnya, alat VHF supaya dapat digunakan oleh pihak Polis supaya kalau berlaku sesuatu perkara jenayah perhubungan dapat lekas diketahui oleh semua pihak Polis yang bertugas pada hari itu.

Kita semua sedar pada hari ini kedudukan kekuatan jumlah anggota Polis sangat berkurangan dalam negara kita dan banyaklah sahabat-sahabat saya yang lain telah bercakap untuk menambahkan anggota Polis. Dalam perkara ini saya minta pihak Kementerian menimbang Jabatan Polis ini supaya memberi mereka alat-alat yang moden dan juga latihan tertentu untuk mengetahui selok-belok kepada sesuatu kawasan yang mereka bertugas. Pada hari ini kita terdengar apabila seseorang itu sesat mereka mencari Polis dan bertanya di mana lorong itu dan ramai di antara Polis yang bertugas itu tidak mengetahui kawasan-kawasan di tempat mereka bertugas. Ini akan membahayakan juga kerana kalau berlaku sebarang huru-hara ataupun jenayah, kalau mendapat berita atau maklumat itu kadang-kadang susah pihak Polis hendak membuat pemintasan sesuatu tempat yang berlaku. Kalau tiap-tiap anggota Polis yang bertugas, misalnya di Kuala Lumpur ini mereka tahu, lancar, diberikan temuduga apabila mereka bertugas di sini supaya mereka tahu ini lorong mana, kawasan itu dan kawasan ini, mereka tahu mana jalan hendak masuk dan mana jalan hendak keluar, janganlah pula pihak Polis mencari jalan masuk lorong yang salah akan diketawakan oleh orang ramai. Ini salah satu daripada cara untuk hendak mencegah kejadian jenayah-jenayah selain daripada Polis mempunyai alat-alat yang moden, senjata yang moden, mempunyai kekuatan dan jenis kenderaan

yang bagus. Perkara yang pentingnya hendaklah mengetahui latar-belakang, selok-belok kawasan-kawasan di mana tempat mereka bertugas.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Perkara yang keempat, Tuan Pengerusi, mengenai Risikan Keselamatan ini saya nampak di sini perbelanjaannya pun tidak juga bertambah bahkan berkurangan. Saya rasa ini amat mustahak kerana pihak Polis untuk melaksana dan menjayakan kerja-kerja keselamatan berkehendakkan sokongan orang ramai, jadi maklumat-maklumat mesti datang daripada orang ramai. Kalau peruntukan ini tidak diperbesarkan saya rasa susah sedikit kerana zaman sekarang ini apa-apa sahaja perkara yang hendak mendapat maklumat semuanya kena bayar wang, jadi perhubungan Polis dalam perkara ini amat penting.

Mengenai Kepala B. 38—Penjara, satu perkara sahaja saya hendak tahu. Saya minta Kementerian memerhatikan cara anggota-anggota Warder ini hendak masuk bekerja saya nampak amat merbahaya, iaitu mereka berkumpul beramai-ramai di pintu itu dahulu sebelum masuk bekerja, ini sangat merbahaya. Pada masa sekarang ini kita telah melihat orang melempar bom. Kalau penjahat lalu telah mengetahui bila mereka masuk bekerja dan bila mereka keluar, kalau mereka berkumpul dahulu di tepi tembok itu, jika sekiranya dilemparkannya bom maka habislah warder-warder kita. Saya harap pihak Kementerian memberi teguran sedikit kepada pihak Penjara.

Akhir sekali kepada Orang Asli

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, tempoh sudah cukup. Saya boleh benarkan seorang sahaja lagi boleh bercakap, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput. Saya beri peluang bercakap 5 minit sahaja.

7.06 m/m.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan sebanyak \$485,252,350 kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Merujuk kepada Kepala Bekalan B. 37, Pecahan-kepala 2100, Aktiviti (4) Pendaftaran

Kewarganegaraan, muka surat 274, kita diberitahu bahawa belanjawan lebih kurang \$27,000 telah dilakukan. Kewarganegaraan telah menjadi masalah yang paling besar. Mula-mula sekali adalah berhubung dengan proses mendapatkan kewarganegaraan orang yang belum mencukupi umur (minors citizenship) telah diperingkatkan. Umpamanya, satu permohonan dikemukakan semasa seorang itu berumur 18 tahun oleh ibu-bapanya akan mengambil masa lebih 3 tahun dan sesudah itu ibu-bapa yang berkenaan akan diminta memohon di bawah Artikel 16 sekali lagi, kerana kanak-kanak itu telah meningkat umur 21 tahun dan minors citizenship tidak dapat dikeluarkan, padahalnya kanak-kanak itu dilahirkan di sini dan ibu-bapa mereka pula adalah warganegara negeri ini, tetapi kenapa dilambatkan hingga 3 tahun dan menolak permohonan seumpama itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, permohonan yang dibuat di bawah Artikel 16, orang-orang yang dilahirkan di dalam negeri ini akan dilambatkan selama lebih 3 tahun dan kebanyakannya daripada mereka masih menderita dalam perkara Pas Kerja (Work Permit). Seorang pemohon yang dapat memenuhi semua keperluan mengapa mesti dilambat-lambatkan? Seorang yang lahir di dalam negeri ini yang sepatutnya berhak menjadi warganegara di bawah peraturan Perlembagaan juga diperlambatkan menjadi seorang warganegara dan terus dilambat-lambatkan tanpa mempunyai alasan yang menasabah. Setiap permohonan menjadi warganegara tidak kira di bawah clause apa yang mereka pohon akan menjadi tempoh percubaan yang dilambatkannya.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya juga telah difahamkan hanya Pegawai Pendaftaran yang diberikan kuasa meluluskan permohonan. Sungguh malang apabila kita mengetahui bahawa Pegawai Pendaftaran hanya dua orang sahaja untuk mengendalikan keseluruhan pejabat dengan kuasa yang diberikan kepada beliau.

Tuan Pengerusi, pegawai ini cuma dapat memproses dan mengeluarkan satu dozen permohonan sahaja dalam sehari dan kadangkadangkang tiada sampai 20 permohonan sehari. Kalau begitulah keadaannya kita akan dapat menyedari berapa lamakah masa yang akan digunakannya untuk menyelesaikan beribu-ribu permohonan yang masih terbiar selama beberapa tahun lampau.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, permohonan dari orang-orang yang melakukan kesalahan kecil. Nampaknya Kementerian mengamalkan dasar tutup pintu kepada mereka yang melakukan kesalahan kecil atau mempunyai hubungan kecil dengan kesalahan-kesalahan yang tidak begitu berat. Mereka yang dilahirkan di dalam negeri ini dan tiada mempunyai sebarang pengetahuan tentang dunia luar telah dijadikan mangsa, padahal kesalahan-kesalahan kecil yang mereka lakukan dalam lingkungan umur yang masih mentah tiada langsung mengetahui akan akibat kesalahan yang mereka lakukan itu. Kalau mereka tiada diberikan taraf kewarganegaraan di manakah kita hendak mendapatkan tempat bagi mereka untuk hidup di dalam masyarakat. Adakah kita terus menerus menghancurkan harapan dan cita-cita baik mereka yang ingin hidup sebagai rakyat biasa? Pengganas-pengganas yang mengangkat senjata untuk menentang bangsa dan negara kita telah bertahun-tahun berjuang untuk menghancurkan perpaduan rakyat dan demokrasi dalam negara kita lagi dapat diampunkan dan didirikan tempat untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Kita berikan segala kemudahan selepas pengampunan itu. Anasir-anasir anti-nasional ini dengan perbuatan-perbuatan ganas mereka dapat kita lupakan begitu sahaja dan mereka akan menjadi sebagai rakyat untuk menikmati segala kemudahan yang kita berikan. Jadi, di sini kita dapat membezakan kedudukan perkara ini. Mereka yang melakukan kesalahan kecil dihukum seumur hidup mereka tetapi anasir-anasir anti-nasional diberikan layanan baik. Dasar kemanusiaan adalah untuk melupakan dan memaafkan. Dengan tindakan keras yang kita kenakan kepada jenerasi muda kita akan menggalakkan mereka menjadi orang-orang yang berperangai jahat buat selama-lamanya. Sekiranya belia-belia ini dibiarkan hidup di luar lingkungan masyarakat masanya akan tiba untuk mengadakan sebuah sektor untuk mendapatkan orang-orang yang telah rosak maruah dan peribadinya. Oleh itu, sebelum saya menamatkan ucapan saya, sukalah saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya memberikan perasaan simpati untuk menimbangkan kedudukan penjenayah-penjenayah kecil dengan cara memberikan mereka tempat dan memberikan taraf kewarganegaraan. Adalah satu perkara yang tidak mustahil untuk memuaskan mereka kerana mereka telah dilahirkan

dalam negeri ini, negara mestilah mampu menerima kumpulan jenerasi ini.

7.13 mlm.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Pengerusi saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan juga cadangan-cadangan yang sangat berguna dalam Dewan ini untuk perhatian dan pertimbangan serta tindakan yang sewajarnya bagi Kementerian ini melaksanakan atau dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan di bawahnya.

Tuan Pengerusi, banyak soal-soal yang ditimbulkan ini memanglah satu perkara yang sedang difikirkan dan ada yang telah dijalankan dan sedang dijalankan dan akan dijalankan atau dilaksanakan oleh Kementerian ini. Begitu juga soal-soal yang berhubung dengan perkara-perkara penjenayah-penjenayah, anti-nasional dan juga lain-lain soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, terutama mengenai dengan permohonan kerakyatan, penukaran Sijil Beranak dan Mati dan sebagainya.

Kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Lumpur Bandar mengenai dengan soal kerakyatan, saya suka menyatakan bahawa pegawai-pegawai yang berkenaan sentiasa bekerja dengan kuat dan tekun dan bersungguh-sungguh bagi melayani segala permohonan yang dikemukakan kepadanya. Saya tidak begitu faham selalunya ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang mengenai dengan soal permohonan kerakyatan ini. Sebenarnya, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, semenjak Kemerdekaan tercapai sehinggalah sebulan yang lalu telah lebih 1,364,457 orang telah diluluskan taraf kerakyatan dalam negeri ini dan hanya kira-kira 19,000 sahaja permohonan yang sedang diproses sekarang. Jadi memandangkan jumlah yang begitu besar dalam tempoh beberapa tahun sahaja, maka tidaklah ada tuduhan-tuduhan yang dilemparkan dikatakan pegawai-pegawai yang berkenaan melambatkan soal ini. Apa yang perlu diperhatikan dan diperhitungkan sekarang ini, memang ada aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian ini dan pegawai-pegawai dari Jabatan yang berkenaan, kelambatan ini bukanlah kadang-kadang tidak boleh disalahkan kepada pegawai-pegawai, tetapi ada

masanya pemohon-pemohon ini apabila dikehendaki memberikan keterangan-keterangan lanjut biasanya lambat menjawab dan kadangkadang mengambil masa berbulan-bulan baru dijawab dan ada masanya tidak menjawab langsung sehingga dihantar pula surat ingatan berbulan-bulan lamanya. Ini satu sebab melambatkan kenapa permohonan-permohonan untuk mendapatkan taraf kerakyatan ini mengambil masa bertahun-tahun.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, mengenai dengan Sijil Coklat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya memang Kementerian ini tidaklah terlalu ketat di dalam melayani soal ini, tetapi kita tidaklah terlalu longgar dan tidak pula kita mengeneppikan dari segi keselamatan mengenai dengan mengembalikan Kad-kad Pengenalan Coklat itu kepada kad-kad Pengenalan Biru. Sepanjang yang saya ingat beratus-ratus Kad-kad Pengenalan Coklat ini telah pun kita tukarkan kepada Kad Pengenalan Biru setelah pihak Polis merasa puas hati bahawa mereka itu tidak lagi mengganggu atau tidak lagi dianggap sebagai orang-orang yang akan mengancam keselamatan negara kita ini. Walaupun demikian, soal-soal ini kita ambil perhatian dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat mengenai dengan Polis ini saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas pandangan dan teguran dan juga cadangan-cadangan yang dimajukan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Pasukan Polis ini patutlah ditambah dan dalam Dewan ini saya telah menjawab Soalan Mulut beberapa hari yang lalu bahawa Pasukan Polis kita akan dilengkapi dan akan ditambah menjadi 20,000 orang ramainya, dan kelengkapan-kelengkapan dan alat-alat senjata moden akan dibeli bagi melengkapkan Pasukan Polis kita ini sesuai dengan perubahan-perubahan masa dan juga senjata-senjata yang digunakan oleh pihak-pihak yang menentang kita. Begitu juga alat-alat perhubungan yang moden juga kita akan gunakan untuk Polis-polis kita ini dapat berhubung di antara satu dengan lain dengan mudah dan juga perhubungan-perhubungan yang digunakan oleh Polis-polis Hutan kita yang operasi dalam hutan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan teguran daripada Yang Berhormat mengenai dengan bot-bot Polis kita yang telah lama dan sebagainya itu. Saya rasakan ini adalah satu

perkara biasa kerosakan itu, terutama sekali kalau pihak Polis kita selalu masuk ke jalan-jalan kampung yang belum diminyaktarkan memanglah selalu menghadapi kerosakan. Saya rasa ini tidaklah menjadi satu persoalan yang boleh kita anggap berat, tetapi dari semasa ke semasa pihak Kementerian ini mengkaji dan membeli kereta-kereta baru dan juga dengan bot-bot peronda yang baru dan lebih laju lagi daripada yang sudah-sudah ini.

Berkaitan dengan RELA, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memandang berat dan memandang tinggi di atas khidmat RELA ini terutama sekali di sempadan. Memanglah tugas RELA ini kita anggap sebagai satu tugas masyarakat dan tugas rakyat terhadap negaranya kerana RELA adalah satu pertubuhan atau sebuah organisasi yang dianjurkan oleh Kerajaan dan rakyat adalah dengan sukarela memasuki pertubuhan ini dengan tidak ada paksaan sama sekali. Inilah satu daripada perkara yang kita lihat bagaimana tanggungjawab seorang rakyat bagi mendapatkan dan memberikan sumbangan yang besar dan berguna kepada negaranya sendiri dan seperti yang saya katakan dalam ucapan saya tadi bahawa anggota RELA ini akan diperkuatkan lagi menjadi 500,000 orang pada tahun 1976 ini dan diharapkan dapat dilengkapi juga dengan senjata-senjata.

Satu perkara lagi pandangan daripada Ahli Yang Berhormat juga mengenai dengan perang uratsaraf juga ditimbulkan, memanglah ini satu perkara yang sangat penting dari segi perang uratsaraf, terutama dalam waktu kita menghadapi keganasan pengganas kominis dan cuba hendak menawan hati rakyat menyokong Kerajaan dan percaya bahawa Kerajaan tetap memberikan perlindungan dan akan mencapai kemenangan akhirnya.

Seperti yang saya sebutkan pada awal tadi bahawa peruntukan yang dikemukakan yang dibawa oleh Kementerian Dalam Negeri mengenai dengan Pecahan-pecahan Kepala yang disebutkan tadi, memanglah tidak mencukupi. Saya telah katakan tadi bahawa satu peruntukan tambahan sudah pasti akan dikemukakan lagi dalam Dewan ini dan tidaklah tahu bila, tetapi bila Dewan bersidang peruntukan tambahan tidaklah dapat dielakkan dan ditangguhkan lagi bagi tambahan-tambahan perbelanjaan yang sangat perlu akan kita lakukan.

Berhubung dengan bangunan-bangunan polis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga dari Baling dan juga Yang Berhormat dari Silam sebentar tadi. Dalam jawapan saya beberapa hari yang lalu di dalam Dewan ini telah saya terangkan bahawa bangunan polis di Baling itu disebabkan oleh kontraktor yang lalu itu tidak berupaya hendak menyudahkan, maka satu kontraktor baharu telahpun diambil dan saya rasa tidak berapa lama lagi akan dimulakan kerja itu.

Begitu juga dengan bangunan-bangunan polis yang baharu, tadi saya telah kemukakan Peruntukan Pembangunan mengenai bangunan-bangunan polis, saya berasa tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun maklum hal ini dan, insya Allah, dalam tahun 1976 ini kita akan melihat banyak lagi bangunan-bangunan (quarters) polis akan dibina sesuai dengan taraf anggota pasukan keselamatan yang mempertahankan keamanan negara kita ini.

Tuan Pengerusi, sekian jawapan saya dengan ringkas dan sekali saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas pandangan, perhatian dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian yang sewajarnya.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$22,330,000 untuk Kepala B. 33; \$331,937,000 untuk Kepala B. 34; \$10,152,700 untuk Kepala B. 35; \$600,000 untuk Kepala B. 36; \$8,411,500 untuk Kepala B. 37; \$23,939,000 untuk Kepala B. 38 dan \$6,132,100 untuk Kepala B. 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$71,500,000 untuk Kepala P. 34; \$1,470,030 untuk Kepala P. 35; \$6,380,020 untuk Kepala P. 38 dan \$2,400,000 untuk Kepala P. 39 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Kepala B. 43, B. 44 dan B. 45 (Jadual)—

7.25 mlm.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Pengerusi, saya mencadangkan iaitu Anggaran Belanjawan Mengurus Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara bagi tahun 1976 yang berjumlah \$6,711,615 untuk

tiga buah jawatan di bawah Kepala-kepala yang berikut menjadi sebahagian daripada jadual.

Kementerian saya tiada peruntukan untuk Pembangunan. Jawatan-jawatan yang berkenaan ialah Kepala Bekalan 43—Kementerian Undang-undang sebanyak \$4,479,200 Kepala Bekalan 44—Pemegang Amanah Raya dan Pentadbiran Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh \$1,276,900 dan Kepala Bekalan 45—Jabatan Pemegang Harta \$936,200. Seterusnya saya mengemukakan butir-butir lanjut bagi tiap-tiap jabatan dalam Kementerian saya.

Anggaran Perbelanjaan Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara bagi tahun 1976 ialah \$4,479,200 berbanding dengan \$3,499,100 bagi tahun 1975. Tiada perkembangan yang akan dilakukan dalam tahun 1976. Perbelanjaan Mengurus untuk Kementerian ini terbahagi kepada enam aktiviti seperti berikut:

Pentadbiran Am,
Perkhidmatan Perundang dan Penasihat,
Perkhidmatan Pendakwaan,
Perkhidmatan Guaman,
Perkhidmatan Bantuan Guaman, dan
Pusat Biro Narkotik.

Jumlah kakitangan Kementerian ini bagi tahun 1976 ialah seramai 349 orang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Undang-undang masih lagi ada beberapa kekosongan jawatan bagi Pegawai Undang-undang, kerana sebilangan pegawai-pegawai telah meletakkan jawatan. Kekosongan itu belum dapat diisikan lagi pada masa ini tetapi adalah dijangkakan semua kekosongan ini akan dapat diisi pada tahun 1976 apakala Faculti Undang-undang Universiti Malaya mengeluarkan graduan-graduannya. Baharu-baharu ini Kementerian ini telah mengambil seramai 16 orang Pegawai-pegawai Pentadbir Am secara pertukaran sementara untuk berkhidmat sebagai majistret di mahkamah-mahkamah dan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, mereka akan dihantar kelak berkursus di luar negeri untuk melayakkan diri mereka memasuki Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Saya ingin juga menyatakan bahawa dari bulan Januari hingga Oktober tahun 1975 ini seramai 10 orang telah dilantik sebagai Pegawai Undang-undang

berbanding dengan 12 orang Pegawai yang berhenti kerja termasuk dua orang yang telah bersara. Jumlah kekosongan Pegawai-pegawai Undang-undang di Jabatan Peguam Negara sahaja adalah sebanyak 24 orang dan angka ini tidak termasuk kekosongan Jabatan Kehakiman. Mengikut rekod Kementerian ini jumlah kekosongan jawatan Pegawai Undang-undang di Jabatan Peguam Negara dan juga Jabatan Kehakiman ialah 28 orang yang kosong. Oleh kerana kekurangan Pegawai-pegawai Undang-undang yang saya sebutkan itu, maka Kementerian saya belum lagi dapat menubuhkan satu yunit khas untuk menterjemahkan segala undang-undang kita yang ada dalam Bahasa Kebangsaan. Saya harap akan dapat menubuhkan yunit-yunit dan membesarkan Bahagian Pengubalan dan terjemahan Undang-undang dalam tahun 1976. Dengan sebab perkembangan pembangunan negara kita telah berjalan dengan sangat pesatnya dan persidangan antarabangsa berkenaan dengan undang-undang telah bertambah, negara kita memerlukan lebih banyak lagi pakar-pakar (specialists) dalam bidang-bidang yang tertentu, khasnya dalam bidang international law and international trade.

Kementerian saya telah menghantar beberapa orang pegawai-pegawai yang berkebolehan dan berkelayakan keluar negeri untuk mengambil kursus post graduate dalam lapangan tersebut. Tanggungan setengah-setengah Kementerian sekarang telah bertambah berat dan selalu berkehendakkan nasihat undang-undang dengan segera, maka Kementerian saya telah mulai menjalankan proses decentralization, dengan mengadakan pegawai-pegawai Undang-undang di setengah-setengah Kementerian supaya Penasihat Undang-undang dalam Kementerian itu dapat diberi dengan segera.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 10-12-1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.